

**03 APRIL 2017 (ISNIN)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS TAHUN 2017**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 03 APRIL 2017 (ISNIN)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**03 APRIL 2017 (ISNIN)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmannir rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat pertama penggal kelima Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada hari yang keenam 3 April 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semua saya telah dimaklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada pagi ini tidak dapat menghadiri sesi soalan jawab kerana beliau berada di Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri Selangor di Istana Alam Shah bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Baiklah Bukit Gasing tidak hadir, Tanjung Sepat tidak hadir, Kajang tidak hadir. Soalan 76 telah dijawab bersekali dengan soalan 18. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG**

**(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK: PIAGAM PELANGGAN AIR SELANGOR SDN BHD**

77. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri memantau pencapaian piagam pelanggan Air Selangor Sdn Bhd dari masa ke semasa? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi memastikan pemaju-pemaju rumah mendapat perkhidmatan yang terbaik apabila berurusan dengan Air Selangor Sdn Bhd.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Kuala Kubu Baharu yang bertanyakan soalan. Pemantauan Piagam Pelanggan dipertanggungjawabkan kepada Pengurusan Air Selangor. Piagam Pelanggan Air Selangor telah disiapkan secara dalaman untuk memastikan penyediaan perkhidmatan pelanggan yang terbaik serta kepuasan pelanggan yang tertinggi. Ia disemak dari masa ke semasa oleh pengurusan berpandu kepada maklum balas daripada pelanggan. Piagam ini juga fokus kepada layanan efisien yang berkesan dari sudut pertanyaan aduan dan permintaan pelanggan melalui telefon, e-mail, sms, facebook, twitter, surat menyurat dan perkhidmatan kaunter. Piagam juga mengisyiharkan komitmen kepada pelanggan bagi tempoh-tempoh pemasangan meter air baru, pemakluman gangguan bekalan air dan penyambungan semua bekalan air. Air Selangor juga telah menyediakan piagam perkhidmatan perhubungan pelanggan yang kita boleh dapatkan di laman web rasmi Air Selangor. Air Selangor juga sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pemaju-pemaju perumahan yang berurusan dengan Air Selangor. Kesemua keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemaju-pemaju telah ditetapkan mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan lain-lain kaedah seperti Kaedah-kaedah Industri perkhidmatan air, retikulasi air dan pemasangan paip 2014 dan peraturan-peraturan industri perkhidmatan air termasuklah *defecit, fee, charge* perkhidmatan air 2014. Untuk keperluan secara teknikal secara terperinci pemaju juga tertakluk kepada pematuhan teknikal seperti yang telah ditetapkan oleh SPAN di bawah panduan teknikal seragam *Uniform Technical Guideline* dan Air Selangor juga tertakluk kepada pematuhan keperluan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan lain-lain kaedah dan peraturan di dalam memproses permohonan bekalan air yang seterusnya memudahkan kawalan pematuhan oleh semua pihak.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B PUAN LEE KEE HIONG:** Saya nak tahu penilaian Yang Berhormat EXCO sendiri terhadap khidmat pelanggan yang diberikan oleh Air Selangor. Adakah ianya lebih baik daripada SYABAS ataupun sama sahaja

**Y.B TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu, berdasarkan laporan yang saya terima dan juga semak imbang yang sering kali dilakukan oleh pejabat saya sendiri membuktikan bahawa dari sudut *customer service*, piagam pelanggan, pelanggan khususnya yang telah pun dibekalkan semasa perkhidmatan oleh Air Selangor jauh lebih baik berbanding dengan sebelum daripada ini. Saya

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

sendiri pernah membuat semakan-semakan termasuk membuat penyamaran telefon ke *hotline* dan sebagainya dan saya telah menyemak ianya mematuhi piagam pelanggan yang telah pun ditetapkan oleh Air Selangor sendiri.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah soalan seterusnya, Selat Klang tidak hadir, 79 telah dijawab bersekali dengan soalan 11, Teluk Datuk tidak hadir, Soalan 81 telah dijawab bersekali dengan soalan 18, Soalan 82 telah dijawab bersekali dengan soalan 39, Ijok tidak hadir, Semenyih tidak hadir, Soalan 85 telah dijawab bersekali dengan Soalan 44, Lembah Jaya tidak hadir, Batu Tiga.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Puan Speaker, soalan nombor 87.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL (N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: RUMAH SELANGORKU**

87. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa ramai pemohon mengikut jenis A, B, C, D Rumah Selangorku?
- b) Berapa peratus permintaan ini yang dapat di penuhi dan di tolak? Kenapa?
- c) Apakah KNS mempunyai perancangan untuk meneruskan pembuatan Rumah Selangorku yang mempunyai banyak permintaan ini?

**Y.B DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh salam sejahtera. Bismillahir Rahman nirrahim.* Terima kasih kepada Batu Tiga. Soalannya adalah nyatakan berapa ramai pemohon mengikut jenis A, B, C, dan D Rumah Selangorku. Jawapannya untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 28 Februari 2017 seramai 132,916 orang pemohon telah memohon Rumah Selangorku dengan pecahan permohonan mengikut jenis rumah adalah seperti berikut:

- Jenis A adalah 87,552 pemohon
- Jenis B adalah 8,008 orang pemohon
- Jenis C adalah 21,762 pemohon
- Jenis D adalah 15,594 pemohon

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Keseluruhannya adalah 132,916 pemohon, jadi ini bermakna bahawa Rumah Jenis A masih mempunyai permintaan yang tinggi. Yang kedua adalah bermula dari 1 Januari 2014 sehingga 28 Februari 2017 seramai 21,510 pemohon telah ditawarkan Rumah Selangorku dan kepada dan ianya telah ditawarkan kepada pemohon-pemohon yang layak. Daripada jumlah tersebut, hanya 65% iaitu seramai 14,002 pemohon sahaja telah dapat memenuhi permintaan atau ditawarkan unit manakala sebanyak 35% iaitu 7,508 pemohon telah menolak tawaran unit.

Sebab apa utama permohonan ini ditolak adalah kerana kegagalan pemohon memenuhi syarat kelayakan pinjaman yang ditetapkan oleh institusi kewangan ataupun bank seperti mempunyai komitmen yang tinggi, tiada wang pendahuluan atau deposit, disenaraihitamkan oleh pihak bank atas masalah pembayaran PTPTN ataupun perkara-perkara lain seperti kad kredit dan sebagainya.

Selain itu, faktor lokasi dan reka bentuk juga turut mempengaruhi kepada penolakan tawaran ini disebabkan oleh pemindahan tempat kerja pemohon, kemajuan kerja pembinaan yang baru bermula atau kerja awalan dan pemohon mempunyai pelbagai pilihan projek dan jenis Rumah Selangorku yang sedang dimajukan.

Oleh sebab permintaan yang tinggi daripada pemohon Rumah Selangorku iaitu daripada rakyat maka Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar-dasar sedia ada bagi memastikan keperluan rakyat dapat dipenuhi. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan mengesakan kepada pemaju untuk mempercepatkan pelaksanaan pembinaan Rumah Selangorku dan juga melalui pemantauan secara berkala oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di samping pemberian insentif oleh Kerajaan Negeri kepada pemaju dalam menggalakkan pembinaan Rumah Selangorku. Terima kasih.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker, terima kasih EXCO, saya ingin bertanya disebabkan kegagalan yang agak tinggi disebabkan mereka tidak memenuhi permintaan ataupun kriteria yang ditetapkan oleh pihak bank jadi apakah Kerajaan Negeri ingin memanjangkan pinjaman *DanaSel* kepada mereka yang memohon terutama yang memohon kategori A dan juga C. Terima kasih.

**Y.B DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Beberapa tindakan dilakukan oleh Kerajaan Negeri saya nak pusing kembali ya, balik kepada soalan tadi memangnya kita ada program *DanaSel* tetapi *DanaSel* ini buat masa ini kita pergi kepada *Bulk* atau

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

secara pukal lah bermakna bahawa kita tidak ambil satu rumah di blok ini satu rumah di tempat sana satu rumah di projek itu tetapi kita akan kenal pasti bermakna terdapat jumlah yang tinggi mungkin sepuluh atau pun lebih daripada itu untuk setiap blok ataupun setiap pembangunan kita tak boleh ambil satu blok di sini dan di sana sebab ia akan menimbulkan masalah daripada pengurusan. Jadi bermakna bahawa kalau ada permintaan yang tinggi sememangnya kita akan memastikan bahawa mereka yang memohon itu akan boleh dipertimbangkan untuk DanaSel tetapi bukan untuk seorang demi seorang tetapi kalau boleh kita dapat setiap blok itu ada jumlah yang banyak secara pukal ataupun lima atau sepuluh sebenarnya sebelum kita membuat keputusan untuk memanjangkan program DanaSel ini kepada kawasan tersebut. Dan antara perkara-perkara lain seperti PTPTN, apa yang kita mahu lakukan adalah kita minta kepada pemaju-pemaju apabila mereka membuat pelancaran kita memanggil PTPTN sekali dan PTPTN ada yang turun dan PTPTN dan para pembeli ataupun para pemohon boleh menyemak dengan PTPTN tentang tunggakan ataupun sama ada mereka telah di *blacklist* kerana tidak membayar PTPTN atau tidak. Kalau mereka di *blacklist* ataupun telah disenarai hitam mereka boleh membuat perbincangan dengan PTPTN dengan membayar sedikit atau sebahagian supaya mereka ditarik daripada senarai hitam tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, soalan tambahan, berkenaan dengan permohonan Rumah Selangorku ini melalui talian *online* banyak ada aduan berkenaan talian *online* ini permohonan sudah dibuat setahun lebih kemudian tidak dijawab, apakah status kemudian hilang daripada rekod. Ha.. ini sering berlaku, ramai yang mengadu dan ada kedua masalah yang selalu timbul. Saya nak penjelasan daripada Yang Berhormat ialah karenah birokrasi banyak dokumen-dokumen *supporting* yang kadang-kadang pemohon pun rasa payah untuk memenuhi semua dokumen-dokumen tersebut terlalu *specify* dan sebagainya dan saya mintak apakah cara penambah baik oleh pihak Yang Berhormat bagi memudahkan hak rakyat untuk memohon melalui *system online* ini. Sekian terima kasih.

**Y.B DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Online* ini memang kita ada kesan satu kes lahir ada kes yang ada masalah yang kes ini kita yang kita ambil perhatian dan kita akan perbaiki lahir. Jadi bermakna masa awal tu memang ada masalah. Ada kes yang kita dapat aduan dan kita sedang perbaiki lahir. Dan yang kedua dari segi dokumen-dokumen, dokumen-dokumen ini perlu sebab untuk kita melihatkan akan status dan maklumat. Ada satu dokumen yang kita minta mereka buat semakan *cycris* itu ada yang membantah ada yang juga menjadikan ianya isu. Kenapa kita nak jadikan nak

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

minta mereka buat semakan adalah kita tak mahu apabila kita dah pergi proses hingga penawaran kita dapati mereka tidak boleh membuat pinjaman perumahan. Jadi bermakna bahawa kita nak semak awal bahawa mereka ini boleh mendapat pinjaman bank, sebab masalahnya kalau kita dah tahap kita dah proses lepas tu kita dah apa ini kita dah proses lepas tu kita dah tawarkan rumah tersebut dan kita dah beri pada pemaju dan pemaju nak tawarkan kepada nak berurus dengan pembeli ataupun pemohon untuk membeli tetapi tiba-tiba dia tak dapat pinjaman bank. Ini tidak adil kepada pemaju pada saya sebab ia mengambil masa yang panjang untuk mereka mendapatkan nama yang betul-betul layak, sebab kita minta supaya ianya kita buat semakan awal. Tapi dari segi keseluruhannya memang kita akan memastikan bahawa dia punya dokumen-dokumen nya adalah minima. Sebab kadangkala mereka ini ingat mereka mengingatkan bahawa ianya seperti zaman dulu lagi, zaman dulu zaman sebelum 2008 lah mereka minta sokongan wakil rakyat, surat-surat dan sebagainya. Sebenarnya kita tak perlu surat sokongan Wakil Rakyat seperti dulu, sebelah sana boleh jawab saya tak tahu betul ke tidak. Tapi ramai yang datang, tak ada kuota, tak ada kuota Ketua Bahagian, tak ada kuota, Politik tak ada jadi bermakna dokumen asas tidak surat sokongan, itu yang penting. Tidak perlu surat sokongan jangan datang bawa sokongan. Kadang-kadang ADN dia buat sahaja, tapi orang minta, tidak perlu langsung surat sokongan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, saya minta sedikit lagi, persoalan saya ialah kadang-kadang dokumen yang diminta dokumen IC yang di *scan* untuk dihantar dalam *online* hitam putih tidak boleh ditolak dia mahu warna, jadi warna perkara sedemikian saya rasa selalu remeh temeh ini perlu pemantauan pegawai-pegawai yang jaga perlu pemantauan. Saya minta Yang berhormat jelaskan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Saya akan semak balik keperluan, tetapi sekarang *printer* warna banyak. Tapi saya akan semak sebenarnya kita nak menyenangkan sebab dari segi ramai yang tolak yang terpaksa di tolak kita memang nak supaya di jual secepat mungkin sebab proses memudahkan rakyat dia lebih ramai orang dapat memiliki Rumah Selangor Ku, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, tidak hadir. Ahli-Ahli Yang Berhormat semua soalan sesi pertanyaan adalah sangat penting untuk memahami polisi Kerajaan Negeri. Saya kecewa dengan kehadiran Ahli-Ahli Dewan Negeri terutamanya daripada pihak Pembangkang kerana ini adalah sesi yang paling penting untuk mendapatkan segala jawapan yang diperlukan. Hanya saya selalu nampak Dengkil seorang sahaja yang hadir.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Yang sebelah sana pun ramai yang tak hadir Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya cadang Dengkil jadi Ketua Pembangkang, Dengkil.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Dengkil saya kata terutamanya, ramai yang tidak hadir, okay? Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih, Tuan Speaker soalan no. 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI DI SELANGOR**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor?
- b) Adakah tempat insentif untuk menggalakkan Anak Selangor memperkembangkan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor ?
- c) Jika ada, sila kemukakan senarai polisi dan insentif berkenaan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Teratai, dasar kerajaan untuk bagi jawapan a) Dasar Kerajaan menggalakkan perkembangan bidang Sains, Teknologi dan Inovasi di Selangor adalah untuk menekankan STI sebagai satu instrumen sosial ekonomi yang berupaya mempertingkatkan tahap ilmu pengetahuan menjana ekonomi dan kesejahteraan rakyat melalui pelaksanaan 5 asas kukuh dasar STI secara holistik seperti berikut.

- 1) STI untuk dasar merupakan asas utama dalam memastikan Agenda STI di arus perdana dan diterima pakai dan di laksanakan oleh Kementerian agensi dan pihak-pihak kepentingan yang berkaitan.
- 2) Dasar untuk STI dalam menyokong asas STI atas kemampuan dan keupayaan STI negara dari aspek infrastruktur, mendat pengurusan sumber manusia peruntukan kewangan dan produktiviti dan dilakukan melalui pemberian dana dan geran, pemindahan dan penyebaran ilmu pengetahuan berkaitan STI kepada sektor awam, industri dan komuniti. Mempromosikan kajian yang didorong oleh pasaran serta strategi mempromosikan STI ke arah pertumbuhan negara *inclusif*.

- 3) Dasar komitmen industri kepada STI adalah bagi memperkuatkan dan memantapkan kerjasama yang dinamik di antara sektor awam dan swasta, organisasi penyelidikan dan institusi penyelidikan berteraskan industri dan bertindak sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi negara.
- 4) Tadbir urus STI bagi merangka kerja STI sedia ada untuk mengukuhkan pelaksanaan dasar mekanisme untuk memastikan komitmen pelbagai pihak ke atas pembangunan STI negara dan pencapaian program STI.
- 5) STI untuk membentuk Syarikat yang stabil, aman makmur bersatu padu dan berdaya tahan.

Berlandaskan 5 dasar tersebut, dasar STI memberi fokus kepada teras-teras strategik seperti memajukan bidang-bidang penyelidikan dan pembangunan saintifik dan sosial dan pengkomersialan membangun, memupuk dan mengilat, mengiat dan mencergaskan industri mentransformasikan STI menggalak dan memupuk kesedaran STI dan mengukuhkan hubungan strategik antarabangsa.

Bagi jawapan b Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan insentif melalui program-program pembangunan latihan kemahiran sains teknologi dan inovasi Negeri Selangor yang telah bermula pada tahun 2015 sehingga kini untuk menggalakkan anak-anak Selangor memperkembangkan bidang STI melalui menggunakan peruntukan di bawah pembangunan P.01 11002 Jawatankuasa Tetap Pendidikan Pembangunan Insan Sains Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor. Program-program yang telah dilaksanakan melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah serta pelajar-pelajar daripada IPTA, PTS Negeri Selangor. Dasar-dasar berkaitan STI adalah menggunakan dasar STI yang ada di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Senarai insentif STI di Negeri Selangor antara lain ialah program latihan kemahiran Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik atau pun setem yang telah diadakan di Sekolah-sekolah Negeri Selangor program Setem Robotics Lego kepada sekolah-sekolah di Negeri Selangor. Program latihan kemahiran ICT bagi generasi Y, Program Karnival Selangor *ICT Fair*, Program Selangor *Makers Carnival* dan Program Visual Arts Expo, terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terus berpeluh soalan no. 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JALAN MERU TAMBAHAN KE PUNCAK ALAM**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kerja-kerja dan jangkaan siap mengikut jadual?
- b) Bagaimanakah penilaian keselamatan awam dibuat bahawa ia adalah dipatuhi?
- c) Bagaimanakah penilaian dibuat penyelenggaraan berjadual dilaksana mengikut status quo selama tempoh projek berjalan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Meru. Berkaitan dengan status kerja di tapak sehingga 16.3.2017 adalah 89.7% ini yang sebenar berbanding jadual 86.2% .

Bagi memastikan penilaian keselamatan awam dibuat dan dipatuhi, Audit TMP (Pelan Pengurusan Trafik) dilaksanakan oleh JKR Selangor setiap tiga (3) bulan sekali.

Perkara yang diaudit semasa Audit TMP dibahagikan kepada dua (2) item iaitu dokumentasi dan keadaan di tapak.

Bagi item dokumentasi, perkara yang diaudit termasuk pelantikan *Traffic Management Officer* (TMO), Pelan Pengurusan Trafik (TMP), laporan *Road Safety Audit Stage 4* serta laporan *Traffic Management Safety Report* (TMSR). Bagi item keadaan di tapak, perkara yang diaudit termasuk zon kawalan trafik semasa pembinaan, keratan rentas jalan, papan tanda sementara di tapak bina, penggunaan penghadang atau *barrier* (*concrete/plastic barrier*) yang digunakan semasa pembinaan, *delineation* di tapak iaitu penggunaan *blinker* dan *string delineator* di tapak bina, tanda jalan dan keadaan jalan di tapak (Borang pemarkahan audit TMP seperti di Lampiran M1).

Pihak kontraktor akan membuat penyenggaraan rutin sepanjang tempoh pembinaan secara pusingan (*rotation per cycles*) iaitu setiap tiga (3) bulan dan mengikut keperluan. Kerja penyenggaraan secara pusingan termasuk penyenggaraan perabot jalan, penyenggaraan jambatan, pembetung dan parit. Kerja penyenggaraan yang dijalankan mengikut keperluan termasuk menyenggara jalan sedia ada dengan membaiki

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

permukaan jalan dan menyenggara bahu jalan, memotong rumput di bahu jalan, cerun, longkang dan median, mengecat semula tanda jalan sekiranya pudar, pemberian kecil saliran dan kerja-kerja landskap yang lain.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 91

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROJEK NAIKTARAF JALAN MERU TAMBAHAN KE PUNCAK ALAM**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk membina *Retirement Home* untuk membantu warga emas yang semakin meningkat bilangannya ?
- b) Apakah PKNS bercadang untuk membina *Retirement Home* untuk golongan ini ?
- c) Berapakah jumlah peruntukan dianggarkan bagi membangunkan *Retirement Home* ?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik, Tuan Speaker, Kota Anggerik bertanya tentang program *Retirement Home* bagi warga emas.

Berdasarkan unjuran statistik Jabatan Perangkaan Malaysia ratusan golongan berumur 55 tahun akan meningkat kepada 20% dari jumlah populasi penduduk kawasan Lembah Klang menjelang 2020. Peningkatan jumlah golongan ini bermakna kemudahan sokongan untuk menampung keperluan kehidupan golongan ini juga perlu ditambah terutamanya melibatkan *Health Care* dan *Age Care*. Malaysia juga menjadi destinasi tumpuan golongan pesara dari luar negara atas faktor iklim yang baik, kadar tukaran mata wang yang rendah, kemudahan penjagaan kesihatan yang baik serta kos sara hidup yang rendah. *The green leaf di Sepang Ara Green Residences Ara Damansara* dan *Green Acres Ipoh* adalah antara top 3 *Retirement Homes* dengan izin yang terdapat di Malaysia. Intel Japan adalah antara *Homes* terkini yang akan dibangunkan di Taman Molek Johor. *Retirement Homes* telah menjadi satu *trend* daya hidup terutamanya untuk golongan warga emas di dalam dan luar negara. Justeru itu

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

pihak PKNS juga bercadang untuk turut serta dalam pembangunan *Retirement Village* bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasakan kehidupan golongan warga emas. Sehubungan itu, PKNS melalui kerjasama sebuah Syarikat Swasta sedang memperincikan perancangan, pembangunan sebuah *Retirement Village* yang akan dibina di salah satu pusat pertumbuhan PKNS di Bernam Jaya. Berbanding *Retirement Village* lain yang tertumpu kepada golongan berpendapatan tinggi Pembangunan Bernam Jaya *Retirement Village* pula di sasarkan kepada golongan berpendapatan sederhana dan sederhana tinggi. Bernam Jaya *Retirement Village* akan dibangunkan di atas tanah berkeluasan 40 acres dengan pembangunan keseluruhan sejumlah 400 unit kediaman untuk golongan emas lengkap dengan kemudahan *Health Care and Age Care* dan kemudahan sokongan lain warga emas. Pembangunan yang dibahagikan kepada 3 fasal ini dijangka akan dapat disempurnakan dalam tempoh 5 tahun.

Untuk c) anggaran awal pembangunan Bernam Jaya *Retirement Village* ini adalah di antara RM 25 juta sehingga RM 30 juta. Terima kasih

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik dulu.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Agak-agak Yang Berhormat EXCO apakah keunikan di *Retirement Homes* yang dibina oleh PKNS ini?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik sebenarnya Kota Anggerik telah pun membangkitkan soalan tentang *Retirement Homes* ini dalam Sidang yang lepas dan saya juga amat tertarik dengan cadangan daripada Kota Anggerik dengan pelaksanaan *Retirement Homes* ini adalah bagi yang Muslim adalah sama seperti yang dilaksanakan oleh *Retirement Homes* di Kampung Jenderam. Jadi mungkin kita akan kepada pihak PKNS untuk bincangkan dengan Kota Anggerik untuk kita sama-sama melihat kesesuaian program *Retirement Homes* ini nanti, terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya adakah pihak Kerajaan Negeri Selangor mempunyai dasar untuk warga emas ini yang sendiri yang makna *actually Retirement Homes* ini adalah salah satu daripada apa yang kita menyokong dalam dasar itu. Soalan kenapa saya tanya begitu kalau tidak kita nampak apa yang kita buat agak dengan izin maksudnya kita ada satu dasar atau pun pelan tindakan. Adakah kita

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

lebih menyeru bermakna *Retirement Homes* ini adalah *part* dasar atau pun pelan tindakan tersebut.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Rawang. Tuan Speaker buat seketika ini pihak kerajaan belum mempunyai dasar untuk warga emas. Itulah unjuran dalam tahun menjelang 2020 yang mana peningkatan wang emas ini akan meningkat kepada 20%. Dia sudah sampai masanya untuk Kerajaan Negeri untuk melihat perkara tersebut dan kita akan melihat perkara tersebut untuk menjadikan untuk melaksanakan satu dasar Kerajaan Negeri untuk warga emas ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tambahan

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat EXCO, kita lihat apa yang dinyatakan itu adalah perancangan yang akan datang jadi bagi saya soalan saya adalah apakah kepada semua kelab atau pun program-program atau pun premis-premis contohnya ada satu Kelab di Seksyen 24 atau pun di Sabak Bernam yang telah pun sekarang menyediakan perkhidmatan yang sedia ada. Tetapi kita lihat perancangan ini atau pun perkhidmatan ini tidak mensasari golongan yang sewajarnya juga tidak meluas jadi persoalan saya apakah Kerajaan Negeri ada rancangan khas untuk menaiktarafkan semua Kelab-kelab atau pun semua tempat yang telah pun menyediakan warga emas untuk dijadikan salah satu *Retirement Homes* yang menepati apa yang kerajaan inginkan. Terima kasih.

**YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Batu Tiga. Tuan Speaker, *retirement home* ini adalah satu tempat di mana warga emas ini boleh berekreasi dan juga mereka mungkin menyewa ataupun tinggal di satu-satu kawasan yang kita namakan *retirement home* ataupun *retirement village* ini. Seperti yang sedang berlaku ataupun yang telah ada, iaitu Kelab Warga Emas, yang ada di Seksyen 24, dan juga di Sabak Bernam adalah PAWE, Pusat Warga Emas, Pusat Asuhan ke, pusat *something* lah, tentang warga emas ini yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang mana ia adalah bukan untuk dijadikan sebagai tempat tinggal kepada warga emas. Ia hanyalah tempat di mana warga emas datang, hadir untuk beraktiviti harian dan mereka pulang ke rumah masing-masing. Jadi buat masa ini belum lagi ada perkara tersebut, dan seperti yang saya sebut tadi, *Insya-Allah*, pihak Kerajaan Negeri akan melihat dan cuba untuk melaksanakan dasar untuk warga emas untuk Negeri Selangor. Terima kasih.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**YB. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan. Terima kasih, Speaker. Itu yang saya nyatakan, saya sebutkan tadi, contoh kelab warga emas, dia bukan pusat asuhan, dia memang satu tempat rekreasi yang cukup kondusif, pada asalnya, kita lihat telah menyediakan tempat-tempat untuk warga-warga emas ini berekreasi, ada sepatutnya ada klinik, ada spa. Tetapi ia tidak mencapai matlamatnya, sedangkan ia telah pun dimulakan. Jadi saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri juga melihat, semua pusat-pusat yang sedia ini, yang boleh dinaiktarafkan terlebih dahulu sebelum kita membuat, jadi itu yang saya tanya, apakah ada rancangan. Terima kasih.

**YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pihak Kerajaan Negeri, mengambil maklum tentang saranan pada Batu Tiga.

**YB. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**YB. TUAN NG SZE HAN:** Saya ingin tanya, adakah tanah telah di gazet untuk dewan orang ramai dibenarkan untuk diguna sebagai *retirement home*. Oleh kerana, saya tanya soalan ini, kerana banyak protes atau banyak aduan sekiranya *retirement home* dibina di kawasan perumahan. Terima kasih.

**YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kinrara. Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Kinrara, saya kira buat masa ini, kita tidak ada lagi, kita tidak bercadang untuk pelaksanaan tersebut. Tetapi boleh dikemukakan kepada pihak STANDCO untuk kita pertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih, Speaker, soalan nombor 92.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF (N55 DENGKIL)**

#### **TAJUK : PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPA)**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini PIPA?

- b) Sejauh manakah PIPA mampu menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Lembah Klang?

**TUAN SPEAKER:** Pihak Kerajaan..

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, yang ke-29 Tahun 2016, yang diadakan pada 01 September 2016, dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 30 Tahun 2016 pada 07 September 2016, telah menimbang dan bersetuju untuk menerima Laporan Akhir Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor sebagai Blue Print Pengangkutan Awam Negeri Selangor dalam merancang dan meningkatkan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) adalah satu dokumen asas ke arah mewujudkan perancangan pengangkutan awam yang komprehensif bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Negeri Selangor. Ia juga merupakan dokumen yang komprehensif dan lengkap untuk dijadikan panduan dan hujahan ke atas pendirian Kerajaan Negeri untuk meningkatkan nisbah pengangkutan awam kepada penggunaan persendirian iaitu 60/40 dan akan memberi lakaran dan alternatif baru jajaran dan jalinan pengangkutan awam supaya Kerajaan Negeri dapat membantu merangka sistem pengangkutan awam yang menepati keadaan semasa dan kehendak rakyat Negeri Selangor. Kajian ini antara lain telah memperlihatkan perkhidmatan rel, perkhidmatan rel sebagai alternatif utama pengangkutan awam Negeri Selangor berdasarkan faktor kesediaan laluan-laluan rel tersebut yang meliputi kawasan Lembah Kelang dan beberapa laluan baru yang telah pun dipersetujui di bina di Negeri Selangor. Kajian juga turut mencadangkan supaya perkhidmatan rel sedia ada dioptimumkan dengan cadangan jajaran baru rel bagi menghubungkan *missing link* di lokasi yang mempunyai dan permintaan yang tinggi terhadap pengangkutan awam.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**YB. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO di atas jawapan tadi. Saya ingin mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat EXCO. Dia akan disediakan, PIPA ini akan di bentang tidak lama lagi. Adakah ia akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini atau nanti akan dipamerkan untuk, orang kata, *feed back* daripada *public*. Dan kalau ada, bilakah agaknya nanti ia akan berlaku?

**YB. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebenarnya dalam proses menyediakan PIPANS ini, rundingan telah pun dibuat. Ada perbincangan dialog dengan penduduk tempatan yang dianjurkan di empat PBT yang utama di mana ia meliputi

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

kawasan-kawasan PBT berkenaan. Maklum balas daripada orang ramai telah pun diperolehi. Dokumen ini telah pun diterima dan ia boleh diperolehi oleh mana-mana pihak yang ingin memohon. Tapi cuma saya nak maklumkan dokumennya tebal. Jadi itu keadaannya. Kita tidak mahu membazir kertas. Kalau boleh, kita hadkan pengedaran, tapi kita bukan nak hadkan pengedaran, supaya orang tak tahu, kita tak mengedarkan dengan percuma, kerana dia melibatkan kos yang tinggi. Kalau Yang Berhormat berminat boleh memohon sesalinan. Tidak ada masalah.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Sekinchan.

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan nombor 93.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN NG SUEE LIM (N04 SEKINCHAN)**

#### **TAJUK : LEBUH RAYA PANTAI BARAT (WCE)**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan perkembangan terkini kerja-kerja pembinaan WCE.
- b) Sila nyatakan butiran terkini jajaran WCE yang masih belum dimuktamadkan.
- c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilakukan bagi mengatasi masalah kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk setempat.

**YB. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Puan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan yang bertanyakan berkaitan dengan WCE. Seperti yang kita ketahui bahawa pembinaan Lebuhraya West Coast Express Way, WCE ini adalah merupakan projek Persekutuan. Secara umumnya setakat Februari 2017, Kerajaan Negeri Selangor dimaklumkan bahawa peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuh raya yang terlibat di Negeri Selangor adalah sebanyak 30.19%. kerja-kerja pembinaan telah dimulakan secara berperingkat bagi pembinaan WCE dan perkembangan terkini, kerja-kerja pembinaan adalah seperti berikut :

### 03 APRIL 2017 (ISNIN)

i)	Seksyen 1, Banting - South Klang Valley Express Way (SKVE)	-	2.54%
ii)	Seksyen 2, SKVE – KESAS	-	0%
iii)	Seksyen 3, KESAS – NKVE	-	7.18%
iv)	NKVE & New North Klang Strait By Pass (NNKSB)	-	62.92%
v)	Seksyen 5, NNKSB ke Kapar	-	39.13%
vi)	Kapar – Asam Jawa	-	1.13%
vii)	Seksyen ke-7, Asam Jawa – Tanjung Karang	-	0%

Jajaran WCE yang belum dimuktamadkan adalah di Seksyen 7, iaitu Asam Jawa - Tanjung Karang, di mana jajaran tersebut masih dalam proses untuk dimuktamadkan di peringkat kerajaan persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Bagi mengelakkan kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk setempat, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pemaju supaya melaksanakan tindakan-tindakan tertentu dan antara tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh pemaju dan Lembaga Lebuhraya Malaysia adalah seperti berikut :

- i) Pelaksanaan Projek Lebuhraya adalah berpandukan kepada penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Keselamatan Projek (PSP), Pelan Kualiti Projek (PQP) dan *Best Management Practise* (BMP). Kesemua pelan-pelan ini telah dikaji dengan mengambil kira impak persekitaran termasuk sosio ekonomi penduduk setempat.
- ii) Pelan Pengurusan Trafik dilaksanakan bagi mengawal kesan kepada aliran trafik di kawasan jalan raya yang terlibat. Pelan tersebut disediakan oleh Juru perunding profesional dengan kerjasama juru perunding trafik. Pelan tersebut seterusnya akan disemak oleh juruaudit keselamatan jalan raya dan disahkan oleh jurutera perunding bebas sebelum dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk kelulusan.
- iii) Penghadang dipasang di sepanjang kawasan pembinaan yang melibatkan jalan sedia ada untuk tujuan keselamatan kepada orang ramai.
- iv) Pemasangan berkala dilaksanakan oleh juru perunding bebas terhadap kesan bunyi bising, kualiti udara, kualiti air yang dijalankan setiap bulan bagi mengawasi kesan kerja pembinaan kepada alam sekitar. Laporan pemantauan akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia Dan Jabatan Alam Sekitar. Tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya kesan tersebut melebihi tahap yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Itu antara empat perkara yang diambil perhatian oleh pihak pemaju dan juga Lembaga Lebuh Raya Malaysia.

**YB. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. Jawapan daripada WCE ini. Saya melihat jawapan tadi, Seksyen 7 iaitu Asam Jawa – Tanjung Karang di mana proses perkembangan terkini kosong. Saya nak minta apakah sebenarnya kekangan yang dihadapi menyebabkan sekarang sampai hari ini masih kosong. Ataupun ada bantahan-bantahan daripada pihak mana menyebabkan ia masih kosong. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

**YB. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Sekarang ini, masih lagi dalam proses untuk memuktamadkan jajaran. Jadi perbagai-bagai pandangan telah pun dikemukakan termasuklah juga forum-forum, dialog-dialog untuk mendapatkan pandangan-pandangan daripada penduduk dan sebagainya. Dan dipihak Kerajaan Negeri juga telah meminta supaya diadakan kajian-kajian seperti yang saya sebutkan tadi supaya keputusan yang kita buat itu adalah meletakkan rakyat di hadapan. Terima kasih.

**YB. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, Speaker. Terima kasih EXCO. Saya nak bangkitkan jajaran dari KESAS kepada NKVE yang melindung dekat seratus rumah di atas tanah lot-lot di dalam kawasan. Andalas telah adakan beberapa mesyuarat dengan PTG, KPTG, WCE dan sebagainya. Pampasan pun saya ingat agak-agak kita pun sudah tahu. Tetapi sampai sekarang, saya nampak kelewatan atas isu pampasan dan juga untuk adakan satu pertemuan yang betul-betul boleh selesaikan masalah tanah-tanah mereka di atas kawasan ini. Kalau kita panjangkan isu ini, dia bangkit balik selalu tentang isu ini. So, saya minta EXCO, saya tanya EXCO lah, kalau boleh, adakan satu mesyuarat di antara PTG Negeri dan KPTG dan juga WCE untuk selesaikan masalah itu. Panggillah mereka yang telah disenaraikan di dalam lot-lot ini, untuk atasi masalah. Saya setuju 100% dengan *highway* itu. Saya tidak ada apa-apa tentang *highway* ini. Bagus untuk *highway* itu di dalam Negeri Selangor. Tetapi saya ingat kita kena ambil pendirian atas penduduk di dalam kawasan itu untuk jaga kepentingan mereka. Ada beberapa isu *complicated*

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

dalam isu ini. Tetapi sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, kita kena jaga kedudukan mereka di sana, sudah lama 40 tahun, 50 tahun. So, saya minta EXCO untuk buat, panggil dan adakan satu jawapan untuk mereka dalam masa yang terdekat.

**YB. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Okey, terima kasih Andalas. Spesifik kes itu akan diataupun saya akan melihat secara terperinci dan akan memanggil pihak-pihak yang berkaitan untuk memastikan supaya proses itu dapat dilaksanakan dengan lancar dan tidak ada sebarang kelewatan dari sudut bayaran pampasan dan sebagainya. Terima kasih.

**YB. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**YB. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Terdapat satu *accident* yang melibatkan kren runtuh di kawasan Bukit Raja, yang telah menyebabkan kematian. Sejauh mana kontraktor ini memastikan bahawa arahan keselamatan dapat diikuti supaya tidak berlaku kejadian itu.

**YB. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik. Seperti yang saya maklumkan awal bahawa projek ini adalah projek federal bukan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor untuk memantau secara 100%. Jadi kita boleh mengambil pandangan keprihatinan Kota Anggerik untuk mendapatkan penjelasan itu daripada pihak-pihak yang berwajib seperti Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak, tidak hadir. Kajang, tidak hadir. Hulu Kelang.

**YB. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 96.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

#### **TAJUK : PEMERIKSAAN MAMMOGRAM**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan menurut DUN jumlah wanita yang menjalani pemeriksaan mammogram pada tahun 2016.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

- b) Berapakah yang telah dibelanjakan bagi tujuan di atas?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki prestasi ini?

**YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Iaitu Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan keluarga telah melaksanakan skim kesihatan wanita iaitu SKW Mammogram Selangor, MammoSel bermula tahun 2010 sehingga kini. Seramai 30 465 orang wanita berusia 35 tahun ke atas telah menerima manfaat tersebut. Berikut adalah jumlah penerima manfaat skim kesihatan wanita pada tahun 2016 mengikut Dewan Negeri masing-masing:- Sungai Air Tawar 22, Sabak 106, Sungai Panjang 341, Sekinchan 35, Hulu Bernam 65, Kuala Kubu Baharu 40, Batang Kali 195, Sungai Burong 105, Permatang 134, Bukit Melawati 31, Ijok 159, Jeram 41, Kuang 139, Rawang 222, Taman Templer 202, Batu Caves 88, Gombak Setia 188, Hulu Kelang 82, Bukit Antarabangsa 114, Lembah Jaya 71, Chempaka 144, Teratai 22, Dusun Tua 68, Semenyih 43, Kajang 264, Bangi 254, Balakong 170, Seri Kembangan 134, Seri Serdang 180, Kinrara 226, Subang Jaya 65, Seri Setia 133, Taman Medan 303, Bukit Gasing 253, Kampung Tunku 161, Damansara Utama 162, Bukit Lanjan 62, Paya Jaras 167, Kota Damansara 224, Kota Anggerik 568, Batu Tiga 508, Meru 301, Sementa 149, Sungai Pinang 231, Selat Klang 78, Pelabuhan Klang 358, Pandamaran 332, Kota Alam Shah 67, Seri Andalas 22, Seri Muda 263, Sijangkang 208, Teluk Datuk 96, Morib 111, Tanjung Sepat 160, Dengkil 211, Sungai Pelek 197 dan kakitangan kerajaan 57 keseluruhan adalah 9,330 untuk tahun 2016. Dan jumlah penerima manfaat ini dengan perbelanjaan sebanyak RM1,462,707.30. Tahun 2016 merupakan penerimaan penyertaan teramai jika dibandingkan mengikut tahun-tahun ini. Ini merupakan satu kejayaan yang besar dalam skim kesihatan wanita semenjak dilancarkan. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan bahawa program yang telah dirancang berjaya dalam pelaksanaannya. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan yang diberikan. Antaranya pelaksanaan kempen dan promosi berterusan yang dilaksanakan oleh kerjasama Pusat Khidmat DUN dan para Penyelia Pusat Wanita Berdaya PWB DUN di seluruh Negeri Selangor penambahan skim program dengan meningkatkan jumlah hospital sebagai pengendali perkhidmatan mammogram juga menjadi menyumbang kepada peningkatan prestasi perkhidmatan. Selain itu sokongan padu pada seluruh wakil rakyat secara tidak langsung membantu dalam peningkatan perkhidmatan program skim kesihatan wanita ini.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan EXCO. Daripada 30,000 orang yang melalui pemeriksaan, berapa bilangan yang dikatakan sebagai positif kanser?

**YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang saya mohon maaf tidak ada data tersebut. Dan saya akan memberikan data tersebut pada pihak Hulu Kelang. Sebenarnya memang ada dikalangan para peserta di antara 30,000 itu yang dikenal pasti terdapat kanser payudara sama ada tahap 1, tahap 2, tahap 3 atau tahap 4. Dan melalui ini, melalui *screening* ini dapat memberikan mereka rawatan yang sebaiknya. Sebelumnya, sebelum ia merebak dengan lebih teruk lagi. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya, 97.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**YB TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

#### **TAJUK: PENGANGKUTAN AWAM – BRT KUALA LUMPUR - KLANG**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini cadangan BRT Kuala Lumpur – Klang sepanjang Lebuhraya Persekutuan di mana salah satu stesen akan didirikan sekitar Icon City (SS 9) atau tapak Kontena Nasional (juga cadangan hospital awam baru) di kawasan SS 10, Petaling Jaya?

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker soalan ini bersama dengan soalan No.145 daripada Bukit Gasing. Tuan Speaker projek *Bus Rapid Transit* atau BRT Kuala Lumpur – Klang merupakan salah satu projek pengangkutan awam darat di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang bermatlamat untuk memastikan sistematik, cekap dan terurus di laluan-laluan utama ke pusat bandar Kuala Lumpur di sepanjang 5 kawasan penempatan kepadatan tinggi dan mempunyai pergerakan trafik tertinggi di pusat bandar Kuala Lumpur di dalam kawasan Lembah Kelang iaitu kawasan Klang, Shah Alam, Petaling Jaya dan Pusat Bandar Kuala Lumpur. Laluan BRT KL – Klang ini adalah sepanjang 34.3KM yang melalui tiga laluan utama iaitu Jalan Tun Samathan, Jalan Syed Putra dan Jalan Persekutuan 2 (*Federal Highway*) dengan izin. Dan melalui 5 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Di mana 4 di antaranya adalah kawasan PBT Negeri Selangor iaitu Majlis perbandaran Klang, Majlis Bandaraya Shah

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Alam, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Cadangan pembinaan BRT KL - Klang pada awalnya akan bermula pada November 2014 sehingga Disember 2016 dan mempunyai 2 fasa pembinaan iaitu fasa pertama bermula dari November 2014 ke April 2016 iaitu dari Kuala Lumpur, Pasar Seni ke Subang Jaya sebelum Tol Batu Tiga. Dan Fasa Kedua bermula pada Jun 2015 hingga Disember 2016 iaitu dari Subang Jaya sebelum Tol Subang Jaya, sebelum tol Batu Tiga ke Klang, Bandar Klang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pelaksanaan projek ini ditangguhkan sehingga tahun 2017 atas sebab kekangan peruntukan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat pelaksanaan Projek BRT telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang Ke-14 Tahun 2014 yang diadakan pada 23 April 2014 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Ke-15 tahun 2014 pada 30 April 2014 telah menimbang dan meluluskan secara dasar cadangan pelaksanaan *Bus Rapid Transit* Kuala Lumpur – Klang meningkatkan pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang. Selain daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa yang ditubuhkan bagi membincangkan cara terperinci keperluan dan syarat pematuhan peraturan PBT ke atas pemaju projek telah diadakan sebanyak 5 kali. Pihak Berkusa Tempatan yang terlibat juga telah memberikan senarai-senarai permintaan *wish list* yang perlu dipertimbangkan oleh pemaju projek sebagai persetujuan bersama bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar mengikut peraturan dan akta-akta yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan ialah pelaksanaan projek ini penangguhan tersebut telah mendatangkan sedikit masalah kepada pemilik-pemilik tanah di sepanjang Lebuhraya Persekutuan ini. Jadi saya ingin bertanya adakah pemilik-pemilik tanah di sepanjang Lebuhraya Persekutuan pada awalnya ia minta untuk mengosongkan tempat-tempat untuk pembinaan stesen BRT ini, apakah mereka boleh meneruskan perancangan pada mereka ataupun mereka perlu menunggu kelulusan ataupun arahan terbaru daripada Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan?

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya Tuan Speaker, untuk laluan BRT Kuala Lumpur – Klang ini di bahagian Selangor ia menggunakan Jalan Persekutuan / Lebuhraya Persekutuan jadi tanah yang akan digunakan terhad kepada jajaran dalam persekutuan sedia ada oleh itu tidak ada isu mengambil tanah daripada pihak-pihak yang ketiga.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 98.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK: PENCAPAIAN PENYELESAIAN SETINGGAN DI NEGERI SELANGOR**

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan kes penyelesaian setinggan yang berjaya dilakukan sejak 2008.
- b) Berapakah Kes yang masih belum berjaya diselesaikan dan kenapa?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri membantu dalam isu penyelesaian setinggan termasuk kos ukur semula?

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Selat Klang, untuk makluman Yang Berhormat kes penyelesaian peneroka bandar atau setinggan yang berjaya dilakukan semenjak 2008 sehingga kini adalah sejumlah 747 keluarga melalui pemberiman tanah. Kawasan kes penyelesaian peneroka bandar yang terlibat adalah nombor satu, Kampung Sungai Sireh sebanyak, di MPK ada 2 iaitu di Kampung Sungai Sireh 179 keluarga. Di tanah MARDI 137 keluarga, dan terdapat 7 kawasan ataupun kampung di kawasan Majlis Daerah Kuala Selangor iaitu Kampung Jawa Estate 66 keluarga, Kampung Pecah Batu / Kampung Permai 78 keluarga, Kampung Baru Lembah Pantai 33 keluarga, Kampung Seri Makmur 60 keluarga, Kampung Jaya Setia 44 keluarga, Kampung Seri Aman 38 keluarga, Kampung Seri Sentosa 172 keluarga. Keseluruhannya adalah 747 keluarga. Untuk maklumat Yang Berhormat jumlah penempatan peneroka bandar atau setinggan yang masih ada di negeri Selangor yang melibat 9 daerah sejumlah 2,542 keluarga daripada 2,542 keluarga. Dan ia, saya akan berikan secara bertulis sebab senarainya adalah panjang. Dan terdapat 79 penempatan peneroka bandar yang masih lagi berada ditapak. Pada dasar Kerajaan Negeri bagi kes yang masih belum berjaya diselesaikan adalah melalui dengan cara lebih berhemah dan mengambil kira pandangan semua pihak termasuk peneroka bandar yang akan dipindahkan. Kerajaan Negeri akan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh peneroka bandar berkenaan sebelum diputuskan dijalankan atau dikekalkan di atas tapak. Kerajaan Negeri juga amat menitik beratkan kemampuan dan kewangan peneroka bandar sebelum dipindahkan ke penempatan baru. Untuk itu, Kerajaan Negeri masih mengekalkan dasar bagi penempatan peneroka bandar baru akan dirobohkan dan penempatan peneroka bandar sedia ada atau membawa kes ke mahkamah akan dipertimbangkan mengikut keperluan semasa. Kerajaan Negeri akan memastikan setiap operasi perobohan jika dilakukan akan, dengan mendapat pandangan dari semua pihak termasuk peneroka bandar itu sendiri. Selain daripada itu, program penawaran Rumah Selangorku juga akan ditawarkan kepada peneroka bandar

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

yang layak untuk memiliki rumah. Untuk makluman Yang Berhormat tiada kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sehingga 2015 untuk penyelesaian peneroka bandar. Terima kasih.

**YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Yang Berhormat sebut tentang Sungai Sireh, sebenarnya ada Kampung Kereta api yang sudah diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat mungkin tertinggal. Bahagian C, peruntukan tadi. Sungai Sireh Tambahan dan Sungai Sireh Utama tidak boleh diselesaikan lagi sejak sudah beberapa tahun kerana kos untuk ukuran semula. Kerana dia setinggan, ia kena susunkan, di kena, aturkan itu tidak boleh diselesaikan kerana pejabat tanah Klang kata dia tidak ada kos, saya minta Kerajaan Negeri, adakah kerajaan boleh mengeluarkan kos untuk keskes seperti ini. Ia tidak banyak tetapi ia memberikan kesan lebih besar kepada setinggan ini yang boleh diselesaikan sebenarnya secepat mungkin.

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat, *Insya-Allah* akan kita kaji dan pertimbangkan. Kita bawa kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**YB TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**YB TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI:** Apakah wujud setinggan-setinggan baru selepas 2008. Apa kawalan yang dibuat oleh kerajaan?

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Memang ada wujud setinggan-setinggan baru sebab kita lihat bahawa keperluan untuk rumah itu adalah amat mendesak lagi dan mereka datang dari Selangor dan juga dari dalam Negeri Selangor. Jadi pemantauan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan memberikan notis kepada setinggan-setinggan baru itu. Kita hanya, tidak merobohkan, ataupun kita mengadakan rundingan kepada setinggan-setinggan lama iaitu sebelum Jun 2008. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan 99.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(BATU TIGA)**

**TAJUK: PUSAT WANITA BERDAYA**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakan pencapaian PWB dari 2015 – kini?
- b) Apakah elemen dan syarat pemberdayaan menjadi satu syarat untuk setiap program PWB? Jika ya, apakah kayu ukur/ KPI yang diguna pakai?
- c) Berapakah perincian program yang diterima dan ditolak oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor disebabkan isu (b) setiap DUN?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga, Tuan Speaker Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan keluarga amat komited dan peka terhadap pembangunan setiap program yang dilaksanakan. Justeru itu pencapaian program pusat wanita berdaya atau PWB adalah menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dalam agenda memperdayakan wanita di Negeri Selangor. Antara pencapaian PWB dari tahun 2015 sehingga 2016 ialah sebanyak 1,731 buah program telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM2,703,333.50 telah digunakan bagi program-program pemberdayaan wanita di seluruh Negeri Selangor. Sebanyak 39 PWB DUN daripada 56 DUN telah mempunyai produk PWB masing-masing. PWB ini juga telah melahirkan seramai 99 orang usahawan kecil wanita melalui program PWB iaitu seramai 49 orang usahawan makanan, 24 orang usahawan jahitan, 17 orang usahawan pembekal perkhidmatan dan 9 orang usahawan kraf tangan. Usahawan-usahawan ini tidak mempunyai kedai sendiri tetapi beroperasi di rumah masing-masing. Usahawan ini mengiklankan produk dan perkhidmatan masing-masing melalui media sosial seperti *facebook*, sebaran melalui kenalan atau menghantar produk di kedai berhampiran rumah mereka. Maksimum pendapatan yang dapat dijana oleh usahawan PWB adalah sehingga RM3,500 sebulan. Sejak penubuhan PWB pemberdayaan sememangnya merupakan syarat setiap program PWB bagi melahirkan wanita yang berdaya dalam perbagai bidang dan mempunyai jati diri yang tinggi ini. Mulai tahun 2015 hingga 2016 PWB telah melaksanakan program-program di seluruh Negeri Selangor yang mana program ini disemak dan telah dinilai semula untuk ditambah baik mengikut keperluan semasa. Oleh itu pada tahun 2017 Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor telah membuat penjenamaan semula kepada modul terdahulu iaitu program tidak berstruktur ditukar kepada kemahiran PWB. Manakala program tidak berstruktur ditukar kepada program pengembangan kapasiti PWB. Modul-modul ini bukan sahaja dijenamakan semula akan tetapi program-

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

program yang dijalankan telah diberi nilai tambah kepada wanita yang menjadi peserta program PWB. Antara senarai program kemahiran ialah program berkaitan dengan industri pembuatan makanan dan minuman, industri pembuatan pakaian, industri seni dan kraf tangan, reka bentuk dalaman, laman tani dan landskap, program 3R, ‘reduce, reuse, recycle’ dengan izin. Gaya hidup sihat dan perkhidmatan dan penyelenggaraan manakala senarai program pengembangan dengan kapasiti pula ialah dari segi ekonomi, perundangan, kepimpinan dan pendemokrasian, urus tadbir baik, pembangunan keluarga, kesihatan keluarga, keusahawanan, latihan gender, alam sekitar dan kepenggunaan dan keselamatan keluarga. Senarai program kemahiran dan program pengembangan kapasiti ini merupakan fokus kepada pemberdayaan ilmu dan kemahiran. Manakala KPI yang diguna pakai ialah memastikan peratus kepuasan hati peserta yang mengikuti program PWB bagi memastikan program dan aktiviti berkualiti dan berkesan. Antara aspek penilaian yang dinilai ialah penambahan ilmu pada diri peserta, kepentingan program kepada peserta dan kesan program pada diri peserta. C sebanyak 740 program yang diterima pada tahun 2015 dan 996 program diterima pada tahun 2016. Manakala sebanyak 46 cadangan kertas kerja telah ditolak pada tahun 2015 dan 38 cadangan kertas kerja ditolak pada tahun 2016. Program yang diterima oleh Kerajaan Negeri ialah program-program berkaitan pemberdayaan wanita manakala cadangan kertas kerja ditolak ialah program yang sebenarnya boleh dilaksanakan di peringkat ADUN, penyelaras DUN, Ketua Kampung dan Ahli Majlis seperti dana am iaitu kelas keagamaan, pemberian sumbangan, sambutan-sambutan perayaan, jamuan, majlis keraian dan program kanak-kanak dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih saya ingin bertanya tentang jawapan saya nombor b itu tidak dijawab secara spesifik tentang 5 syarat pemberdayaan yang dinyatakan supaya setiap kertas kerja yang dikemukakan oleh pihak penyelia dapat diluluskan sebab saya dapati agak lambat kertas kerja yang dihantar sedangkan untuk dapat kelulusan di pihak EXCO. Jadi sebenarnya apa sebenarnya elemen dan syarat yang dikehendaki oleh pihak pejabat EXCO ataupun penyelia PWB agar dia dapat diluluskan dan kita lihat setiap kali dihantar dan kadang-kadang bila lambat dan akhirnya ditolak pula. Jadi menyusahkan sedangkan kita telah meletakkan bahawa setiap bulan paling kurang 2 program daripada Pusat Wanita Berdaya yang perlu dilaksanakan di semua peringkat DUN, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga, sebenarnya permohonan daripada penyelia-penyelia ini akan melalui e-mel dan akan dikumpulkan oleh pihak penyelaras PWB dan ia akan diserahkan kepada saya untuk dilihat dan ditandatangani dan sebenarnya bukanlah lama sangat jangka masa untuk ianya

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

diberikan kelulusan. Jadi saya kira tidak ada masalah dan sebenarnya pihak penyelia juga sentiasa berhubung dengan pihak pejabat EXCO untuk mendapatkan, melihat atau mendapat tahu maklum balas bila akan kelulusan tersebut dan *insya-Allah* sebenarnya saya sentiasa mengambil masa untuk meneliti permohonan-permohonan tersebut. Jadi mungkin kalau ada yang agak terlambat saya mohon maaf tapi *insya-Allah* kita akan perbaiki daripada segi pengurusan tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 100.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK: RANCANGAN PEMBESARAN KAMPUNG JENDERAM HILIR, TAMAN JENDERAM MURNI (FASA 2)**

100 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pelaksanaan Fasa 2 projek ini?
- b) Apakah bentuk penyelesaian terhadap permasalahan "kawasan rayau" Orang Ali di kawasan tersebut?
- c) Bilakah dijangka permasalahan ini akan dapat diselesaikan?

**Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* salam sejahtera kepada Tuan Speaker, Dengkil bertanya berkaitan dengan rancangan pembesaran Kampung Jenderam Hilir, Taman Jenderam Murni (Fasa 2). Untuk makluman projek rancangan pembesaran Kampung Jenderam Hilir Mukim Dengkil, Sepang ini dilaksanakan oleh Syarikat Benih Unggul Sdn. Bhd dalam 2 Fasa iaitu Fasa Pertama melibatkan tanah seluas kira-kira 35 ekar yang perlu dilaksanakan merangkumi pembinaan lot 83 unit rumah dengan keluasan 20' X 65' untuk diserahkan kepada penduduk mengikut keutamaan dengan persetujuan JKKA dan Pejabat Tanah Sepang. Fasa kedua pula melibatkan tanah seluas kira-kira 45 ekar bergantung pada rundingan di antara pemaju dan orang asli di mana selepas selesai rundingan ini, baki 117 unit rumah dengan keluasan yang sama akan dibina dalam Fasa Kedua. Status terkini Fasa 2 masih belum dimulakan kerana melibatkan rundingan bersama Pemaju dan Orang Asli, walau bagaimanapun satu penyelarasan akan diadakan bersama Pemaju dan Jabatan kemajuan Orang Asli Daerah Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian dalam masa terdekat. Surat daripada Benih Unggul Sdn. Bhd. Sebagai pemilik tanah bertarikh 18

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Mac 2016 kepada Pejabat Tanah Daerah Sepang menyatakan telah mencadangkan penyelesaian dalam bentuk pampasan kepada penempatan masyarakat Orang Asli yang mendiami baki tanah seluas 45 ekar untuk Projek Pembesaran Kampung Jenderam Hilir, Mukim Dengkil, Daerah Sepang seperti berikut:- Pertama sebuah rumah semi-D bagi setiap ketua keluarga yang tersenarai dan senarainya disahkan oleh Pejabat Daerah Sepang. Kedua wang tunai RM50,000.00 bagi setiap ketua keluarga yang senarainya disahkan oleh Pejabat Daerah Tanah Sepang. Ketiga menyediakan pengangkutan bagi urusan perpindahan. Pihak Pemaju iaitu Sastama Sdn. Bhd. Juga telah mengemukakan surat kepada Pejabat Tanah Daerah Sepang bertarikh 20 Jun 2016 yang menyatakan spesifikasi dan harga rumah yang dicadangkan untuk 19 keluarga Orang Asli adalah seperti berikut:- Keluasan Tanah 40' x 73', keluasan Binaan 25' x 45' harga pasaran RM400,000.00. Pentadbir Tanah Sepang berpandangan bahawa satu bancian perlu dilaksanakan terlebih dahulu bagi memuktamadkan bilangan keluarga/isi rumah masyarakat Orang Ali yang terlibat di kawasan Fasa 2 bersama Pemilik Tanah dan pemaju dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah dan Negeri. Seterusnya rundingan di antara Pemilik Tanah dan Pemaju dan Orang Asli berhubung tuntutan serta tawaran yang dikemukakan perlu diadakan dengan komitmen daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli di peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Ketiga tuntutan serta tawaran yang dikemukakan di antara masyarakat Orang Asli dan Pemilik Tanah dan Pemaju haruslah bersifat rasional dan menguntungkan kedua-dua belah pihak. Permasalahan ini hanya akan dapat diselesaikan sekiranya kesepakatan dicapai dari semua pihak yang terlibat terutamanya di antara Pemilik Tanah, Benih Unggul Sdn. Bhd. Pemaju, Sastama Sdn. Bhd. Dan masyarakat Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah, Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan, terima kasih.

**Y.B TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO atas penjelasan tadi. Ada '*time frame*' tak untuk kita menyelesaikan masalah ini. Memandangkan tawaran dan perbincangan sedang diadakan dan saya mohon kalau ada masa yang ditetapkan untuk menyelesaikan masalah ini.

**Y.B DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Bagi pihak Kerajaan Negeri kita harap perkara ini dapat diselesaikan dengan segera tetapi saya kira Dengkil juga maklum apa juga pembangunan yang melibatkan tanah kawasan rayau orang asli sekali pun ia memerlukan satu perbincangan atau perundingan yang bijaksana. Seperti mana yang saya katakan tadi rundingan akan dilakukan dalam masa terdekat saya kira selepas itu kita boleh menjangka berapa lama ia dapat diselesaikan. Saya kira dengan cadangan-

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

cadangan dalam penyelesaian ini akan memberikan sesuatu kebaikan kepada mereka dan saya kira dapat diselesaikan dengan kadar dengan segera, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 101.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

#### **TAJUK : ENAKMEN FREEDOM OF INFORMATION (FOI) DAN URUS TADBIR KERAJAAN**

101 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki pelaksanaan Enakmen FOI (*Freedom of Information*) selepas pembentangan penyata SELCAT?
- b) Apakah pandangan kerajaan dengan wujudnya Enakmen Ombudsman di Negeri Selangor?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil untuk menuju ke arah ‘Open Government’?

**Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Damansara Utama, Tuan Speaker soalan ini ada tiga bahagian, bahagian pertama adalah soalan berkenaan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki maaf memperbaiki pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat selepas pembentangan penyata SELCAT. Untuk makluman dewan yang mulia ini sejak pembentangan tersebut Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN telah dibuat untuk melantik seorang EXCO secara rasmi untuk bantu menyelaraskan isu-isu yang berkaitan berkenaan tentang Enakmen Kebebasan Maklumat. Keduanya berapa kedudukan yang kosong pada ketika itu diisikan dan ketiga ada latihan dan juga bengkel termasuk satu bengkel berkenaan tentang pemantapan pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor telah diadakan pada tahun lepas yang juga turut dihadiri Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri dan wakil pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan. Soalan bahagian kedua pada soalan 101 iaitu pandangan kerajaan dengan wujudnya Enakmen Ombudsman di Negeri Selangor. Kita diingatkan bahawa Damansara Utama telah ada satu usul pada satu ketika yang diluluskan oleh dewan yang mulia ini untuk menubuhkan satu sistem Ombudsman. Kerajaan Negeri tidak ada halangan dan kita juga melalui satu mesyuarat yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama dengan pihak NGO telah bincang tentang perkara ini.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Buat sementara ini kita tidak ada halangan cuma pada masa ini fokus Kerajaan Negeri adalah untuk mempergiatkan dan juga memperkuuhkan penubuhan dan juga pelaksanaan unit-unit integriti di semua jabatan-jabatan dan juga GLC-GLC di Negeri Selangor. Bahagian yang terakhir iaitu berkenaan dengan *Open Government* Kerajaan Negeri telah mula menggunakan ataupun melaksanakan sistem *Open Government* atau pun *open data* ini adalah melalui kerjasama dengan beberapa pihak termasuk ‘SSDU Smart Selangor Deliver Unit’ dan juga jabatan-jabatan berkenaan. Yang terbaru kita ada sistem maklumat perancangan Negeri Selangor ataupun SISMAP SIS MPES dan juga *planscl* yang dibuat oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang membolehkan orang awam untuk akses maklumat tentang pelan-pelan tempatan, pelan struktur Negeri Selangor dan juga draf-draf rancangan tempatan di mana melalui aplikasi mobil tersebut. Penduduk-penduduk atau orang awam boleh melihat draf tersebut secara percuma dan juga memberi maklum balas atau *feedback* tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras tidak hadir. Kota Anggerik.

**YB TUAN DR YAAKON BIN SAPARI:** Soalan 103

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: KELEWATAN PELAKSANAAN PROJEK DI BAWAH KENDALIAN JKR SELANGOR**

103. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak projek-projek yang dikendalikan oleh JKR Selangor lewat disempurnakan mengikut jadual yang telah ditetapkan?
- b) Senaraikan projek-projek tersebut.
- c) Apakah tindakan yang telah didail bagi memastikan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual?

**YB TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik, jumlah projek yang dikendalikan oleh JKR Selangor dikategorikan sebagai lewat disempurnakan mengikut jadual yang telah ditetapkan sehingga 9 Mac 2017 adalah seperti berikut, lewat lebih daripada 1 bulan jumlah 4 projek, lewat lebih daripada 2 bulan 18 projek jumlah keseluruhan 22 projek.

Senarai secara projek secara *detail* akan dibekalkan dalam lampiran pada Kota Anggerik, antara tindakan yang telah diambil untuk memastikan kontraktor menyiapkan projek mengikut jadual adalah seperti berikut, jika kemajuan kerja di tapak telah

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

mengalami kelewatan berbanding Jadual Perancangan Kerja yang di kemukakan pada awal pelaksanaan projek pihak kontraktor di minta untuk mengemukakan Jadual Perancangan Semula (*Recovery Work Programme*) dengan izin. Kemudian kelulusan pelanjutan masa EOT akan diberikan apabila kontraktor benar-benar layak dan berhak. Dan seterusnya jika didapati kelewatan berpunca daripada prestasi pihak kontraktor yang tidak memberangsangkan penamatan kontrak / mansuh akan diberikan kepada kontraktor.

Pihak ketiga akan dilantik untuk menjalankan skop kerja yang tidak dapat dijalankan oleh kontraktor utama. Penyerahan separa *Partial handling over* dengan izin supaya pihak pelanggan dapat menggunakan premis jalan tanpa perlu menunggu keseluruhan projek siap kelewatan kerja bagi kerja-kerja kecil yang tidak mempengaruhi fungsi sesuatu projek seperti kerja-kerja landskap akan disiapkan setelah penyerahan separa dijalankan. Intervensi projek sakit dijalankan untuk mengenal pasti punca masalah yang tidak dibincangkan dalam mesyuarat tapak dan teknikal di antara pihak pengurusan projek iaitu pihak JKR dan pihak kontraktor. Juga mengadakan Pemantauan Projek Sakit setiap bulan bagi memantau projek-projek lewat dan mengenal pasti masalah dan penyelesaian yang boleh diambil begitu juga mengadakan Bengkel Pengurusan Risiko bagi setiap projek mengikut peringkat pembinaan untuk mengenal pasti risiko masalah, yang dijangka akan dihadapi sepanjang tempoh projek dan mengambil langkah pencegahan.

**TUAN SPEAKER:** Soalan. Kuang tidak hadir, Soalan 105 telah dijawab bersekali soalan 10 , Gombak Setia.

**YB TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Soalan 106

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: TEKNOLOGI BARU PERTANIAN**

106. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah mengenal pasti teknologi-teknologi baru pertanian dalam menuju *Smart State*?

**YB TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Gombak Setia dari sudut Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa Teknologi-teknologi baru Pertanian, dalam menuju *Smart State* antaranya adalah pendekatan iaitu pertanyaan secara tepat di mana kita melaksanakan satu projek pertanian secara pertepatan dengan keperluan tanaman sebagai contoh penggunaan baja yang benar-benar diperlukan bagi mengelakkan pembaziran mengikut kadar yang diperlukan sahaja

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

melalui maklumat keperluan teknologi seperti tanaman berkonsepkan, melalui program pembangunan Teknologi *fertigasi* ini Jabatan Pertanian khususnya memfokuskan tanaman cili dan *rockmelon* memandangkan tanaman ini merupakan pasaran yang baik dari segi terdapat 490 petani dengan keluasan 1088 yang mengusahakan tanaman secara teknologi *fertigasi* pada tahun ini, Jabatan Pertanian mensasarkan pengeluaran cili sebagai satu sebanyak 1juta *polybag* dan keluaran *rockmelon* sebanyak 700,000 *polybag*. Selain daripada itu juga Jabatan Pertanian sedang menguji dan mempromosikan penggunaan Pelan *Factory* satu alternatif *Smart Agriculture* bagi Selangor melalui teknologi pelan *factory* ini tanaman sayur sayuran yang berkualiti tinggi dapat dikeluarkan dari kawasan yang kecil, menggunakan teknologi pencahayaan buatan dengan pembekalan *nutrition* secara hidroponik dan sesuai digunakan di kawasan-kawasan dan bandar.

Beginu juga dengan tisu *culture* juga sedang diusahakan untuk tanaman-tanaman seperti pisang yang mampu menghasilkan benih-benih yang berkualiti dan seterusnya dengan hasil yang tinggi beginu juga dengan penggunaan *drone* bagi memantau kewujudan penyakit dan keperluan pembajaan racun serangga, ini antara contoh-contoh termasuklah penggunaan *drone*, untuk membuat membantu untuk proses membuat kawalan racun dan sebagainya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang tidak hadir, Jeram tidak hadir, Kuala Kubu Baharu

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 109

#### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHRU)**

#### **TAJUK: PERUNTUKAN UNTUK PELANCONGAN**

109. Bertanya keputusan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap permohonan peruntukan pembangunan yang dihantar oleh Tourism Selangor, 3 PBT dan Galeri Diraja Klang
- Nyatakan keputusan Unit Perancangan Ekonomi(EPU) terhadap permohonan peruntukan pembangunan yang dihantar oleh Tourism Selangor, 3 PBT, dan Galeri Diraja
  - Adakah Kerajaan Negeri akan membantu PBT yang mengisytiharkan tahun 2017 sebagai tahun melawat kawasan PBT mereka?

**YB PUAN ELIZABETH WONG KIEAT PING:** Terima kasih Kuala Kubu Baharu, Tuan Speaker, soalan ini adalah berkenaan keputusan Unit Perancang Ekonomi EPU

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

terhadap beberapa permohonan peruntukan pembangunan yang dihantar oleh Kerajaan Negeri Tourism Selangor 3 PBT dan juga Galeri Diraja Klang untuk mendapat peruntukan bagi menjalankan projek-projek pelancongan, sebanyak 3 projek telah di senarai pendek untuk RMKe-11 atau puan *Third Rolling Plan* dan telah melalui satu sesi pembentangan terakhir di peringkat di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 15 Mac 2017 yang lalu dan telah dibentangkan oleh Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Cawangan Negeri Selangor, senarai 3 projek yang di senarai pendek adalah seperti berikut: satu penaik taraf kemudahan pelancongan di Pantai Redang Sekinchan, senarai pendek sahaja, tunggu.

Keduanya menaik taraf kemudahan pelancongan di Pusat Konservasi Burung Enggang, Sabak Bernam dan ketiga menaik taraf kemudahan pelancongan *Royal Klang Heritage Walk* di Klang 3 projek yang telah di senarai pendek ini akan melalui satu lagi pembentangan di peringkat di Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada tarikh yang akan diumumkan kelak dan keputusan dijangka akan di peroleh pada akhir tahun 2017.

Bahagian kedua kepada soalan oleh Kuala Kubu Baharu adalah berkenaan tentang adakah Kerajaan Negeri membantu PBT untuk mengisyiharkan tahun 2017 sebagai tahun melawat kawasan PBT masing-masing? Untuk makluman dewan yang mulia ini sudah tentu Kerajaan Negeri bukan sahaja bantu mengisyiharkan tetapi memberi peruntukan yang secukupnya untuk menjayakan program tahun melawat PBT atau pun tahun melawat daerah-daerah masing-masing. Untuk tahun 2017, sebanyak dua PBT telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan tahun melawat iaitu Daerah Klang dan juga Daerah Hulu Selangor. Jadi peruntukan awal telah diberi kepada Majlis Daerah Hulu Selangor pada tahun lepas, kerana mereka telah hantar permohonan ataupun *proposal* sangat awal dan kita dapat membantu mereka untuk membuat beberapa program pelancaran dan setakat ini kita masih menunggu permohonan yang terkini oleh Majlis Perbandaran Klang.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Saya nak pandangan daripada Yang Berhormat Exco memandangkan Kementerian Pelancongan hanya menyenarai pendek kan 3 kawasan pelancongan di Selangor kekurangan perhatian atau ambil berat daripada Kementerian Pelancongan itu akan memberi apa kesan kepada pelancongan di Negeri Selangor.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KIEAT PING:** Kuala Kubu Baharu saya rasa isunya bukan kekurangan perhatian oleh Kementerian Pelancongan tetapi mungkin ada kekurangan dari segi permohonan atau pun *proposal* yang dihantar oleh PBT PBT masing-masing dan saya ingin syorkan bahawa mungkin semua PBT atau pun

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

pemohon-pemohon daripada Negeri Selangor boleh melihat semula atau pun buat review atas permohonan mereka dan masuk sekali lagi kepada pihak yang berkenaan. Saya juga telah ada perbincangan secara lisan, dengan Yang Berhormat Menteri Pelancongan dua minggu yang lalu tentang perkara ini dan beliau telah maklum telah secara lisan kepada saya beliau akan melihat semula kalau ada permohonan yang sangat kukuh dan memberi manfaat kepada sektor pelancongan, Sekinchan telah disenarai pendek kan. Terima kasih.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, saya minta tadi EXCO jawab Daerah Klang adalah satu kawasan yang dikatakan dalam tahun 2017 *which is* Klang berapakah peruntukan yang telah diberi kepada Majlis Perbandaran Klang untuk program pada tahun ini dan kalau boleh apakah program-program yang telah dirancangkan.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KIEAT PING:** Seri Andalas, buat sementara ini kita belum terima secara penuh permohonan daripada Majlis Perbandaran Klang untuk program atau pun permohonan tahun melawat Klang walau bagaimanapun satu peruntukan yang sangat lumayan telah di dengan izin *see the site* untuk membantu dari segi promosi dan juga untuk program-program atau pun acara pelancongan di sana. Bila saya dapat permohonan yang penuh dan keputusan untuk meluluskan program-program tersebut dibuat saya akan hantar kepada pejabat Seri Andalas.

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Kelang

**YB PUAN DR HALIMAH BINTI ALI:** Oleh sebab Jambatan Ketiga Klang, dijangka akan siap pada tahun ini dan walaupun Majlis Perbandaran Klang belum mengemukakan *proposal* dengan izin mereka, boleh kah Kerajaan Negeri kerana ianya adalah produk daripada Kerajaan Negeri sendiri boleh kah Kerajaan Negeri mengambilkan ia salah satu daripada produk yang akan dipromosikan sebagai produk pelancongan Kerajaan Negeri.

**YB PUAN ELIZABETH WONG KIEAT PING:** Terima kasih, Selat Kelang saya rasa jambatan ini belum di siap jadi kita belum ada peluang untuk melihat reka bentuk atau puas jambatan ini buat sementara ini saya rasa kita pun *on hold* kita cuba mempromosikan tapak-tapak pelancongan yang sedia ada sepatutnya saya rasa ini pendapatan daripada STANDCO adalah kita mempromosikan produk-produk pelancongan yang sedia ada kita menambah baik lagi kita buat yang terbaik untuk

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

mereka lebih baik daripada membuka tapak-tapak pelancongan baru kerana semakin banyak kita ada tidak semestinya produk-produk pelancongan itu cukup bagus untuk pelancong-pelancong. Jadi walau bagaimanapun kita akan dengan izin *keep in view* cadangan daripada Selat Kelang untuk menjadikan Jambatan Ketiga Kelang sebagai satu produk pelancongan tetapi saya juga harap bukan sahaja Selat Kelang tetapi semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini jambatan adalah untuk pengangkutan dan bukan untuk pelancongan. Jadi kita pulang kepada matlamat utama jambatan itu untuk membawa orang, kereta, kenderaan dan sebagainya dari *point A* kepada *point B*. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sri Serdang tidak hadir, Seri Andalas.

**YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima Kasih, saya mengharap MPK akan buat permohonan ini bulan 4 dalam 2017 Tuan Speaker, soalan 111.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK: PEMBERSIHAN SUNGAI DAN PEMBANGUNAN TANAH DITEBING SUNGAI**

111. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan pembersihan sungai oleh Kerajaan Negeri khususnya di Lembah Kelang?
- b) Apakah pula perancangan Kerajaan Negeri bagi pembangunan tanah-tanah di tebing sungai di Lembah Kelang

**YB PUAN ELIZABETH WONG KIEAT PING:** Tuan Speaker, izinkan saya untuk dapat sedikit masa lebih masa untuk menjawab soalan ini kerana ada 30 saat sahaja, perancangan pembersihan sungai oleh Kerajaan Negeri khususnya di lembah Klang telah dilaksanakan oleh anak syarikat Menteri Besar Selangor *Perbadanan atau pun MBI In Corporated* iaitu Hebat Sdn. Bhd. bermula dengan kerja-kerja pemasangan 48 unit *mini lot room* di sepanjang kunci-kunci air bagi menyekat sisa pepejal terapung daripada mengalir ke Sungai Kelang usaha terusnya ialah untuk mengeluarkan sisa pepejal yang terkumpul tersebut nanti terus dilupuskan ke tapak pelupusan yang sesuai.

Untuk tahun 2017 usaha pembersihan akan diteruskan dirancakkan lagi dengan pemasangan lot utama bagi menyekat aliran sampah dari Hulu Sungai Klang

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

terutamanya dari Kuala Lumpur daripada mengalir terus sehingga ke muara. Usaha pemantauan tersebut juga dipergiatkan lagi untuk memantau keadaan Sungai Kelang dan juga aktiviti pembuangan sampah haram di tebing sungai dengan mengaplikasikan teknologi seperti *drone* dan *censored*. Setakat ini program pembersihan Sungai Klang telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan juga merisaukan dari bulan Februari 2016 sehingga Februari 2017. Sejumlah 20,809 metrik tan atau pun lebih daripada 20 juta kilogram sisa pepejal telah dikeluarkan dan dikembalikannya habitat liar semula jadi disebabkan oleh peningkatan kualiti air.

Di samping itu aktiviti kitar semula telah turut dilaksanakan. Setakat ini dari bulan Mac 1,100 kilogram barang yang boleh dikitar semula telah dikutip dan diasingkan. Justeru mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan. Soalan kedua atau pun bahagian dua iaitu soalan berkenaan dengan apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi membangunkan tanah-tanah di tebing Sungai Lembah Klang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Seri Andalas, Kerajaan Negeri tidak akan membangunkan rizab-rizab sungai kerana rizab sungai adalah untuk disimpan tetapi memang ada perancangan untuk membangunkan kawasan-kawasan di luar kawasan rizab sungai Klang.

### **III. USUL**

**(usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor)**

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sekarang saya jemput Yang Berhormat Sijangkang untuk menyambung penjelasan.

**YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya menyambung isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dalam sesi penggulungan ini. Saya sambung dengan jawapan kepada isu yang dibangkitkan oleh Seri Serdang berkaitan dengan kelewatan penerimaan elaun guru. Di mana telah saya sebutkan pada hari Jumaat yang lalu dan saya kira ini adalah isu-isu yang berkaitan dengan teknikal dan beberapa langkah telah diambil dan saya kira perkara ini juga telah selesai. Dan saya boleh melihat ianya

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

bukan satu isu yang besar lagi. Kemudian perkara yang berkaitan dengan penambahbaikan jambatan dan tebing sungai di Jalan Jurutera Kampung Seri Andalas Batu 12, Puchong. Kejadian tebing sungai runtuh di kampung Seri Andalas Batu 12 Puchong telah berlaku pada pertengahan November 2016. Melibatkan sebuah jambatan yang menjadi laluan utama penduduk di jalan Jurutera. Laluan tersebut merupakan penghubung ke kampung Seri Aman, jalan Kampung Kebun dan Bandar Saujana Putera. Kerja-kerja kecemasan baik pulih tebing runtuh dan kerja-kerja lain yang berkaitan telah mula dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Petaling pada 31 Januari 2017 yang lalu. Dan dijadualkan siap pada 31 Mac 2017, pihak UPEN dan agensi berkaitan juga telah melaksanakan lawatan tapak di kawasan tersebut pada 8 Februari 2017. Dan saya maklumkan pada masa ini ianya masih lagi belum dapat diselesaikan dan progress pada masa ini adalah 80%.

Kemudian isu yang dibangkitkan oleh Balakong berkaitan dengan beberapa permohonan untuk masjid dan surau-surau di kawasan Balakong yang mana permohonan-permohonan itu telah disampaikan kepada pihak kerajaan pada tahun 2014 dan isu-isu ini adalah isu-isu yang mana permohonan-permohonan daripada tahun 2014. Oleh sebab peruntukan adalah terhad, Jabatan Agama Islam Selangor memberikan keutamaan kepada masjid-masjid yang memerlukan pembaikan yang kritikal. Permohonan yang dikemukakan untuk Masjid Al-Ikhwaniah, Masjid Bandar Tun Hussien Onn, Masjid Nurul Ikhsan, Taman Seri Cheras dan Masjid Taming Jaya tidak dapat dipenuhi berikutan permohonan-permohonan tersebut bersifat aksesori seperti pemasangan tirai, menaik taraf dapur dan sebagainya yang boleh dilaksanakan oleh pihak masjid sendiri. Walau bagaimanapun, pada tahun berkenaan Lembaga Zakat Selangor telah memberikan sumbangan-sumbangan kepada masjid-masjid atas permohonan-permohonan tersebut. Dan senarai ini akan saya serahkan kepada Balakong kemudian.

Seterusnya berkaitan dengan permohonan naik taraf Masjid Taman Sutera yang telah diluluskan pada tahun 2013 tetapi masih belum dilaksanakan. Sebelum itu saya ingin juga menjawab berkaitan dengan baik pulih surau ya, permohonan bantuan baik pulih dan naik taraf surau pada tahun 2014 tidak dapat disalurkan kerana tiada peruntukan khas daripada kerajaan berhubung perkara tersebut. Peruntukan untuk baik pulih surau hanya diluluskan bermula pada tahun 2017. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan seperti mana yang kita telah luluskan dalam pembentangan bajet, sebelum ini memang tidak ada peruntukan khusus untuk baik pulih surau atau pun pembinaan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri. Hanya pada tahun 2016, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM3 juta untuk pembangunan atau pun bina baru surau-surau. Dan pada tahun 2017 ini peruntukan masih lagi diberikan dengan jumlah RM1.7 juta untuk pembangunan yang masih lagi berlaku, pembangunan surau dan juga baik pulih surau

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

yang begitu banyak di Negeri Selangor, lebih daripada 200 surau dengan hanya peruntukan yang kita dapat peruntukan pada tahun ini, RM1.7 juta.

Berikut dengan ke batasan kapasiti dan peruntukan semua permohonan hendaklah dikemukakan semula dan tertakluk kepada kritikal-kritikal permohonan. Walau bagaimanapun, saya kira bagi permohonan yang telah dihantar oleh Balakong kita telah masukkan dalam senarai kita. Mana-mana yang perlu kita buat berkaitan dengan faktor-faktor keselamatan akan kita cuba masukkan pada projek yang dilakukan pada tahun ini.

Naik taraf masjid Taman Sutera akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pemilihan Masjid itu sendiri. Seperti mana yang dipohon peruntukan naik taraf tersebut adalah melalui kutipan dana orang ramai. Jadi saya kira statusnya setakat ini adalah begitu dan kita lihat bagaimana pembangunan ini berlaku dan mungkin kerajaan juga boleh melihat bagaimana ada sumber-sumber daripada kerajaan yang boleh bantu. Permohonan untuk naik taraf surau Bukit Belimbing kepada masjid sedang dalam proses semakan pihak JAIS. Tapak asal surau tersebut adalah hanya seluas 1.15 ekar dan pihak JAIS telah membuat permohonan kepada JKPTG Persekutuan, Negeri Selangor bagi mendapatkan kebenaran pewartaan tanah tadika bersebelahan surau tersebut untuk mendapat keluasan tapak asal. Untuk makluman Ahli Dewan, bahawa apabila kita hendak bangunkan sesbuah masjid atau pun kita hendak dirikan masjid di kawasan-kawasan tertentu sekurang-kurangnya keluasan 3 ekar diperlukan untuk pembangunan tersebut untuk melengkapkan segala keperluan asas bagi pembangunan dan kemudahan masjid apabila kita telah bangunkan. Kemudiannya isu yang dibangkitkan oleh Dengkil berkaitan dengan .....

**YB. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO mendapatkan jawapan mengenai soalan-soalan yang telah saya bangkitkan. Jadi saya berharap kalau boleh pihak kerajaan katakanlah apa-apa permohonan adalah melalui Pejabat Adun sekiranya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat EXCO, pihak Lembaga Zakat sudah memberi sumbangan, boleh tidak kerajaan sekurang-kurangnya maklumkanlah ke Pejabat ADUN *so that at least we know what is happening* dengan izin dan selain daripada itu, saya mohonlah sekiranya pihak kerajaan memberi sumbangan peruntukan kewangan kepada pembinaan masjid Taman Sutera, terima kasih.

**YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Balakong, saya akan panjangkan ke Lembaga Zakat dan juga Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, yang mana saya maklum segala permohonan telah dihantar kepada pejabat saya dan saya telah ajukan ke Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan mungkin kita tidak dapat

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

laksanakan pun kita boleh beri respons kepada masjid atau pun Adun-adun yang terlibat dalam pembangunan tersebut. Isu yang dibangkitkan oleh Dengkil adalah berkaitan memohon penjelasan berkaitan dengan status pembinaan masjid Dengkil. Pada masa ini JAIS sedang menyediakan kertas ringkasan untuk dibawa ke MMKN selepas beberapa perbincangan mesyuarat dengan semua pihak sama ada jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Tanah Daerah Sepang dan juga JAIS dan juga EXCO yang menjaga hal ehwal orang asli. Kerana kita sebenarnya Kerajaan Negeri telah memutuskan memberikan tawaran kepada mereka yang pada asalnya tiga keluarga terlibat kemudiannya menjadi lima keluarga yang mana sebenarnya tanah ini juga telah diwartakan 10 ekar sebagai tanah untuk pembangunan masjid. Tetapi atas beberapa faktor, kawasan masyarakat orang asli ini dan akhirnya dalam beberapa perbincangan dan kita telah mendapat jawapan, pandangan dari Pejabat Kemajuan Orang Asli Negeri Selangor dan Wilayah melalui surat rujukan JAKOA 6 Mac 2017 bertarikh 6 Mac 2017 dan cadangan itu akan kita bawa semula kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk kita putuskan. Dan kita mengharapkan ianya dapat kita masukkan ya, *insyallah* seawal-awalnya pada Perancangan Tahun 2018 kerana tidak dimasukkan di dalam Perancangan Pembangunan Tahun 2017 ini.

Kemudian berkaitan dengan pembinaan-pembinaan Masjid Ar-Rahman Dengkil di Rancangan Tanah Belia (RTB) yang mana dijangka akan dijangka tender pada bulan Jun 2017 dan kos siling sejumlah RM16 juta diperuntukkan untuk tujuan pembangunan tersebut. Isu pembesaran kampung saya telah jawab dalam soalan mulut tadi. Kemudian isu yang dibangkitkan oleh Selat Kelang berkaitan dengan skop penyelenggaraan jalan kampung di atas tanah persekutuan dan naik taraf dan baik pulih dewan orang ramai di kawasan Selat Kelang. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-27/2016 pada 17 Ogos 2016 telah bersetuju pelaksanaan penyelenggaraan jalan-jalan kampung di atas tanah persendirian yang tidak berdaftar dengan MARRIS menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Keputusan MMKN ini telah diedarkan kepada semua Pejabat Daerah untuk makluman dan tindakan sewajarnya. Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan 2 kerja-kerja naik taraf dan baik pulih dewan orang ramai dan balai raya di bawah DUN Selat Kelang bagi tahun 2017 berjumlah RM621,226.92 seperti berikut Dewan Orang Kampung Delek sebanyak RM421,716.71. Dan balai raya Kampung Sungai Sireh Tambahan Dua sebanyak RM199,510.21. Penyaluran peruntukan pembangunan akan disalurkan kepada pihak Pejabat Daerah Klang yang akan dibuat secara waran berdasarkan surat setuju terima. Kemudian isu yang dibangkitkan oleh Paya Jaras berkaitan ...

**YB. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, Tuan Timbalan Speaker, boleh tak saya celah Exco.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Selat Klang.

**YB. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Mengenai penyelenggaraan jalan yang tidak belum berdaftar di bawah MARRIS dan di lot persendirian. Jadi kalau yang saya fahamkan daripada jawapan EXCO tadi, Kerajaan Negeri keputusan MMKN telah pun memutuskan bahawa ianya boleh diselesaikan sebenarnya ya. Jadi saya hendak tahu kenapa masih lagi ada masalah atau pun ada isu di Pejabat Daerah yang takut lagi untuk menyelenggarakan jalan kampung ini.

**YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Selat Klang. Untuk makluman peruntukan pada tahun ini untuk jalan-jalan kampung sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan dan buat masa ini Seksyen Agihan sedang meneliti kesemua permohonan-permohonan daripada semua daerah-daerah kerana permohonan yang begitu banyak dalam data base yang kita ada ini dengan jumlah pegawai yang saya kira amat terhad. Dan *insya-Allah* akan selesai dalam bulan ini dan kita akan memulakan kerja-kerja untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung ini dilakukan dengan kadar yang segera.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**YB. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih, saya hendak tanya EXCO bukan untuk laksanakan jalan-jalan di dalam kampung. Masalahnya ialah saya bagi khususnya di PTD Klang ini apakah pegawai-pegawai beritahu kita bahawa mereka tidak boleh buat sesuatu atas jalan-jalan di dalam kampung kalau kita tidak dapat 100% tandatangan daripada penduduk di sebelah-belah kampung itu. Masalahnya Tuan EXCO ialah orang-orang sekarang ini duduk di tepi-tepi jalan itu bukan orang asal. Dia sudah jual atau pun dia sudah meninggal dan dia punya saudara mara dan sebagainya dia tak ada macam mana dia *transfer* satu sama lain dan sebagainya. Tapi kalau kita ikat kepada peraturan yang ada sekarang katakan dia hendak 100% tandatangan daripada penduduk di atas jalan itu, sebelum boleh diselesaikan jalan itu, kita tidak akan capai apa itu, kita punya anggaran kitalah. So, harap EXCO boleh bagi kita sedikit maklumat tentang isu yang kita bincangkan di dalam EXCO apa dia sekarang status dia. Untuk dapatkan kelulusan untuk jalan ini diturap di dalam luar bandar khususnya di kampung apa dia sekarang standard ataupun pendirian dari EXCO dan Kerajaan Negeri Selangor untuk masalah ini diatasi.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Seri Andalas, seperti mana yang saya maklumkan, MMKN telah membuat keputusan pada 17 Ogos 2016

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

yang mana jalan-jalan kampung terutamanya jalan-jalan di atas tanah persendirian kerana apabila kita bina kadang-kadang kita akan menghadapi permasalahan daripada tuan punya ataupun mereka-mereka yang tinggal di kawasan sepanjang laluan tersebut termasuklah apa yang sebagai contoh mungkin melibatkan utiliti paip dan sebagainya. Bila paip pecah dia menjadi isu pergaduhan dan sebagainya. Pun begitu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan bahawa jalan-jalan persendirian seperti ini ya, dibenarkan untuk diselenggarakan tanpa kelulusan 100% ataupun tanpa prosedur konsesi seperti biasa. Terutamanya jalan-jalan yang memang kegunaan 24 jam yang menjadi jalan awam yang menghubungkan satu tempat ke satu tempat yang *premier* di kawasan kampung tersebut dan ini juga telah sampai kepada pejabat daerah juga, pegawai-pegawai pejabat daerah untuk juga memberikan cadangan-cadangan untuk kita naik taraf ataupun kita selenggarakan jalan-jalan tersebut. Memang saya maklum kalau dulu memang kena ada *consent* ataupun kebenaran secara bertulis ya mengikut prosedur setiap penduduk ataupun tuan tanah dan ini telah kita putuskan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARUNANDAM:** Sorry, terima kasih Tuan EXCO boleh bagi kita di dalam jangka tulisan untuk hantar kepada s.k kepada kita ni sebab kita kena berbincang dengan pegawai-pegawai di dalam pejabat tanah, susah sangat untuk beri atau kerajaan ada keputusan lain dari apa yang mereka ingat kena lakukan di bawah. So, saya minta lah kalau ada Pekeliling itu dikeluarkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT. ALI:** Timbalan Speaker, boleh saya celah lagi? Tadi EXCO sebut RM15 juta untuk jalan-jalan kampung ini. Oleh sebab Allah dah bagi Selangor ni rezekinya lebih sikit lah saya rasa 15 juta ini untuk setakat Selangor ni tak cukup lah mungkin *double* ke sebab lagi dengan hujan dengan apa semua-semuanya. Selangor pula kenderaan banyak, dia bukan macam negeri lain.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih saya jawab Seri Andals dulu, saya kira Pekeliling ini telah disampaikan kepada semua Pejabat Tanah Daerah dan saya kira tidak jadi halangan, tidak jadi masalah untuk kita sampaikan kepada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini.

Menjawab kepada apa ni soalan daripada Selat Klang, saya kira ini adalah peruntukan yang telah sama-sama kita luluskan dalam Belanjawan 2017 pada 2016 yang lalu dan kalau kita melihat kepada peruntukan yang telah kita untukkan pada tahun 2016 adalah RM10 juta dan ini telah dinaikkan kepada RM15 juta dan saya kira itu juga tidak dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada permasalahan jalan-jalan kampung terutamanya di atas tanah jalan-jalan persendirian yang telah sedia ada untuk kita

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

selenggarakan. Pun begitu, mungkin Kerajaan Negeri boleh melihat semula ya kalau ada mungkin punca-punca daripada mana untuk kita juga sama dapat guna untuk kebaikan masyarakat ataupun rakyat di Negeri Selangor ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih saya ingin mencelah sedikit tentang apa yang dinyatakan oleh pihak EXCO. Kalau RM15 juta ini saya nak tanya tentang mekanisma pembahagiannya sebab kita lihat dalam Mesyuarat MTD baik di Klang ataupun di Petaling saya dapat macam seolah-olahnya peruntukan ini tidak diperuntukkan agak sama rata ataupun adil kepada semua ADN sebab siapa yang ada ADN yang dapat banyak ada DUN yang langsung tak dapat. Jadi saya mohon, saya nak bertanya dan mencelah sama ada apa kah memang ada spesifik setiap DUN sebagaimana dulu MARRIS di PBT, ADN boleh menyatakan ada kuantum yang diberikan ataupun syiling diberikan kepada ADN untuk mendapatkan permohonan yang mereka mohonkan itu atau bajet yang dimohonkan itu, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Batu Tiga sebenarnya tidak ada apa-apa kuantum pun yang diuntukkan khusus kepada untuk setiap kawasan Ahli-ahli Dewan Negeri yang kita minta adalah supaya di peringkat kampung ataupun mungkin daripada Pusat Khidmat Masyarakat ataupun ADN sendiri memberikan senarai-senarai untuk dimasukkan di dalam list keutamaan. Senarai keutamaan di peringkat Pejabat Daerah dan kemudian dihantar siap dengan BQ sekali ya kepada Pejabat kepada Bahagian Seksyen Agihan untuk diluluskan dan kemudiannya *proceed* kepada prosedur untuk melantik kontraktor dan sebagainya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mencelah lagi, hah itu yang saya sebut tadi kalau tidak ada kuantum maka peruntukan itu hanya tertumpu kepada beberapa DUN sahaja sedangkan kami telah pun menyatakan, mengajukan apa ni *wish list* atau pun keutamaan yang kita beri. Kalau di Klang, setahu saya sebab saya tak pernah ponteng MTD Klang yang hanya diluluskan hanya untuk Sementa, Meru dan Seri Muda sahaja, yang kami yang lain kat sini ni tengok sahaja peruntukan itu diluluskan. Hanya untuk tujuan rekod. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** O.k. Terima kasih Batu Tiga dan saya kira itu juga cadangan yang baik tapi untuk makluman seperti mana yang saya katakan tadi untuk tahun ini kita belum lagi beri kelulusan secara menyeluruh kepada semua daerah-daerah dan *insya-Allah* akan keluar dalam masa terdekat dan saya juga

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

memaklumkan supaya setiap daerah ini akan juga mempertimbangkan sekurang-kurangnya setiap kampung ada satu lahan projek yang di bawah pembangunan desa dan kampung tradisi ini dilakukan di kampung itu tersebut.

Seterusnya perkara yang, isu yang dibangkitkan oleh Paya Jaras berkaitan dengan Sekolah Agama yang perlu didaftarkan semula selepas beberapa tahun operasi dan sebagainya. Untuk makluman pendaftaran Sekolah-sekolah Agama Islam di Negeri Selangor adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam tahun 1988 pindaan tahun 2001. Jenis pendaftaran yang ditetapkan oleh Pendaftar Sekolah Agama Islam adalah Perakuan Pendaftaran Sementara dan Perakuan Pendaftaran Penuh. Perakuan Pendaftaran Sementara untuk sesebuah sekolah ataupun institusi pendidikan diperakukan dalam tempoh satu tahun sahaja dan perlu diperbaharui apabila tamat tempoh perakuan manakala Perakuan Pendaftaran Penuh pula diberi tempoh lima tahun. Perakuan ini juga perlu diperbaharui apabila tamat tempoh perakuan. Prosedur ini melibatkan semua kategori sekolah persendirian dan juga KAFA Integrasi. Sekolah Agama Islam kelolaan Kerajaan Negeri didaftarkan dan diperakukan dengan perakuan pendaftaran penuh tanpa tamat tempoh yang ditetapkan.

Sekolah-sekolah di bawah kategori ini adalah pra sekolah JAIS, Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Sekolah Agama Menengah (SAM) ataupun SAMT dan Maahad Tahfiz Integrasi Selangor (MiTS). Tatacara operasi yang diamalkan adalah bagi memastikan isu keselamatan dan kesihatan di sekolah-sekolah Agama Islam ini selaras dengan Seksyen 14(a) Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam tahun 1988 pindaan tahun 2001.

Bagi maksud-maksud menimbangkan sama ada permohonan untuk pendaftaran diluluskan atau tidak, pendaftar hendaklah mengambil kira syarat-syarat yang berikut:-

- a) Kesesuaian Sekolah Islam ataupun bangunan atas alasan-alasan kesihatan dan keselamatan. Antara syarat-syarat yang ditetapkan adalah sokongan daripada agensi berkaitan keselamatan dan kesihatan iaitu surat sokongan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Surat sokongan Pejabat Kesihatan Daerah atau Negeri. Surat Sokongan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Keperluan mengadakan pemutihan sekolah agama tidak berdaftar adalah sesuai dengan Seksyen 12 Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam tahun 1988 pindaan tahun 2001. Satu tertakluk kepada Seksyen Kecil 2, "tiada orang atau kumpulan boleh menubuhkan ataupun mendirikan Sekolah Islam melainkan jika ia didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan Enakmen ini". Kedua, semua Sekolah Islam yang telah ditubuhkan sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah didaftarkan mengikut peraturan-peraturan Enakmen ini di dalam masa

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

6 bulan selepas Enakmen ini mula berkuat kuasa atau apa-apa tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

Kemudian isu berkaitan dengan Balai raya JKJKK dan...

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Minta.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Sedikit minta pencerahan daripada Yang Berhormat EXCO, bermakna selama ini pun tempoh kelulusan adalah tempoh terhad, lima tahun ataupun dua tahun tadi. Jadi, setahun, setahun. Jadi adakah sebelum ini berlaku juga proses pendaftaran semula selepas tempoh sebab saya tidak ingat sebelum ini ada insiden yang nampak seolah-olah baru timbul benda ni.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Isu pendaftaran ini memang berlaku setiap tahun, cuma kadang-kadang terlepas pandang sebab penguatkuasaan dan sebagainya ya yang mana mungkin tidak berlaku tiap tahun begitulah tapi pada dasarnya mana-mana yang berkaitan dengan pendaftaran sementara dia memerlukan untuk tempoh setahun pendaftaran semula dan juga pendaftaran penuh diberikan tempoh lima tahun perakuan.

Seterusnya berkaitan dengan balai raya JKJKK dan juga perabot dah uzur, Paya Jaras telah membangkitkan isu ini. Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan 8 kerja naik taraf balai raya bagi daerah Petaling, berjumlah RM604,389.20 bagi pelaksanaan fasa satu. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM41,384.00 telah diluluskan untuk Balai JKJKK Kg. Paya Jaras Hilir di bawah DUN Paya Jaras.

Manakala bagi penggantian perabot-perabot uzur di balai raya, Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, negeri telah mengedarkan surat kepada semua Pejabat Daerah pada 27 Mac 2017 supaya keperluan penggantian perabot yang telah uzur dalam skop naik taraf balai raya dan dewan untuk dilaksanakan pada fasa kedua 2017 yang perlu dikemukakan sebelum 7 April 2017.

Dan yang terakhir adalah isu yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat berkaitan dengan prasarana SRA dan KAFA dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pembangunan KAFA ini adalah inisiatif daripada masyarakat tempatan dan yang mengutip sumber kewangannya melalui kutipan ataupun sumbangan-sumbangan

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

daripada masyarakat tempatan dan pembangunan KAFA ini juga sebahagian besarnya mendapat bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) senantiasa melaksanakan kerja baik pulih berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri berpandukan prosedur kewangan dan permohonan yang dibuat oleh pihak SRA dan KAFA. Sekolah Rakyat dan KAFA juga diberikan penggunaan peruntukan tahunan di bawah kawalan EXCO Pendidikan, Y.B. Tuan Nik Nazmi yang mana kita sedia maklum untuk peruntukan Jabatan Agama Islam bagi kerja-kerja baik pulih sekolah SRA ini adalah sejumlah RM4 juta pada tahun ini dan peruntukan di bawah Yang Berhormat EXCO Pendidikan RM9 juta diintukkan yang mana KAFA juga boleh memohon untuk tujuan baik pulih dan sebagainya.

Sejak tahun, saya kira itu antara jawapan yang saya nak maklumkan kepada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia yang membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan STANCO Hal Ehwal Agama Islam Adat Melayu dan Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Sijangkang. Saya persilakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbaahan menjunjung kasih titah Duli Yang Mulia Sultan Selangor pada sesi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ke 13 Tahun 2017. Yang Berhormat Sekinchan membangkitkan beberapa isu berkaitan orang kurang upaya. Antaranya pelekat bagi pemandu OKU. Untuk makluman Ahli Dewan, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kebajikan telah pun mengeluarkan pelekat pemandu OKU yang selaras untuk diguna pakai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan sejak 2009. Antara syarat bagi penggunaan pelekat kenderaan OKU ini adalah pelekat ini hanya boleh digunakan oleh orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor dalam kategori berikut sahaja, iaitu :

Cacat anggota ataupun masalah pembelajaran atau kecacatan saraf atau *celebreprasi* ataupun mengalami lebih daripada 1 kecacatan.

Pelekat kenderaan OKU ini boleh digunakan di semua tempat letak kereta di Negeri Selangor sahaja dan tidak tertakluk di kawasan luar Negeri Selangor. Pelekat ini diberikan secara percuma dan boleh digunakan mengikut tempoh sah laku seperti yang tertera di pelekat kenderaan tersebut. Charge tempat letak kereta bagi pemegang pelekat kenderaan ini adalah percuma. Walau bagaimanapun pada ketika ini, hanya

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

beberapa PBT sahaja yang menawarkan manfaat peletak pemandu OKU iaitu Majlis Bandar Raya Shah Alam, Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang. Terdapat juga beberapa isu penyalahgunaan sticker tersebut. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan akan menyelaraskan semula garis panduan dan cetakan penggunaan pelekat kenderaan OKU ini untuk diseragamkan di seluruh Negeri Selangor bagi mengelakkan penyalahgunaan pelekat ini.

Selain daripada itu, Sekinchan juga membangkitkan isu pengambilan pekerja OKU di pentadbiran Kerajaan Negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menggunakan pakai dasar 1% pengambilan pekerja OKU mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2010 di semua Jabatan dan agensi. Setakat ini seramai 42 orang kakitangan di Pentadbiran Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada golongan kurang upaya.

Yang Berhormat Kota Anggerik, Seri Serdang dan Batu Tiga memberikan saranan dan cadangan berkaitan Institut Wanita Berdaya, IWB. Saya bagi pihak seluruh wanita di Negeri Selangor mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas sokongan terhadap cadangan berkaitan pembangunan dan perdayaan wanita di Negeri Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, IWB ataupun Institut Wanita Berdaya ini akan mula beroperasi sepenuhnya pada April 2017 setelah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri awal bulan Mac tahun ini. IWB akan bertindak sebagai sebuah badan pemikir di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga yang berperanan merencana dasar, polisi dan strategi ke arah kemajuan dan pemberdayaan wanita di Negeri Selangor. Objektif IWB adalah:

- a) Memaksimumkan kapasiti wanita ke arah pemberdayaan sosio ekonomi diri dan kolektif;
- b) Mempertingkatkan dan mempercepatkan kapasiti kepimpinan dan membuat keputusan wanita ke arah pembinaan masyarakat yang adil dan seimbang;
- c) Meningkatkan status sosio ekonomi wanita meliputi sumber daya hidup, keselamatan dan kesihatan;
- d) Memastikan dasar dan program Kerajaan Negeri Selangor yang *inclusive* dan saksama gender dan harus di perdanakan iaitu gender *means streaming*;

- e) Mengenal pasti isu-isu semasa dunia yang memberi impak kepada kesejahteraan masyarakat Selangor; dan
- f) Mempertingkatkan dan memperluaskan fungsi dan aktiviti pusat Wanita Berdaya, PWB bagi kebaikan penduduk di Negeri Selangor.

Kota Anggerik menarik perhatian tentang isu perceraian serta pembangunan institusi keluarga. Pihak IWB bersama dengan Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga akan mengkaji dan merencana program berkaitan bagi menangani isu yang sering memangsakan wanita dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Yang Berhormat Batu Tiga pula membangkitkan tentang keperluan satu pelan tindakan bagi kesaksamaan gender terutama dalam hal pendapatan atau tangga gaji yang adil kepada kedua-dua pihak lelaki dan wanita serta persekitaran tempat kerja yang selamat daripada segala bentuk diskriminasi termasuk gangguan seksual, dihentikan kerja sebab mengandung dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dasar atau pelan tindakan berkenaan sememangnya dalam perancangan dan tindakan semasa pihak Jawatankuasa Tetap dan Hal Ehwal Wanita dan Keluarga serta IWB.

Teratai dan Damansara Utama mencadangkan cuti 3 hari bagi menjaga anak atau ibu bapa yang sakit. Saya mengucapkan terima kasih kepada Teratai dan Damansara Utama atas cadangan baik ini dan pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan dan melihat bagaimana mekanisme ini dapat dilaksanakan. Seri Serdang mengetengahkan tentang sumbangan dan peranan PEKAWANIS ataupun Pertubuhan Amal Wanita Selangor yang diterajui oleh isteri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selaku Yang Dipertua dan terdiri daripada 44 orang ahli iaitu Ahli Parlimen Wanita, Ahli Dewan Negeri Wanita dan isteri kepada Ahli Dewan Negeri. Peranan PEKAWANIS ini dalam pembangunan wanita serta membantu golongan remaja perempuan yang bermasalah adalah melalui rumah Puteri Arafiah di Shah Alam. Pihak Kerajaan Negeri menghargai akan segala sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh PEKAWANIS dan akan sentiasa menyokong usaha-usaha murni yang dilaksanakan oleh pihak PEKAWANIS.

Taman Medan mencadangkan tentang proses pemulihan ataupun ujian saringan bagi kanak-kanak yang mempunyai keceluaran membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, program EIP ataupun *Early Intervention Programme* di bawah Kerajaan Negeri Selangor merupakan pemberian geran kepada pusat ataupun badan yang menawarkan program EIP kepada kanak-kanak yang

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

bermasalah yang mana pusat-pusat ini menawarkan dan melakukan ujian saringan sebelum seseorang kanak-kanak itu diterima masuk ke pusat ataupun badan EIP yang berkaitan. Jumlah peruntukan bagi program EIP ini adalah sebanyak RM3 juta dan setakat ini kita telah menyerahkan sejumlah RM150 ribu kepada 2 buah pusat EIP iaitu Taska Andra sebanyak RM50, ribu dan Taska Eaden Firdaus sebanyak RM100 ribu. *Insya-Allah*, pada minggu ini Kerajaan Negeri akan membuat 2 lagi penyerahan geran kepada 2 buah pusat EIP yang telah diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan mohon pencelahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sekinchan ke Taman Medan dulu?

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan dulu. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Apa yang saya bangkitkan dalam perbahasan adalah cadangan supaya Kerajaan Negeri mengambil tanggungjawab ujian saringan ini kerana terdapat insiden yang tinggi, masalah *dyslexia* di kalangan pelajar-pelajar di Selangor. Jadi, kalau kita mengehadkan kepada institusi tertentu yang menjalankan EIP ini mungkin ada ibu bapa tidak mampu ataupun tidak dapat ya, untuk apa tu, membayar kos saringan dan juga pemulihan yang perlu di, diikuti.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang saranan daripada Taman Medan ini kerana pihak Kerajaan Negeri juga, kita tidak mempunyai kepakaran, orang-orang yang pakar dalam bidang tersebut. Jadi, oleh itu kita memberikan peranan tersebut kepada sama ada pusat-pusat ataupun badan-badan yang boleh melaksanakan program ataupun saringan terhadap kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan mohon.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat, saya Yang Berhormat pergi jauh, saya nak putar balik tadi daripada perbahasan saya, ada soalan permintaan cadangan mengenai dengan OKU tadi, saya ucapkan tahniah kerana Kerajaan Negeri begitu prihatin ya, terhadap masalah OKU, 100% telah dipenuhi dan sebagainya. Cuma ada permintaan saya bahawa ketua keluarga OKU itu diberi satu *one off grant* tahunan eluan seperti cadangan RM300 ke bagi meringankan bebanan mereka untuk *one off* setiap tahun. Apakah pertimbangan daripada Kerajaan?

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sekinchan di atas cadangan tersebut. Buat masa ini pihak Kerajaan Negeri belum lagi membuat keputusan untuk cadangan Yang Berhormat Sekinchan dan *Insya-Allah* kita akan mengkaji cadangan tersebut dan kita akan melihat perkara tersebut untuk sama ada untuk dilaksanakan ataupun mungkin pada tahun yang akan dengan peruntukan yang lain dalam bajet yang, tahun yang akan datang. Seterusnya saya masih lagi dalam program....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama, sila

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak tanya Y.B. Speaker, Y.B. EXCO apa *Early Intervention Programme*, EIP apakah kriteria-kriteria untuk menentukan berapakah grant yang dibagi untuk 1 NGO dan ya?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. Buat masa ini penentuan pemberian geran kepada badan-badan ini adalah ditentukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri. Pihak pusat-pusat ini boleh memohon terus kepada pihak Pejabat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk diteliti dan diberikan sumbangan tersebut.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Adakah ini sepanjang tahun? Adakah, adakah rancangan supaya kita buat lebih sistematik lagi di mana kita *call for or proposal* untuk permohonan untuk 1 *period* yang tertentu, lepas tu kita kaji semua *proposal* lepas tu bagi *straight* peruntukan untuk 1 tahun. Sekarang ini, apa yang kita tahu sekarang ialah apa badan yang nak mereka akan mohon tapi mereka akan mohon di beberapa *different period of time* dengan izin. So, dia akan tidak lebih tidak berstruktur dan bersistematik dan tidak adillah untuk mereka yang tidak *good ville* ataupun tiada terkenal di surat khabar

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. Oleh kerana program ini adalah 1 program baru, yang baru kita perkenalkan dan dengan peruntukan sebanyak R3 juta jadi buat masa ini kita mengalu-alukan permohonan tersebut dan *insya-Allah*, pihak UPEN juga sedang merangka 1 cara untuk kita mengenal pasti dan juga kriteria-kriteria kepada pusat-pusat ini untuk diberikan sumbangan. Jadi, cadangan daripada Damansara Utama kita ambil maklum.

Seterusnya, sedikit tapak tambahan tentang EIP ini. Secara tidak langsung program EIP ini menyokong kepada usaha pelaksanaan saringan kanak-kanak untuk mengenal pasti masalah yang dialami oleh mereka. Dan diharapkan dapat melaksanakan usaha-

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

usaha pencegahan awal selain membantu lebih ramai ibu bapa untuk menghantar anak-anak ke pusat EIP ini. Seterusnya.....

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon pencelahan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan, sila.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Oleh kerana tadi, EXCO, jawapan daripada EXCO mengatakan apa tu, kerajaan menyarankan supaya saringan ujian dilaksanakan supaya dapat dikenal pasti apakah permasalahan yang dihadapi untuk dapat mengikuti EIP ini. Boleh atau tidak di peringkat DUN ya, ADUN-ADUN di kawasan mohon daripada peruntukan ini untuk menjalankan ujian saringan itu di DUN masing-masing?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Saya kira oleh kerana Taman Medan ada orang yang pakar untuk melaksanakan program tersebut, maka boleh memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk perkara tersebut. Namun mungkin untuk DUN-DUN yang lain sekiranya mereka tidak mempunyai kepakaran, jadi saya kira, apa ni, ianya tiada keperluan di sana. Jadi, saya mengambil maklum tentang saranan Taman Medan dan *insya-Allah*, kita cuba untuk mengenal pasti pakar-pakar yang boleh membuat ujian-ujian saringan ataupun badan-badan tertentu yang boleh membuat ujian-ujian saringan ini terhadap anak-anak kita yang berkeperluan khas. *Insya-Allah*.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Saya mendengar penelitian ataupun jawapan yang diberikan oleh pihak EXCO. Saya ingin mengetahui walaupun saya tak bertanya pada asalnya dalam perbahasan saya tetapi apakah komitmen yang akan diberikan oleh pusat-pusat yang telah diberikan geran ini? Untuk dia kata macam, kita macam kita dah, kerajaan telah pun peruntukkan RM100 ribu kepada mereka tetapi bagaimanakah ruang yang boleh diberikan kepada ADN-ADN ini ataupun oleh Kerajaan Negeri untuk setiap daripada pusat ini mesti mengambil kuota? Ya, kuota berapa ramai pelajar-pelajar yang *dyslexia* ini perlu diambil supaya RM100 ribu yang kita berikan kepada mereka ini dapat manfaat semula kepada, kepada kitalah, kepada penduduk ataupun kepada individu yang menghadapi masalah *dyslexia* di kawasan kita? Maksudnya kena ada 1 timbal balik RM100 ribu yang kita peruntukkan ini kepada pusat-pusat yang ada ni. Mereka perlu belanjakan duit itu untuk mengambil, ambil

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

maklum tentang isu ini juga mesti membantu kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang ada, yang dikemukakan oleh ADN-ADN. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih kepada Batu Tiga. Sebenarnya setiap kewangan yang kita salurkan kepada pusat-pusat ini untuk melaksanakan AIP. Kita juga meminta laporan balik daripada pusat-pusat ini. Apakah program-program yang telah dilaksanakan. Apakah perkara-perkara yang telah pun digunakan terhadap wang yang telah kita salurkan kepada pihak pusat-pusat ini. Jadi kita akan mendapatkan maklum balas daripada pusat-pusat ini tentang kos-kos yang telah mereka gunakan daripada hasil sumbangan Kerajaan Negeri Selangor.

Seterusnya, saya teruskan kepada perbincangan daripada Seri Andalas, Morib dan Kota Damansara tentang pelaksanaan skim yang kita katakan skim terunggul di Malaysia dan hanya di Selangor yang dikenali sebagai program Skim Peduli Sihat. Yang mana skim ini amat-amat dinantikan oleh rakyat Selangor dalam situasi ekonomi yang sangat menjerut ketika ini. Sambutan yang amat menggalakkan ini dapat dilihat apabila seramai 68,579 orang telah memohon untuk menjadi peserta skim tersebut sejak ia dilancarkan hanya 3 bulan yang lalu. Masih banyak lagi permohonan-permohonan yang belum diluluskan dan banyak lagi permohonan-permohonan yang sedang memohon untuk bersama dalam program Skim Peduli Sihat ini. Peruntukan sejumlah RM125 juta telah diluluskan menerusi belanjawan Selangor 2017 bagi menyediakan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan kepada 250,000 keluarga atau kira-kira 1 juta rakyat negeri ini yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000.00 ke bawah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Minta pandangan EXCO. Terdapat seorang Ketua UMNO Bahagian turut kempen sama Peduli Sihat. Ini maknanya UMNO pun iktiraf Peduli Sihat ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Kota Anggerik. Saya kira skim yang sangat mendapat sambutan daripada seluruh rakyat Selangor ini. Ianya juga mendapat perhatian daripada UMNO. Beberapa UMNO Bahagian di Negeri Selangor untuk turut serta mendaftarkan kepada penduduk. Jadi saya juga ucap terima kasih kepada pihak UMNO Selangor yang bersama-sama dalam Skim Peduli Sihat ini dan

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

juga memberikan penerangan kepada penduduk-penduduk sebab mungkin kami di peringkat ADUN-ADUN kita buat program-program penerangan Skim Peduli Sihat tetapi ramai orang-orang daripada kalangan UMNO yang tidak keluar untuk mendengar siri-siri penerangan kita. Sebab itulah kita ucap terima kasih kepada pihak UMNO. Tetapi saya juga ingin mengingatkan agar pihak UMNO tidak menyelewengkan fakta tentang Skim Peduli Sihat ini adalah daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya dengar apa jawapan yang diutarakan oleh Yang Berhormat EXCO tentang pihak UMNO khususnya Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar yang tolong hebahkan daftar borang Skim Peduli Sihat. Saya khuatir borang-borang ini, saya khuatir tidak akan dihantar atau disimpan dan sebagainya dan kemudian mereka akan tuduh Kerajaan anak tiri dan tidak luluskan ini. Saya minta apa tindakan yang harus dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk memantau keadaan sedemikian yang dilakukan oleh UMNO ini. Jangan kita ada prasangka baik terhadap mereka.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Sekinchan. Jadi ini juga adalah ingatan kepada pihak Kerajaan Negeri dan saya juga mengharapkan kepada pihak UMNO, biarlah buat kerja dengan ikhlas ya.....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya nak ..... Tuan Speaker, boleh saya menjawab? Saya nak maklum kepada Sekinchan. Penjelasan.... saya ingin penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam, penjelasan boleh.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sekinchan sudah tuduh awal. Belum ada bukti. Ini satu prasangka, tuduhan yang buruk dan melulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Hulu Bernam. Itulah, maknanya kita pun tidak tahu apa yang akan berlaku terhadap permohonan atau borang-borang yang telah pun didaftarkan kepada penduduk, kepada rakyat Selangor. Jadi, saya mengharapkan tadi supaya ikhlaslah pihak UMNO membuat kerja-kerja kebajikan ini demi untuk rakyat.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya memohon supaya pihak EXCO akan membekalkan semua ADN-ADN pendaftaran terkini setiap bulan supaya ini akan memberi galakan kepada yang masih belum mendaftar sebanyak rakan-rakan yang lain.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Taman Medan. Sebenarnya setiap minggu pihak SELGATE akan membekalkan data-data setiap DUN. Berapakah pendaftaran setiap bulan. Jadi, *Insya-Allah* kita juga akan minta pihak SELGATE untuk mengemalikan sekali data-data tersebut kepada semua ADN-ADN untuk diambil maklum berapa banyak yang telah pun didaftarkan di peringkat DUN masing-masing.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya ingat soal ikhlas itu tidak boleh dipersoalkanlah ya. Apa nak dipersoalkan soal ikhlas, Sekinchan. Dato' Jamal buat betul-betullah tu nak tolong Sekinchan juga itu kan. Lagi pun duit tu bukan duit PKR, itu duit rakyat Negeri Selangor. Tak ada sebab pun, itu duit rakyat Negeri Selangor. Saya cuma satulah, Taman Medan dalam perbahasan ada sebut mengenai BN Sihat Tanjung Karang meniru Skim Sihat. Saya nak beritahu Taman Medanlah, pergi Tanjung Karang. Saya alu-alukan pergi Tanjung Karang. Kita dah buat BN Sihat tahun 2008, 2008 kita dah buat. Saya boleh bagi nama kliniknya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Siapa yang EXCO ni?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Apa soalannya Yang Berhormat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kita dah buat di Tanjung Karang, 2008. Ini jangan takut. Saya nak beritahu. Saya nak minta pendapat Yang Berhormatlah. Jadi janganlah tuduh dalam Dewan ini kata Tanjung Karang tiru. Tak ada, tapi Negeri Selangor itu yang tiru Tanjung Karang. Itu sebenarnya. Kita dah buat

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

lama dah Yang Berhormat, dalam 2008. Nak nama klinik pun saya boleh bagi. Tak payahlah nak tuduh kata Tanjung Karang meniru. Tak ada. Saya cuma alu-alukan benda baik, baiklah. Tapi jangan kata Tanjung Karang tiru. Sebenarnya BN Sihat lebih dulu sihat daripada sihat yang dibuat oleh Kerajaan Negeri itu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Yang Berhormat. Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Permatang. Saya teruskan, saya tidak mahu mengulas apa yang disebut oleh Permatang. Jadi saya ingin teruskan kepada kenyataan Kota Damansara yang katakan bahawa Skim Peduli Sihat ini sebanding dengan Klinik 1 Malaysia. Itu adalah sangat jauh tersasar. Program Skim Peduli Sihat ini yang merupakan satu lagi cara *Smart Partnership* dengan izin, atau pun perkongsian strategi antara Kerajaan Negeri Selangor dengan klinik swasta yang ada di Negeri Selangor. Keberkesanan klinik, antara fungsi Skim Peduli Sihat ini yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan Klinik 1 Malaysia yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Daripada capaian diperolehi, antara perbezaan nyata yang dapat dilihat daripada kedua-dua program ini adalah dari segi bilangan klinik, kompetensi, waktu operasi, servis dan perkhidmatan serta rekod perubatan. Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan 1,000 klinik swasta yang akan bersama dalam program ini sebagai Panel Klinik Skim Peduli Sihat yang akan memberi manfaat kepada 1 juta rakyat Selangor daripada golongan pendapatan B40. Sehingga hari ini, sebanyak 610 klinik panel telah menerima kelulusan tersebut daripada 925 klinik yang memohon daripada seluruh Negeri Selangor dan masih terbuka kepada klinik-klinik swasta yang lain yang masih belum mendaftarkan diri. Manakala, manakala .....

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat minta Yang Berhormat. Berhenti dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Sikit lagi. Manakala hanya terdapat 45 buah Klinik 1 Malaysia yang kita kemas kini daripada laman web Klinik 1 Malaysia di seluruh Negeri Selangor dan ia tidak mampu menampung walau pun satu DUN satu Klinik 1 Malaysia.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat atas penjelasan yang panjang lebar.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Cuma saya nak ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa pendaftaran yang sekarang ini dalam tempoh 2 hingga 3 bulan sekarang ini telah mencapai 70,000 permohonan yang telah ada dalam sistem. Tetapi sebenarnya permohonan daripada rakyat bawah ini belum lagi proses. Apakah usaha Kerajaan untuk mempercepatkan supaya pegawai-pegawai yang berada di dalam Pusat Khidmat Masyarakat ini boleh lancar untuk *upload* dokumen-dokumen yang diperlukan. Sebab sepanjang pengalaman kami di Pusat Khidmat Masyarakat ini, untuk memproses borang-borang yang kami terima, untuk *upload* di dalam sistem, mengambil masa satu hari lebih kurang dalam paling tinggi pun dalam 50 buah borang. So, apa langkah pihak Kerajaan untuk mempercepatkan permohonan-permohonan yang di bawah ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Tanjung Sepat. Berkenaan dengan permohonan-permohonan yang masih lagi tertunggak dan juga di peringkat Pejabat Pusat Khidmat DUN, saya kira pihak SELGATE juga mereka mengalu-alukan sebanyak mungkin permohonan-permohonan ini. Saya juga mengharapkan pihak DUN boleh berkomunikasi dengan pihak SELGATE bagaimana untuk mempercepatkan proses tersebut. Pihak SELGATE juga memberikan cadangan agar borang boleh *diupload* dan juga dokumen-dokumen ini disimpan di peringkat DUN untuk memudahkan pihak DUN mengenali siapakah pemohon-pemohon ini di DUN masing-masing. Jadi, itulah saya mengharapkan kerjasama yang baiklah antara pihak DUN dan juga pihak SELGATE dalam urusan tersebut.

Seterusnya, saya teruskan kepada kompetensi Klinik Panel Skim Peduli Sihat ini yang mana kita menyediakan perkhidmatan rawatan oleh doktor-doktor iaitu samada doktor am atau pun doktor pakar yang berdaftar dengan Perakuan Amalan Tahunan (APC) yang sah. Manakala Klinik 1 Malaysia hanya dikendalikan oleh Pembantu Perubatan. Waktu operasi pula, daripada 610 Klinik Panel Skim Peduli Sihat kita yang telah diluluskan. 100 daripadanya merupakan klinik yang memberi perkhidmatan 24 jam sehari dan 7 hari seminggu. Mereka yang benar-benar memerlukan perkhidmatan tersebut boleh memperolehnya tanpa perlu merisikokan diri menunggu keesokan hari untuk mendapatkan rawatan. Manakala rakyat hanya boleh mendapat perkhidmatan di Klinik 1 Malaysia dari jam 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam. Sebarang rawatan di luar waktu berkenaan perlu diperolehi keesokan harinya. Berkenaan dengan servis atau pun perkhidmatan Klinik Panel Skim Peduli Sihat ini .....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Minta penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Hulu Bernam nak minta penjelasan.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya ingin minta penjelasan. Sebenarnya Klinik 1 Malaysia ini sudah dibuat, tidak ikut mana Parlimen sokong, tak sokong. Itu dasar Kerajaan untuk bantu rakyat. Saya ingin maklumkan kepada EXCO. Daripada 10.00 pagi sampai 10.00 malam itu untuk pesakit yang ringan. Saya dah sebut dah berulang kali, oleh Kota Damansara hari itu. Misalnya terjadi perkara-perkara atau apa-apa pesakit yang berat kita boleh refer kepada hospital yang disediakan oleh Kerajaan. Kita ada semua, jangan menidakkannya perkara yang betul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih, Hulu Bernam. Kita ambil maklum apa yang diperkatakan oleh Hulu Bernam. Seterusnya saya terus kepada perkhidmatan. Klinik Panel Skim Peduli Sihat menawarkan perkhidmatan berupa rawatan asas lengkap termasuk x-ray, ujian darah, vaksinasi dan ubatan yang dipreskripsi oleh doktor yang tidak disediakan oleh Klinik 1 Malaysia. Skim Peduli Sihat juga memberi perkhidmatan rawatan pergigian kepada rakyat yang memerlukan masalah tersebut. Oleh yang demikian, klinik-klinik pergigian swasta juga turut dijemput untuk bersama-sama dengan Kerajaan Negeri mendaftar sebagai Klinik Panel Skim Peduli Sihat.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Mohon penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Seterusnya setiap rawatan di Klinik Panel Skim Peduli Sihat ini .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat sekejap, sekejap.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Biar saya teruskan dulu. Akan direkod secara berpusat dan simpanan rekod dalam sistem berasaskan web manakala Klinik 1 Malaysia mempunyai rekod mereka adalah secara manual dan *last* sekali caj dalam kekurangan tersebut tidak hairanlah caj RM1 dikenakan di Klinik 1 Malaysia. Walau bagaimanapun, caj perundingan dan perubatan yang dikenakan oleh Skim Peduli Sihat adalah sangat berpatutan serta mematuhi terma dan syarat *Health Care Act 1971*, *Private Health Care & Facilities Act 2006* dan *13 Schedule*. Demi memastikan perkhidmatan terbaik terus diberikan kepada rakyat Selangor, pemilihan klinik panel untuk Skim Peduli Sihat perlu memenuhi kriteria berikut. Berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan mempunyai perakuan amalan tahunan (APC) yang sah.

Mengenakan caj perundangan dan perubatan yang berpatutan serta mematuhi terma dan syarat *Health Care Act 1971*, *Private Health Care & Facilities Act 2006*, *13*

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Schedule dan melampirkan Borang 24, Borang 49, Borang B dan F, Perakuan Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta dan mempunyai infrastruktur internet dan talian komunikasi di klinik yang lengkap. Saya teruskan kepada...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya tak tahu apa yang nak disampaikan oleh Y.B. EXCO ni sebab saya nampak dia nak membandingkan antara Skim Peduli Sihat dengan apa yang dah Kerajaan Pusat sediakan. Untuk maklumanlah, mungkin Y.B. EXCO pun tak jelas mungkin. Saya nak memberi sedikit maklumatlah bahawa

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, ini sesi untuk penjelasan daripada EXCO.

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok ok. Saya nak memaklumkanlah sebab saya tengok dia nak membandingkan, apa tujuannya?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Apa soalan Yang Berhormat?

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Kita ada 12. 12 hospital yang ada di Selangor ni. Kita ada Klinik Kesihatan – 19 buah, kita ada Klinik Desa – 121 buah, kita ada Klinik Pergigian juga 19 buah dan kita juga ada Klinik Ibu dan Anak sembilan buah. Jadi, saya tak tahu apa yang hendak disampaikan oleh, maksud EXCO tadi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Terima kasih Kota Damansara.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Kami pun tak tahu apa benda yang hendak diminta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa, Sementa.

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Paya Jaras, tadi dia nak membandingkan Skim Peduli Sihat dengan apa yang telah di engage dengan. Apa maksud EXCO tu saya tanya. Yang you ni EXCO ke tak EXCO? Kalau tak EXCO duduklah. Berangan ke nak jadi EXCO? Kalau berangan nak jadi EXCO tunggu dulu. Tunggu *the next term, ok?*

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Bukan tak faham. *Simple language.* *Simple language.* Takkan tak faham?

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Tunggu, tunggu akan datang lantik EXCO.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Apa? Saya tolong saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat semua duduk.

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Arghh tak payah tolong lagi. EXCO tu kenapa? Awak belum jadi EXCO. Biar EXCO yang jawab. Belum jadi EXCO duduk.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara duduk.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Kalau nak jadi EXCO tunggu PRU 14. Kalau ada *chance* lah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Silakan Sementa. Sementa, Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih pada rakan-rakan. Terima kasih pada Damansara. Kota Damansara. Sebab mengapa saya perjelaskan perkara ini kerana semalam, bukan semalam, hari Jumaat ya, Kota Damansara menyebut tentang Skim Peduli Sihat dan membezakan dengan Klinik 1 Malaysia. Jadi, sebab itulah kita...

**Y.B. DATUK HALIMATUN SAADIAH BINTI BOHAN:** Y.B. EXCO ni tak faham. Saya bukan membezakan saya....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Saya persilakan Sementa sambung.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Terima kasih. Saya sudah maklum apa yang di...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Speaker, Speaker. Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Apa yang dikatakan oleh Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak celah sikit

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat EXCO kena beritahu kepada rakan-rakan kita sebelah sana perbezaan di antara *primary health care* dengan *community health care* dengan *treasury health care*. Kalau tak faham janganlah bentang di dalam Dewan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Ni doktor cakap ni. Doktor cakap ni.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Andalas kerana memberikan pencerahan tersebut. Jadi, saya kira kita selesai yang Skim Peduli Sihat kita pergi kepada pula...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tuan Speaker, saya nak tanya sikit tentang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih nak tanya. Sila.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Saya nak minta penjelasan sikit sama dengan macam Tanjung Sepat. Saya ingat Tanjung Sepat tadi *simple je question* dia tapi tak spesifik jawapan tu. Suruh bekerjasama untuk mendapatkan bila tempoh kelulusan. Saya pun ada rakyat datang bertanya, dah *submit* dah dua bulan lebih tapi tak dapat jawapan. So, proses dia ni, proses dia ni berapa lama? Jangan macam ada pernah Sekinchan bangkitkan Insentif Perkahwinan. Jangan gah cantik saja tapi sampai dah mengandung pun tak dapat duit. Sekinchan cakap. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sementa. Sila.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Terima kasih Semenyih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa sila.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Semenyih, Untuk makluman Semenyih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Itu Hospital Tanjung Karang.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tak. Insentif Perkahwinan yang dibangkitkan oleh Sekinchan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tak. Sekinchan bangkitkan...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Rakyat dia mohon. Dah kahwin dah beranak, tak dapat. Dari segi nampak cantik, cantik, cantik jangan pelaksanaan dia hancur.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sekinchan bangkitkan 16 tahun hospital tak siap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok. Yang Berhormat duduk. Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Terima kasih Semenyih. Seperti yang saya telah maklumkan dalam jawapan kepada Tanjung Sepat ianya adalah antara pihak DUN dan juga pihak ketiga iaitu pihak SELGATE. Jadi, apa juga permasalahan boleh dikongsikan bersama dengan pihak SELGATE. Pihak SELGATE juga sangat pro-aktif ya. Sekiranya ada berlaku *hiccup* di sana sini maklumkan saja pada mereka, mereka akan turun dan bantu dan berikan penerangan yang sebaik mungkin untuk memudahkan perkara tersebut. Saya teruskan kepada...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Speaker, masih tak dapat jawapan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Kalau *submit* sebulan ke, dua bulan ke, setahun ke.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, baik.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Itu je nak jawapan saya rasa *clear*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Dalam masa..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Dah *submit*. Ok. Pejabat ADN atur ke dah *submit*. Berapa lama kelulusan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Dalam masa dua minggu Semenyih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Semenyih. Itu jawapan dia.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Dua minggu ya. *Insya-Allah*.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, sambung.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Saya teruskan kepada permasalahan dibangkitkan oleh Y.B. Kuang ya, tentang isu berkaitan pelaksanaan Program Skim Mesra Usia Emas yang diuruskan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor dari segi urus tadbir dan kewangan. Di Dewan yang mulia ini, suka saya perjelaskan terlebih dahulu tentang peranan serta fungsi YAWAS dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Juga apakah itu SMUE. Apabila bermulanya era baru pemerintahan di Negeri Selangor pada tahun 2008, satu inisiatif baru telah diperkenalkan iaitu Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) sebagai sebuah agenda bagi memastikan bahawa rakyat negeri yang bertuah ini selayaknya mendapat manfaat daripada kekayaan negeri yang melimpah ruah ini agar kekayaan negeri ini turut dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Selangor tanpa mengira latar belakang, politik, kaum dan agama. Bagi merealisasikan hasrat murni ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan dua buah entiti bagi mengendalikan program-program yang telah dirancang berdasarkan manifesto Pakatan Rakyat ketika itu. YAWAS atau Yayasan Warisan Anak Selangor diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Februari 2009 sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan. Penubuhan YAWAS adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri agar ditubuhkan sebuah Yayasan Pemegang Amanah bagi mengurus Program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS). Penubuhan YAWAS sebagai sebuah syarikat yang bukan bermotifkan keuntungan dan dibiayai oleh geran tahunan adalah bertujuan mewujudkan menganjur, mentadbir dan menyelenggara satu dana untuk digunakan semata-mata bagi faedah dan kebajikan rakyat Selangor yang lahir dan didaftarkan di Negeri Selangor pada dan selepas 1 Januari 2008. Manakala, RMSB ataupun Rantaian Mesra Sdn. Bhd. pula merupakan syarikat, sebuah syarikat yang berfungsi untuk menjalankan kerja-kerja mempromosikan dan menguruskan program SMUE atau Skim Mesra Usia Emas serta mengatur strategi dalam melaksanakan pendaftaran, permohonan daripada warga emas mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Selain daripada itu, RMSB turut melaksanakan program-program kebajikan di bawah Inisiatif Peduli Rakyat seperti Jom Shopping Warga Emas dan Ibu Tunggal, Skim Kesihatan Wanita (MemoSel), Skim Bantuan Asuhan Rakyat Si Kembar dan Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS). Penubuhannya juga adalah selaras dengan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 19 November 2008. Memandangkan kebanyakan aktiviti RMSB adalah bersifat kebajikan dan bukan bermotifkan keuntungan maka penggabungan program IPR (Inisiatif Peduli Rakyat) di bawah YAWAS membolehkan Kerajaan Negeri memantau pelaksanaan program ini dengan lebih efisien serta *cost effective*, dengan izin di bawah satu entiti selain memantapkan lagi gerak kerja serta keberkesanannya dalam mengendalikan program-program berkaitan. Pada Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI Bilangan 2/15 yang

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

diadakan pada 19 Jun 2015, kertas cadangan penggabungan program IPR di bawah RMSB dan YAWAS telah dibentangkan dan telah pun dipersetujui secara dasar. Oleh yang demikian, fokus dan penyelarasannya dapat diberikan ke arah pemantapan, penyatuan usaha pemantauan, pemasaran dan promosi program-program IPR secara bersepadu dan sistematik. Manakala inisiatif memperkenalkan SMUE atau Skim Mesra Usia Emas ini adalah sebagai menzahirkan ucapan takziah selain penghargaan daripada pihak Kerajaan Negeri atas jasa-jasa warga emas yang selama ini mereka hidup dan memberikan jasa dalam pembangunan negeri dan juga negara tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi dan tahap sosial mereka. Pemberian istimewa ini hanya daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada warga emas dan OKU yang layak yang ada di Negeri Selangor. Sumbangan sebanyak RM2,500.00 ini adalah untuk diserahkan kepada waris warga emas apabila mereka meninggal dunia bagi meringankan beban pewaris dalam pengurusan jenazah dan pengebumian dan lain-lain.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Kuang. Sila.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak tanya dengan EXCO, pembayaran pertama RM1,000.00 diberi masa meninggal dunia. Yang RM1,500.00 berapa lama keluarga tu nak dapat?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Terima kasih Kuang. Sebenarnya ia akan sampai dalam jawapan itu. Tapi saya boleh menjawab bahawa selepas pemberian RM1,000.00 fasa pertama untuk warga emas, RM1,500.00 ini akan diberikan selepas dua bulan daripada penyerahan dokumen-dokumen rikupan daripada Pejabat DUN kepada Pejabat Daerah. Jadi, maknanya RM1,000.00 dipegang oleh ADUN dan RM1,500.00 adalah daripada Pejabat Daerah dalam satu program bersekali beberapa ADUN untuk diserahkan kepada waris-waris tersebut. Jadi, tidak ada...

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Masalah ataupun tidak ada perkara yang menyatakan bahawa ADN pegang RM2,500.00 dan tidak sampai kepada pewaris.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Kuang.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya dimaklumkan ada yang sampai setahun tak dapat. Ada yang sampai lebih daripada 60 hari tak dapat.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bagi namalah.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dan saya juga nak tanya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bagi nama, *detail* bagi. Nama siapa tak dapat dan semua tu bagi.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker, ni dalam kawasan Gombak, Batu Caves mengambil contohnya. 10 nama, 145 hari baru nak dapat. 145 hari.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tak pe Kuang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ni Bukit Gasing, Alisamak a/p Abraham 144 hari baru dapat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Baik Kuang. Ok Kuang

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Bukan berlakon.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Izinkan saya menjawab

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Sementa jawab.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Macam pasar borong ni pasal apa? *Come on lah.*

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dah habis dah? Dah habis soalan kah?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Izinkan saya menjawab

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dah habis duduk dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi Sementa jawab.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Speaker, saya minta penjelasan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak tanya Speaker kemudian saya nak tanya EXCO juga.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Jangan tanya Speaker. Tanya EXCO.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Penerima ni, penerima ni.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dah sedia untuk bagi ucapan perbahasan. Boleh duduklah Kuang. Cukuplah. Ada soalan lagi? Kalau tidak giliran saya. Nak tanya soalan jangan bagi perbahasan. Jangan bagi ucapan. Saya minta arahan daripada Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya minta penjelasan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Duduk.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya minta arahan daripada Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak minta penjelasan. You duduklah.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Bertenang, bertenang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, saya minta semua duduk. Kuang tolong duduk. Yang Berhormat yang saya kasihi duduk. Kuang untuk soalan. Sementa jawab.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kuang. Yang pertama, tentang soalan bila ya, untuk fasa kedua saya dah jawab tadi selepas dua bulan. Kemudian Kuang kata ada lebih daripada 100 hari ya, maknanya mereka belum daftar. Ada beberapa perkara. Mungkin antaranya mereka ini tidak mendaftar dalam Skim Mesra Usia Emas tapi bila meninggal dunia anak-anak atau waris datang ke Pejabat DUN dan mereka minta boleh tak dapat Skim Mesra Usia Emas? Jadi, kita pun terpaksalah ya, mendaftarkan untuk mereka.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya mohon penjelasan. Kalau yang tak daftar tu langsung tak diberi. Kita tak beri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Kita kerajaan prihatin. Kita bagi cuma lewat sahaja.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Dia dah dapat RM1,000.00, dia dapat RM1,000.00. Bila dia dapat RM1,000.00 tunggu lagi RM1,500.00. Lagi RM1,500.00 tu tak dapat-dapat. Dah setahun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, silakan Sementa.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya ada minit mesyuarat SME ni.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Tak, tak.. bagi *detail* la, jangan tembak-tembak macam itu. Bagi *detail*

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Pening la Kuang.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Kuang kena fahamkan.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Bagi *detail*.. siapa tak dapat? Nama? Di tempat kawasan mana? Tak tau jangan busuk-busukkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya nak sebutkan satu..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Saya nak tanya Kuang,

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Nak lagi satu nama? Saya boleh bagi tahu, Kota Damansara.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Tak Yang Berhormat Kuang, sebelum Yang Berhormat baca..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Yap Sui Toh, 125 hari.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang.. Ok, cukup. Cukup-cukup. Tak apa, tak apa. Duduk Yang Berhormat duduk. Duduk Yang Berhormat. Sila Sementa, Sementa.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Yang Berhormat Kuang, adakah dokumen itu Yang Berhormat Kuang dapat dalam peti surat? (Ahli Dewan ketawa)

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak apa Kuang, tak apa. Kuang..Kuang duduk, cukup-cukup. Sementa jawab.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok terima kasih Kuang, yang sangat prihatin.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Boleh saya mohon penjelasan Tuan Speaker. Saya hanya pohon penjelasan singkat. Boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta dari Sementa.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya mohon, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya hanya ingin bertanya sama ada Ahli-Ahli Pembangkang dalam Dewan yang mulia ini pernah membantu Kerajaan Negeri Selangor untuk mendaftarkan SMUE bagi rakyat di kawasan mereka? Ada tak? Pernah tak?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa sila.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Pandamaran. Saya kira soalan daripada Pandamaran..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya jawabkan. Dia bagi pada penyelaras.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Elok ditanyakan sendiri kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Ya, Speaker. Minta laluan, minta laluan sikit, penjelasan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Nanti, nanti. Saya teruskan dengan soalan saya dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kejap, kejap. Nanti dulu.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Soalannya senang sahaja.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Yang Berhormat EXCO, tujuan saya bertanya soalan itu..

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandamaran, sekejap. Pandamaran, Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Adalah untuk cadangkan..(audio dihentikan oleh Timbalan Speaker)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandamaran, sekejap. Pandamaran stop sekejap. Kuang, kejap..kejap. Sekejap, belum..belum..belum. Belum! Belum..belum. (Audio dihentikan oleh Timbalan Speaker) Ok. Sementa, nak bagi laluan kepada Pandamaran ataupun Kuang?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Saya beri kepada Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ok. Memandangkan..terima kasih Yang Berhormat EXCO. Memandangkan Ahli-Ahli Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini, tidak pernah membuat apa-apa pendaftaran, adakah Kerajaan Negeri sedia memberikan taklimat kepada mereka kerana mereka nampaknya tidak faham. Dia buang masa Dewan yang mulia ini untuk bertanya prosedur berkenaan dengan SMUE yang diketahui oleh semua Ahli Dewan..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker, saya nak bagi tahu dengan Tuan Speaker, masa zaman kita perintah dulu, tak payah daftar. Ini apa nak daftar..daftar? Bawa surat...

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Oleh semua Ahli Dewan yang menyokong kerajaan dalam Dewan yang mulia ini. Lagipun, saya juga diberitahu..(Audio dihentikan oleh Timbalan Speaker)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kejap, kejap. Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Pendakwaan tanpa asas.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tak ikhlas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Pandamaran, duduk..duduk. (Audio dihentikan oleh Timbalan Speaker)

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sebenarnya tak ikhlas, itu sahaja. Ini, Pandamaran dia mana tahu. Dia mana pernah bekerja untuk rakyat dulu. Dia mana tahu.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Itu bukan soalan saya. Soalan saya, sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi taklimat kepada mereka, untuk mengajar mereka apa kah prosedur.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker, saya nak bagi tahu..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, cukup Pandamaran.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Zaman BN dulu, mati baru dapat duit. Ini daftar..daftar..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, Kuang..Kuang..(Audio dihentikan oleh Timbalan Speaker) Ok.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih Pandamaran.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum lagi Sementa. Sementa duduk kejap.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ya, terima kasih Pandamaran.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa duduk dulu. Duduk dulu. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya akan beri keadilan kepada sesiapa Yang Berhormat yang mahu bertanya. Tetapi, biarlah seorang demi seorang. Dan sekiranya EXCO sedang menjawab dan tak memberi laluan untuk pertanyaan yang diberikan pada ketika itu, biarkan EXCO menjawab bagi habis dulu. Jangan bimbang, saya akan bagi laluan.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum lagi Kuang, duduk dulu. Duduk dulu. Kita datang sini untuk melihat kepentingan rakyat itu dinaikkan, ok. Sekarang ini, saya bagi Sementa untuk menyambung. Silakan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya minta..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih kepada Pandamaran.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sg. Pinang minta laluan.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, silakan Dato'.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Pihak kerajaan memang mengalu-alukan soalan daripada mana-mana ADN walaupun ada kelemahan dibangkitkan. Dan sebenarnya Yang Berhormat Kuang telah pun membangkitkan isu ini di dalam perbahasan beliau. Pada masa itu, beliau ada peluang untuk membangkitkan nama-nama tersebut. Jika bangkitkan, maka kita ada masa untuk menyemak dan memberi jawapan. Bukan sekarang ini tanya dan sebutkan nama-nama di mana Yang Berhormat Sementa tidak ada peluang. Saya kira kita kena *gentleman, don't below the belt*, ya. Bagi masa kita bagi jawapan, bukan sekarang ini bangkitkan nama. Tak adil sebab dia ada peluang untuk bahas. Ya, saya minta keadilan untuk EXCO.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Tuan Speaker. Saya pun tak sudi nak sebut nama. Andalas yang minta saya sebut nama. Saya cuma satu soalan saya nak bagi pada EXCO. Satu penjelasan, mengapa perlu nak daftar? Kalau lah meninggal dunia, usia 65 tahun, dia daftar kematian untuk dikebumikan. Ambil daftar itu, dan dia terima lah sebagai orang yang meninggal dunia. Mengapa nak kena daftar dulu..tak daftar..buka tempat daftar di Pejabat ADN PKR. Macam mana orang nak datang?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat..

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** *Procedure* itu..dia tanya soalan..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat..BR1M pun kena daftar. BR1M pun kena daftar..kan? Nak dapat BR1M. Kalau betul..kalau betul..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu buang masa dewan sahaja.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** LHDN. Kalau betul nak bagi percuma, bagi pada semua.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** BR1M tak payah daftar.

**Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** BR1M tak ikut siapanya, tak ada kulit pun. BR1M daftar, sebab Lembaga.. (Audio dihentikan oleh Timbalan Speaker)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Kuang. Duduk, duduk. Duduk dulu! Yang Berhormat Kuang, duduk dulu. Ok, sekejap Yang Berhormat ya. Silakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Ya, tadi, panjang lebar ya yang kita pertikaikan. Jadi, Kuang, sekiranya mereka-mereka ini tidak didaftar daripada awal, oleh sebab adalah Negeri Selangor, *Smart State* ya, jadi segala data-data kita adalah teratur. Jadi, kalau hanya main bagi sahaja, orang meninggal bagi, orang meninggal bagi, ya..itu cara kerja yang tidak *smart*. Dan juga boleh..

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Dipertikaikan dan juga boleh ya, mungkin orang-orang yang ada..

**Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Hati yang busuk mereka akan jadikannya sebagai *report* kepada SPRM kan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mencelah.

**Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Telah ada dokumen

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Jadi, sebab itulah pihak Kerajaan Negeri, kita mempunyai cara ya, yang sangat sistematik. Kita ada sistem dalam kita menguruskan

**Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Penyerahan Skim Mesra Usia Emas.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Taman Medan dahulu sebab dia bangun dahulu. Sila Taman Medan.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ok, Yang Berhormat EXCO. Sebenarnya, isu ini, isu ini saya hadapi bila saya mula-mula jadi Wakil Rakyat, saya mendapat aduan daripada rakyat bahawa kononnya, setelah mati mendapat wang

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

RM1000 daripada Pejabat Daerah, ramai keluarga yang hanya mendapat RM500. Dan ini, tidak diaudit jadi ada ramai keluarga bila kematian sahaja, ada pihak-pihak yang sangat gembira kerana RM1000 diberi separuh sahaja kepada keluarga RM500 lagi mereka ambil. (Ahli Dewan bersorak)

**Y.B. DATUK HAJAH HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Siapa tu?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan dan saya kira itu adalah satu penjelasan terhadap Skim yang telah dilaksanakan sebelum ini. Jadi, kita dapat juga lihat bagaimana sekarang Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran yang ada sekarang kita begitu menjaga perkara-perkara ya, agar ia tidak disalahgunakan terutamanya dari segi kewangan. Kerajaan Negeri begitu menjaga..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Speaker, mohon penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Integriti dan juga ketelusan ya dalam program-program kewangan untuk diserahkan kepada rakyat.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Mohon penjelasan, mohon penjelasan, mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Sangat betullah, ni..nak katakan nak jaga kewangan. Macam mana Pandan boleh letak nama orang lain sebagai akaunnya, pemegang akaun? Itu satu. Yang kedua, apabila kita bagi kad ATM kepada semua ADUN dan juga Ahli Parlimen, boleh ke kita *control* pengeluaran kewangan itu? (Ahli Dewan bersorak boleh) Sebab ini berlaku. Sebagai contoh, sebagai contoh, Bukit Melawati.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Timbalan Speaker..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kejap..kejap..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Timbalan Speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kuang, kejap..kejap..

**Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS:** Saya banyak contoh ni saya nak bagi.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kejap..kejap. Kuang duduk dulu. Saya meneliti soalan dan perbahasan Yang Berhormat Kuang tempoh hari dan Yang Berhormat ada membangkitkan perkara yang sama. Saya nak tanya EXCO sama ada EXCO ada jawapan kepada perkara itu ataupun tidak?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Timbalan Speaker, semua apa yang dikemukakan oleh Kuang ada dalam jawapan saya, jadi saya mohon..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap..

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Kuang sabar dulu. Dengar dulu jawapan saya sebelum bangun untuk mencelah. Di bawah YAWAS, Program Skim Mesra Usia Emas diteruskan berdasarkan Manual Prosedur Operasi (MPO) sedia ada secara telus dan berintegriti bagi memastikan bantuan disalurkan kepada rakyat selaras dengan agenda *Smart Selangor*, ‘Membangun Bangsa, Memakmur Negeri’. Justeru, dakwaan Kuang yang menyatakan YAWAS gagal mengurus dana waris si mati adalah tidak benar sama sekali dan berniat jahat. Penama yang berdaftar di dalam Skim, dalam Sistem e-Mesra ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh dokumen kematian, mereka ini akan dimaklumkan untuk diberikan sumbangan tersebut. Bagi setiap pengeluaran wang oleh Yang Berhormat ADN, *requirement* akan dibuat oleh pihak Pejabat Daerah yang berkaitan setelah maklumat dan dokumen lengkap dikemukakan dari Pejabat Pusat Khidmat DUN. Setiap bayaran yang dibuat perlu mengikut garis panduan atau prosedur kewangan yang ketat yang telah pun ditetapkan. Tidak cukup dengan itu, pihak ADN juga perlu memastikan borang tuntutan *requirement* adalah bersamaan dengan rekod pendaftaran di dalam Skim e-Mesra. Penerima manfaat perlu menurunkan tandatangan pada borang khas yang telah disediakan. Ini kerana setiap bayaran akan menggunakan nombor Mykad ahli tersebut sebagai rujukan utama agar, dan ini tidak memungkinkan kesilapan dalam penyampaian manfaat kepada yang berhak. Pusat Khidmat Masyarakat ADN ataupun Ahli Parlimen ataupun Penyelaras DUN pula..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, saya minta penjelasan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** perlu menyerahkan laporan bulanan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor melalui Pejabat Daerah. Selain melengkapkan laporan *online* melalui sistem yang diwujudkan..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya minta penjelasan, Sementa.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Mereka juga perlu menghantar laporan bertulis secara bulanan kepada Pejabat Daerah. Ok.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa bagi, sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Dari segi SOP itu baguslah..apa yang Sementa sebut itu SOP. SOPnya bagus, tatacara nya betul, tapi realitinya..tak ada. Tadi tu yang Kuang tanya kenapa ada Ahli, bagi sekejap dulu..saya nak tanya dulu Andalas. Realitinya, kenapa ada orang yang tak ada kait mengait pun, bukan ADN, bukan Ahli Parlimen tapi juga boleh pegang kad, boleh buka akaun. Itu satu. Yang kedua, Taman Medan sebut tadi zaman BN bagi RM1000, keluarkan RM500. Saya nak bagi tahu Yang Berhormat, zaman BN dulu wakil tidak pegang duit. Semua *claim* di Pejabat Daerah dan ambil di Pejabat Daerah oleh waris. Tak ada kena mengena pun. Sama ada ketua kampung pun tak ada kena mengena.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang Berhormat tau tak yang pergi *claim* itu adalah orang daripada Bahagian.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau itu keluarga dia, keluarga dia tak ada masalah lah. Keluarga dia.

**Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Bukan keluarga..itu masalahnya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat jangan tuduh. Tak ada bukti. Kuang tuduh ada bukti. Itu Pejabat Daerah. Ambil kat Pejabat Daerah waris.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok.

**Y.B. TUAN DR. A. XAVIER JAYAKUMAR:** Saya nak minta bukti-bukti lah Dato'. Sama juga bukti-bukti yang dikeluarkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok, untuk jawapan Permatang, ada lagi lepas ini. Jadi saya ..

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ya, itu taktik sahaja. Lepas itu habis masa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** YAWAS pula..

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Boleh minta mencelah sikit Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Saya akan teruskan ya.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Sekejap sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Isu berkaitan dengan tuduhan salah guna oleh wakil rakyat kita ni. Saya kira UMNO-UMNO dua tiga hari ni duk galak nak buat laporan polis. Adakah BN tak percaya ke polis nak siasat? Biarlah polis siasat. Kenapa nak bangkit lagi ketelusan kita kan. Jadi, hari ini saya ingat isu-isu yang dibangkitkan, salah guna lah, tuduhan-tuduhan ini tak usah layan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Paya Jaras. Saya perlu teruskan supaya prosedur yang kita lakukan di peringkat Kerajaan Negeri diketahui oleh pihak Barisan Nasional. YAWAS pula, tadi saya sampai kepada penyerahan laporan bulanan daripada Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat manakala YAWAS pula akan melaporkan setiap aktiviti Pusat Khidmat Masyarakat mengikut tatacara SOP yang telah ditetapkan dan YAWAS juga perlu melaporkan secara bulanan kepada Perbendaharaan Negeri serta membentangkan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Sementa

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Laporan dalam Mesyuarat Penyelarasan yang dibuat secara berkala.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih yang Berhormat, duduk dulu. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jam telah menunjukkan 1.00 petang. Saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Kuang jangan balik. Tunggu penjelasan.

**03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang Dewan bersambung semula dengan penggulungan pihak kerajaan. Saya mempersilakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Izinkan saya meneruskan sambungan tentang YAWAS. Laporan akaun juga perlu diserahkan setiap bulan kepada Perbendaharaan Negeri Selangor dan Menteri Besar Pemerbadanan. Akaun beraudit syarikat juga perlu diserahkan kepada Pendaftar Syarikat setiap tahun malah YAWAS juga pernah di audit oleh Jabatan Audit Negara serta pada bila-bila masa akan turut di audit oleh Audit Dalaman Perbendaharaan Negeri Selangor. Ini semua tidak memungkinkan ketirisan dapat berlaku dengan mudah. Maka dengan ini isu pengeluaran berlebihan tidak sewajarnya dibangkitkan kerana ADN, Ahli Yang Berhormat adalah bertanggungjawab terhadap setiap pengeluaran dan akan melalui beberapa proses semakan oleh pihak Pejabat Daerah sebelum rikupan mula dibuat. Berkenaan dengan Kuang mendakwa bahawa pengeluaran wang telah dibuat di luar dari Negeri Selangor, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berdasarkan Manual Prosedur Operasi (MPO), SMUE tatacara ini adalah tidak menyalahi prosedur yang telah di tetapkan ADN, Ahli Parlimen atau Penyelaras DUN boleh membuat pengeluaran wang di mana-mana mesin ATM dan tidak tertakluk kepada pengeluaran wang di ATM dalam Kawasan DUN berkenaan. Berkenaan dengan isu tentang Pengurus Besar YAWAS iaitu Kerajaan Negeri telah melantik Encik Kamsani bin Nazir sebagai Pengurus Besar YAWAS mulai 1 September 2016 kerana beliau dilihat mempunyai rekod yang bersih semasa menjawat jawatan Ketua Pegawai Operasi RMSB sejak 2008. Namun apabila kerajaan negeri menerima maklumat berkaitan status bankrap beliau siasatan dalaman telah pun di jalankan sendiri oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri bertujuan untuk memastikan kesahihan maklumat yang diterima sebelum sebarang tindakan di ambil dan ianya lebih awal sebelum siri demo yang diadakan di hadapan Pejabat SUK dan di hadapan Pejabat YAWAS oleh *group-group* tertentu. Maklumat memberi tahu bahawa status bankrap tersebut diperoleh hanyalah kerana beliau menjadi penjamin. Walau bagaimanapun atas dasar kebertanggungjawaban Encik Kamsani bin Nazir telah menghantar surat peletakan jawatan sebagai Pengurus Besar YAWAS sebaik sahaja mengetahui status kebankrapan beliau. Maklumat terkini diperoleh mendapati Encik Kamsani bin Nazir telah pun menyelesaikan semua liabiliti sebagai seorang penjamin dan sedang dalam proses mendapatkan perintah mahkamah bagi mengeluarkan nama beliau daripada senarai Insolvensi. Berkenaan dengan peruntukan SMUE yang boleh di manfaatkan oleh Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bertarikh 8 April 2009 adalah layak untuk Warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang lahir sebelum 1 Februari 1974 untuk mendapat manfaat ini. Satu lagi kenyataan pula yang menyatakan bahawa Pejabat Parlimen Pandan turut diberikan peruntukan bagi melaksanakan Program SMUE

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

adalah satu tuduhan dan kerajaan negeri mendapati daripada semakan mendapati tiada sebarang peruntukan diberikan kepada Pejabat Parlimen Pandan untuk melaksanakan skim berkenaan dan nama individu yang dikaitkan tersebut juga adalah seorang yang hanya bekerja selama tiga bulan di awal-awal kemenangan pada PRU13 yang lampau. Toh mahan pula yang menyatakan bahawa jumlah peruntukan SMUE sebanyak RM 200 juta yang kononnya lesap sebenarnya ini adalah sangat tidak benar kerana ianya juga sebenarnya menghiris hati seramai 77,988 keluarga waris yang telah kehilangan orang yang tersayang kerana mereka telah pun mendapat peruntukan sebanyak RM2,500 dan sehingga kini daripada 2009 hingga 2016 sebanyak RM192,946,500.00 telah pun diserahkan telah pun sampai kepada waris-waris ini dan tuduhan ini juga seolah-olah mempertikaikan tugas penjawat awam di negeri ini yang mengutamakan integriti dan ketulusan kerana 1,500 itu adalah diuruskan oleh Pejabat Daerah di semua daerah di Negeri Selangor. Tuan Speaker satu lagi isu yang terakhir dari Kampung Tunku berkenaan *Gross National Happiness* dan *Well-Being Index* ataupun Indeks Kebahagiaan dan Kesahsianan Kasa Negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kampung Tunku dan kita harap kita akan meneliti pihak kerajaan negeri akan meneliti laporan-laporan yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan mengkaji bagaimana ia boleh dibentangkan dalam Belanjawan 2018 sebagai pelengkap kepada statistik-statistik ekonomi yang lain untuk Negeri Selangor. Kampung Tunku juga mencadangkan kerajaan menjadikan penyediaan bilik menyusu, kemudahan taska dan tadika di tempat kerja dijadikan sebagai syarat mandatori daripada segi undang-undang perlu dipatuhi pihak majikan dan pemaju. Sememangnya apa yang ada sekarang ialah arahan dalam bentuk pekeliling dan garis panduan. Maka untuk menjadikan ia sebagai sebahagian enakmen sedia ada atau sama ada perlu ada satu enakmen yang baru atau undang-undang kecil di peringkat PBT ia perlu diteliti bersama-sama pihak PBT, Pemaju, Pihak Kamar Undang-Undang, NGO-NGO Wanita dan NGO-NGO Penyusuan Ibu dan semua *stakeholder* yang lain. Berkenaan dengan bayaran alimoni dan nafkah kehidupan kepada bekas isteri untuk golongan Muslim telah pun diadakan Skim Bantuan Sokongan Keluarga BSK di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor di mana satu pendahuluan nafkah yang akan dikutip semula oleh BSK daripada pihak bekas suami atau bapa yang ingkar untuk melaksanakan perintah nafkah selepas kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dilakukan di Mahkamah Syariah selesai dengan kata lain pembayaran nafkah oleh BSK ini bukanlah dengan matlamat untuk mengambil alih tanggungjawab bekas suami atau bapa dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing menurut undang-undang sebaliknya ia bertujuan untuk membantu meringankan beban ibu dan anak-anak dan membantu memastikan Perintah Mahkamah Syariah dikuatkuasakan terhadap mereka yang bertanggung jawab. Sekian.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Sementa, saya mempersilakan Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Ahli Dewan Negeri yang telah membahaskan beberapa perkara yang berkaitan dengan Pelancongan, Pencemaran Air, Isu masalah kera yang dibangkitkan sekali lagi dan lain-lain. Saya bermula dengan maklum balas kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat yang telah menitik beratkan isu pencemaran air khasnya sumber air. Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah-langkah kawalan seperti satu, mengadakan perbincangan dan tindakan susulan melalui dua jawatan kuasa yang ditubuhkan iaitu Mesyuarat Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Sungai Selangor dan juga Sungai Langat yang dipengerusikan oleh Pengarah LUAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Kedua, melaksanakan dan mengemaskinikan inventori punca pencemaran di Lembangan Sungai Langat. Tiga, menjalankan pemantauan statik dan pensampelan selama 24 jam di lokasi utama yang menyebabkan pencemaran. Sebagai contohnya pemantauan kekeruhan di Sungai Sub dan Sungai Michu di Hulu Langat akibat daripada beberapa aktiviti pembangunan dan kerja yang tidak terkawal. Empat, melaksanakan pembinaan *station* kuantiti dan kualiti sumber air bagi di lembangan Sungai melengkapi *station* sedia ada pada tahun 2016 pembangunan *station* di Sungai Selangor sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan diikuti oleh Sungai Langat untuk tahun 2017. Lima, meningkatkan pengambilan kakitangan Penguinkuasaan bagi memperkasakan Penguinkuasaan Undang-undang dan Peraturan Lembaga Urus Air Selangor dan keenam, menjalankan tindakan penguinkuasaan secara bersepada bersama Agensi Teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan mengoptimumkan pelaksanaan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dan arahan bagi memastikan sumber air terpelihara. Silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Timbalan Speaker dan terima kasih Y.B. EXCO atas penjelasan, cuma saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah pencemaran ke lembangan sungai yang merupakan sumber air utama bagi Negeri Selangor kerana apa yang disenaraikan tadi adalah merupakan perancangan yang lebih kepada untuk menghalang ataupun memantau kegiatan-kegiatan yang terdapat di sungai tetapi apa kah rancangan pihak kerajaan

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

negeri untuk masa panjang supaya pembangunan-pembangunan yang terdapat di lembangan sungai ini tidak mencemari sumber air kita.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Secara jangka masa. Soalan yang sama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Untuk perenggan yang sama saya hendak minta penjelasan. Tadi Y.B. EXCO berkata tentang menambahkan kakitangan di LUAS tetapi saya baca dari Laporan Audit di sini di mana kita tidak dapat atau tiada *approval* dari JPA untuk menambah kakitangan untuk *enforcement* di LUAS ada kah itu benar sebab apa yang saya baca di Audit adalah kita memohon untuk tujuh puluh lebih tapi apa yang kita dapat beberapa sahaja yang kita dapat jawatan dari JPA so saya nak dapatkan *confirmation* daripada Y.B. EXCO.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Damansara Utama. Saya rasa Laporan Audit itu mungkin telah *backdated*. Jadi di peringkat Lembaga urus Air Selangor dalam Mesyuarat Pengarah yang kita adakan tahun lepas kita telah luluskan penambahan penguat kuasa untuk lembaga Urus Air Selangor.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Berapa?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dan kita memang boleh. Kita boleh lantik pegawai-pegawai tersebut.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ada kah nombor yang kita boleh tambah tidak bergantung pada JPA kelulusan JPA dan berapakah kita telah tambah dan berapakah yang kita akan tambah?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Kita memang boleh lantik secara kontrak ahli-ahli ataupun anggota-anggota penguat kuasa di Lembaga Urus Air Selangor. Setahu saya, saya tidak ada nombor yang seperti yang di minta oleh Damansara Utama kerana itu adalah satu soalan spesifik tapi memang ianya lebih daripada seratus pegawai yang bukan sahaja pegawai penguat kuasa tetapi kita memberi kad penguatkuasaan kepada semua anggota-anggota dan juga pegawai-pegawai di Lembaga Air Selangor untuk membuat semakan dan juga aktiviti penguatkuasaan. Kepada soalan yang dibangkitkan oleh Tanjung Sepat memang kita ada perancangan jangka masa pendek, jangka masa sederhana, *medium term* dan jangka masa panjang. Ia merangkumi satu boleh katakan beberapa tahap termasuk satunya kita ada pelan untuk menjaga secara besar-besaran lembangan tersebut yang ada isu pembangunan di mana ada isu peniagaan, pertanian dan sebagainya. Jadi kita membuat kajian bukan sahaja di sungai sahaja tetapi di peringkat lembangan. Jangka masa pendek termasuk apa yang saya juga telah maklum kepada Dewan yang mulia ini dalam sesi sebelum ini iaitu mendapat inventori. Inventori ini adalah satu perkara yang

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

boleh dilakukan dilaksanakan secara jangka masa pendek dan memerlukan kerjasama oleh daripada sumber PBT dan juga EXCO PBT di mana kita boleh buat satu pemetaan apa jenis perniagaan industri dan lain-lain di mana kita juga boleh lakukan penguatkuasaan tersebut. Jadi untuk makluman selanjutnya saya akan hantar secara tulisan kepada Yang Berhormat Tanjung Sepat kerana laporan memang sangat tebal bukan satu dua helai kertas sahaja. Saya ingin sekarang pergi kepada satu perkara yang dibangkitkan oleh Ijok, tiap-tiap sidang dewan kita memang dapat soalan daripada Ijok berkenaan tentang masalah kera, bukan monyet, kera. Kerana ada banyak jenis monyet, tetapi kera yang memberi kita sedikit masalah. Tidak betul bahawa Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor tidak mengambil berat perkara ini. Cuma kita perlu juga ada satu persefahaman, bukan dengan kera, tetapi antara PERHILITAN dan juga penduduk yang memang saya mengaku adalah mangsa kepada kera, bukan kera politik. Kera yang betul-betul kera. Kita perlu ada latihan dan juga pendidikan awam macam mana kita berdepan dengan haiwan liar, kera, buaya, buaya betul, bukan buaya darat, musang, ada orang yang takut musang, ada orang yang takut ular, labah-labah pun ada orang yang takut dan kebanyakannya adalah mungkin kita tidak tahu di mana sempadan, *what are our boundaries*. Jadi, daripada pejabat saya dengan kerjasama Jabatan PERHILITAN kita akan mencetak satu buku, buku panduan macam mana kita boleh menangani dan juga berdepan dengan kita bila kita bertemu dengan haiwan-haiwan liar dan kita juga ada beberapa cadangan alternatif di mana saya ingin bermula sebagai satu projek perintis di Ijok. Tapi nanti saya akan bincang dengan Ijok macam mana kita boleh laksanakannya. Kerana kalau kita nak tembak, memang tak baguslah. Kalau kita nak tangkap, kera ini sangat pandai. Dia boleh buka dan tutup sendiri dan keluar sendiri dan lain-lainlah. Jadi perkara ini tidak boleh diselesaikan secara jangka pendek, kita perlu jangka masa yang panjang, yang lebih panjang supaya kita dapat mengawal dan mengurangkan pertempuran di antara manusia dan juga haiwan liar khasnya kera. Saya sekarang ingin pergi ke isu-isu pelancongan yang dibangkit oleh Sekinchan, Selat Kelang dan Kota Anggerik. Cuma Sekinchan perlu sabar, saya akan jawab terakhir. Yang Berhormat Selat Kelang dan juga Kota Anggerik telah mencadangkan beberapa tempat sebagai tapak pelancongan baru sebagai contohnya yang diberi oleh Kota Anggerik, Pulau Indah oleh Selat Kelang. Di Pangkalan Batu dan juga sekitar Sungai Klang dan lain-lain. Untuk makluman dewan yang mulia ini dan juga kedua-dua Yang Berhormat, Pulau Indah memang adalah satu destinasi pelancongan yang diusahakan bukan sahaja oleh Kerajaan Negeri tetapi oleh Majlis Perbandaran Klang dan juga pengusaha ataupun pemilik tanah di sana iaitu Central Spectrum. Kita telah ada satu rancangan khas untuk Pulau Indah dan juga dengan kerjasama daripada pejabat Yang Berhormat Sungai Pinang, kawasan Pulau Indah bukan sahaja di akan dikenali sebagai satu tapak industri ataupun bio-tek tetapi juga dalam rancangan adalah satu tempat rekreasi dan pelancongan. Antara program-program yang telah dilaksanakan di sana termasuk *Sanctuary Ride* di mana Kerajaan

## 03 APRIL 2017 (ISNIN)

Negeri juga memberi peruntukan dan juga sokongan dan pihak Central Spectrum juga ada rancangan untuk mendapat manfaat daripada Hutan Simpan Bakau di sana di mana mereka ada beberapa pelan-pelan untuk membangunkan, membangun dari segi pelancongan, ekopelancongan dan untuk memberi peluang kepada pengunjung-pengunjung menikmati kawasan alam semula jadi di situ. Selain daripada itu, Pulau Indah juga adalah tapak baru Klang Youth Club, Royal Klang Youth Club. So, apabila Royal Klang Youth Club dipindah ke Pulau Indah, ada beberapa perancangan termasuk pembinaan hotel, marina dan juga infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan kapal layar ataupun *Youthing* akan disempurnakan di sana. Yang Berhormat Selat Kelang memang ada beberapa rancangan termasuk tadilah semasa soalan pun ada satu. Cuma saya ingin menitikberatkan bahawa kita perlu, satu, menambah baik lagi tapak-tapak pelancongan yang sedia ada seperti Klang City Heritage Walk. Kita juga ada program lukisan seni di Jambatan Kota yang diusahakan oleh Majlis Perbandaran Klang. *Regeneration of Building* di kawasan Jalan Tengku Kelana bersama dengan NGO dan lain-lain lagi. Jadi, di Klang memang ada banyak cadangan dan juga alternatif untuk menjalankan ataupun menambah baik lagi produk-produk pelancongan di sana dan kita akan mengambil maklum dan semak cadangan yang akan, yang telah dibawa oleh Selat Kelang. Akhirnya, *I want to says the last, the best. Oh no, not yet.* Isu, ada satu lagi sebelum Sekinchan iaitu permohonan untuk *upgrade* kemudahan tandas di Pantai Morib dan juga Pantai Kelanang untuk kemudahan rakyat yang dibangkit oleh Yang Berhormat Morib. Untuk makluman dewan yang mulia ini, pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM551,699.00 bagi projek di pantai-pantai termasuk di kawasan tersebut termasuklah membina satu unit tandas di Pantai Batu Laut. Membina, menyiapkan *outdoor concrete shower* di tandas awam, Pantai Baru, Morib dan membina dan menyiapkan *outdoor concrete shower* di tandas awam Pantai Kelanang. Jadi, saya rasa kemudahan di sana sudah lengkap. Cuma sekarang adalah isu penyelenggaraan dan kerana Kerajaan Negeri yang memberikan peruntukan untuk membuat *upgrade* pada 2 tahun yang lalu sahaja. Saya juga harap Yang Berhormat bersama dengan Majlis Daerah Kuala Langat boleh mengambil tanggungjawab untuk menyelenggarakan struktur-struktur ataupun kemudahan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri. Akhirnya soalan daripada Sekinchan yang menanyakan tentang Pusat Maklumat Pelancong di Sekinchan. Rancangan pelaksanaan dan juga jangka masa untuk projek ini adalah seperti berikut. Daripada bulan April sehingga Jun, 1 lawatan tapak akan diadakan. Dua, pembentangan dan pemilihan tempat dan pengisian dan konsep pusat. Tiga, pembentangan cara pengurusan pusat dan proses pembentangan terakhir dan kelulusan. Mulai bulan Julai, ini macam jadualnya. Proses pembinaan dan *installation* dengan izin dan kita harap pada suku tahun terakhir iaitu antara bulan September hingga Disember 2017 kita dapat melancarkan Pusat Informasi Pelancongan Sekinchan yang terbaru di sana. Sekian, terima kasih.

## 03 APRIL 2017 (ISNIN)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima Kasih Bukit Lanjan. Saya persilakan Yang Berhormat Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih saya ucapan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh isu-isu perumahan, pengurusan bangunan dan juga kehidupan bandar terutamanya Sabak, Teratai, Bukit Gasing, Balakong dan Kampung Tunku. Untuk soalan yang telah diajukan oleh Sabak, tentang projek perumahan Ladang Air Manis. Untuk makluman Yang Berhormat, PNSB sedang membuat kajian semula tentang keberkesanan projek tersebut. Ini kerana, berdasarkan profil tanah dan kajian tanah ataupun SI, *Solid Investigation* yang telah diperolehi mendapati kawasan tersebut kurang sesuai untuk didirikan dengan pembangunan rumah jenis *apartment*. Ini turut mengambil kira faktor *demands* setempat yang mendapati jenis *apartment* ataupun pangsapuri dikhuatiri sukar dijual. Punca kelewatan pembangunan perumahan di Ladang Air Manis adalah disebabkan faktor-faktor seperti berikut. Yang pertama, kebenaran merancang yang telah diluluskan pada 20 Februari 2013 oleh Majlis Daerah Sabak Bernam diarahkan untuk dipinda memandangkan terdapat ulasan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai cadangan jajaran jalan MR5 Tanjong Karang – Hutan Melintang oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia yang terlibat di sebahagian tanah ini. Yang kedua, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (MMKN) Ke-33/2014 pada 27 Ogos 2014 telah menimbang dan bersetuju dengan kajian perubahan dan pembinaan jajaran alternatif melalui terusan utama *Bandkene* bagi menggantikan jajaran MR5. Pusat ini telah menyebabkan tanah PNSB tidak lagi terlibat dengan jalan berkenaan. Yang ketiga, struktur tanah yang tidak stabil di kawasan tersebut yang berjenis *marine clay* memerlukan kerja-kerja *sewage treatment* kerja tanah dilaksanakan terlebih dahulu. Kerja-kerja ini telah siap dilaksanakan pada Ogos 2016. Manakala, kerja-kerja bagi membina 60 unit rumah contoh sedang giat dilaksanakan dan kini pada peringkat 70%. Perbincangan dengan LPHS telah dibuat untuk menukar 260 unit Rumah Selangorku jenis pangsapuri ataupun *apartment* kepada 100 unit Rumah Selangorku, Jenis Townhouse atau Rumah Bandar. Bagi tujuan penukaran tersebut, kertas pertimbangan kepada MMKN akan dibuat setelah perbincangan di peringkat teknikal dapat diselesaikan. Jangkaan projek ini dapat disiapkan adalah dalam tempoh 24 hingga 36 bulan setelah ia nya diluluskan oleh MMKN. Yang Berhormat Kinrara telah membangkitkan tentang 3 cadangan untuk memudahkan mereka yang mahukan, yang mahu membeli Rumah Selangorku mendapat rumah mereka. Kinrara memohon agar pemilihan boleh dibuat berdasarkan projek iaitu sehingga 3 projek. Perkara ini akan dikaji untuk pelaksanaan kerana sekarang ini pemilihan adalah berdasarkan Mukim ataupun Daerah. Cadangan untuk memendekkan tempoh menunggu 2 tahun kepada 1 tahun. Tempoh menunggu 2 tahun bermaksud pemohon masih dalam kategori menunggu tawaran, namun nama pemohon hanya sah didaftarkan dalam Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku

## 03 APRIL 2017 (ISNIN)

sehingga 2 tahun sahaja. Sekiranya pemohon tidak ditawarkan rumah selepas tempoh 2 tahun itu, maka permohonan tersebut dikira terbatal dengan sendirinya dan pendaftaran baru perlu dibuat semula oleh pemohon secara *online*. Tempoh 2 tahun menunggu diberikan bertujuan bagi memberi peluang kepada pemohon tersebut untuk menunggu lebih lama tertakluk kepada kekosongan unit sedia ada yang bakal ditawarkan. Ini adalah mengambil kira keperluan semasa dan kehendak rakyat, maka penetapan dasar yang dibuat Kerajaan Negeri adalah wajar dilaksanakan. Berkaitan dengan masalah para pembeli yang telah disenaraikan. Senarai hitam oleh kerana tidak melunaskan pinjaman PTPTN. Masalah pinjaman perumahan adalah tertakluk kepada bidang kuasa pihak Bank Negara dan perkara ini di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan dan perbincangan dengan pihak Bank Negara supaya kelonggaran syarat kepada pemohon disenaraikan bagi kes PTPTN dapat diberikan pertimbangan oleh Bank Negara. Perkara ini juga telah dibincangkan di peringkat Nasional oleh Kerajaan Persekutuan namun masih ada, belum mencapai, belum ada mencapai apa-apa keputusan tetapi Kerajaan Negeri telah meminta para pemaju apabila melancarkan projek mereka menjemput PTPTN sekali dan membuka kaunter supaya para pembeli dapat menyemak akan status pinjaman mereka dan ketika itu apabila diketahui akan status mereka boleh membuat pembayaran untuk memastikan bahawa mereka boleh terkeluar daripada senarai hitam PTPTN. Untuk soalan tentang daripada Bukit Gasing, berapakah keluarga yang masih tidak mempunyai rumah?. Kalau kita berdasarkan kepada permohonan terdapat 132,916 permohonan yang didaftarkan pada Sistem Pendaftaran Rumah Selangorku. Daripada jumlah tersebut sebanyak 21,510 yang telah ditawarkan. Ini bermakna bahawa senarai terdapat di dalam senarai-senarai menunggu sebanyak 111,406 permohonan yang masih dalam senarai menunggu. Tetapi kalau kita lihat bahawa jumlah Rumah Selangorku yang telah diluluskan adalah sebanyak 89,007 unit bahawa ini bermakna bahawa baki terdapat 22,399 yang perlu dibina ataupun perlu diluluskan lagi untuk memastikan kesemua mereka yang memohon itu mendapat rumah yang mereka impikan. Tentang *density* Rumah Selangorku. *Density* Rumah Selangorku dibenarkan sehingga 120 unit seekar. Tetapi ini adalah tertakluk kepada zon peletakan kawasan seperti di Zon 1, kawasan bandar utama *density* dibenarkan sehingga 120 unit seekar. Zon 2, iaitu kawasan sub-urban *density* dibenarkan adalah 100 unit seekar dan Zon 3 kawasan luar bandar iaitu *density* yang dibenarkan adalah 90 unit seekar. Bagi kediaman lain, yang *density* dibenarkan adalah tertakluk kepada rancangan tempatan pihak berkuasa masing-masing. Bagi pembangunan komersial pula, memang benar dasar Kerajaan Negeri boleh membenarkan plot ratio sehingga 1.8. Tetapi, tak 1-8 tetapi *one is to 8* dengan izin. Tetapi ia nya boleh tertakluk kepada pertimbangan pihak PBT melalui Rancangan Tempatan berdasarkan kesesuaian kawasan tersebut bermakna ia nya bukan automatik tetapi ia nya adalah berdasarkan kepada keperluan teknikal seperti sama ada

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

iaitu tentang berdasarkan kepada kajian *practic impact assessment*, *road safety assessment* dan perbagai lagi kajian-kajian yang perlu dilakukan sebelum ia nya dapat diluluskan. Kampung Tengku telah memberi atau bertanya tentang projek Rumah Selangorku di kawasan Petaling ataupun di dalam di bawah pentadbiran Majlis Bandar raya Petaling Jaya. 4 projek sekarang ini yang telah diluluskan yang melibatkan 968 unit Rumah Selangorku daripada pelbagai jenis-jenis yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sejak dasar Rumah Selangorku ini diperkenalkan. Ia nya adalah sebanyak, ia nya merangkumi 4 projek dengan jumlah unit sebanyak 968 unit tetapi ini belum lagi termasuk projek perumahan Kwasa Land yang masih di peringkat kelulusan ataupun permohonan untuk pindaan *zoning* oleh pemaju. Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan konsep Smart Partnership dengan pihak swasta atau pemaju dalam pembinaan Rumah Selangorku selagi ia nya memberikan pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri dan juga mampu memberi nilai tambah kepada rakyat dan membantu untuk memiliki Rumah Selangorku. Yang Berhormat Teratai, telah bertanya tentang jumlah anak muda yang memerlukan rumah. Kalau berdasarkan kepada permohonan statistik jumlah anak muda memerlukan rumah adalah sebanyak 39,811 pemohon di mana Kerajaan Negeri telah menetapkan 30% dipertimbangkan kepada golongan belia berumur 35 tahun ke bawah untuk ditawarkan. Rumah Selangorku daripada 1 Januari 2015 hingga 22 Januari 2016 seramai 10,158 orang pemohon golongan orang muda telah ditawarkan Rumah Selangorku. Saya telah menjawab tentang isu projek terbengkalai di Dusun Mewah iaitu sebuah pangaspuri terbengkalai yang sekarang ini diletakkan di bawah pelikuidasi. Apa yang akan berlaku sekarang adalah LPHS akan memanggil pelikuidasi di dalam masa yang terdekat untuk mendapatkan penjelasan kepada permohonan 15 orang pembeli yang tidak mendapat unit mereka. Memang ada keputusan agar pelikuidasi ini menyerahkan ataupun menyerahkan unit tersebut untuk dibeli kepada pembeli-pembeli tersebut dan sekiranya mereka gagal melakukannya mereka boleh disenaraihitamkan. Saya minta maaf tapi kita belum lagi menyenaraihitamkan pelikuidasi itu. *Insyah-Allah* kita akan mengambil tindakan selanjutnya setelah diadakan perbincangan ataupun rundingan bersama pemaju tersebut. Bukit Gasing telah bertanya tentang *Transit Oriented Development* (TOD) di Selangor. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menyediakan dasar perancangan pembangunan berorientasikan transit negeri Selangor yang diluluskan dalam MMKN Ke 7/2016 pada 24 Februari 2016 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2016 pada 2 Mac 2016. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, merujuk kepada dasar perancangan pembangunan berorientasikan transit negeri Selangor. Peningkatan *density* diberikan kepada pembangunan perumahan Selangorku dengan maksimum 120 unit seekar bertujuan untuk menggalakkan golongan berpendapatan sederhana dan rendah untuk memiliki kediaman serta tinggal di zon perancangan transit ataupun ZBT dan menggunakan pengangkutan awam, dengan ini ia dapat mengurangkan kadar perbelanjaan

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

pengangkutan isi rumah dan dapat mengurangkan penyediaan ruang tempat kereta. Tetapi terdapat isu lain iaitu tentang *service apartment* ataupun pangsapuri, *service apartment* ataupun *small office home* ataupun SOHO ataupun *small office versatile office* ataupun SOVO ataupun *small office flexible office* SOFO mampu milik dan juga *service apartment* SOHO mampu milik dan yang lain. Kerajaan Negeri telah menetapkan penyediaan sebanyak di antara 10 hingga 20 % *service apartment* ataupun unit-unit yang wajib dibina atau dijual oleh pihak pemaju dengan harga yang tertentu. Contohnya, ia nya adalah agak panjang di sini, tapi saya ambil contoh iaitu *service apartment* mampu milik penyediaannya kalau pemaju memajukan *service apartment* di bawah 500 unit mereka perlu menyediakan 10 % *service apartment* mampu milik. Kalau mereka menyediakan ataupun membangunkan daripada 501 sehingga 1000 unit *apartment* mampu milik. Mereka perlu menyediakan 15 %. Kalau mereka membina lebih daripada 1001 unit ke atas, mereka perlu sediakan 20 % *apartment* mampu milik dan harganya adalah berbeza-beza. Di mana untuk Zon 1 iaitu di Lembah Klang harga *service apartment* mampu milik boleh dijual dengan harga maksimum RM270,000.00 dan di zon-zon yang lain iaitu Zon 2 dan 3 iaitu dengan harga RM250,000.00. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Chempaka. Saya bagi Taman Templer dulu. Sila.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada sahabat-sahabat Ahli Dewan yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada sesi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas Tahun 201. Khususnya menyentuh perihal portfolio infrastruktur kemudahan awam pemodenan pertanian dan industri asas tani. Sekinchan sekali lagi ada membangkitkan pujian kepada Kerajaan Negeri yang cukup prihatin membela nasib pesawah khususnya yang telah memberikan sumbangan secara jangka masa yang begitu cepat sebanyak RM943,300.00 kepada para petani dan saya di sini juga ingin memanjangkan ucapan terima kasih daripada pesawah-pesawah di luar sana, bilamana dapat berita gembira Bukit Antarabangsa, Menteri Besar kita pada 31 Mac 2013 telah mengumumkan sekali lagi kelulusan bantuan sejumlah RM8,536,320.00. Kepada seramai 8,892 pesawah yang nanti mereka akan diberikan dengan nilai RM960.00 bagi satu lot sawah. Jadi, mudah-mudahan saya kira ini manifestasi kepada sikap Kerajaan Negeri yang cukup prihatin.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta celahan sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasihlah bagi pihak petani-petani di Sekinchan, Sabak dan Sungai Burong kerana bantuan bertambah-tambah daripada YAB Dato' Menteri Besar kepada petani-petani kerana cukup peduli rakyat dan saya nak tanya kenapa bantuan yang dijanjikan oleh Kementerian dari Sungai Panjang dan sebagainya sampai hari ini belum turun, adakah Yang Berhormat EXCO Pertanian ada maklumat ke, sampai hari ini belum lagi tau. Orang dah menanam dah musim lepas belum lagi turun. Apa masalahnya? Boleh beri sikit pencerahan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya nak tambah sikit lagi, Tuan Speaker. Ni yang kita bantu ini termasuk petani daripada pengundi UMNO ke?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sabak dan Sekinchan. Bantuan kita tak mengenal parti politik. Kita bantu seluruhnya *Insha-Allah* bagi mereka yang terjejas dengan serangan BLB ini. Soalan Sekinchan tadi memang saya pun ya sukar untuk memberikan jawapan, saya kira mungkin di peringkat blok pembangkang kita juga boleh buat media *statement* kenapa mereka tidak memberikan bantuan kepada petani. Morib ada membangkitkan berkenaan dengan bantuan *one off* kepada nelayan. Buat masa ini kita belum memberikan bantuan berbentuk *one off* tetapi keprihatinan kita kepada nelayan memang tidak pernah kita sampingkan. Pada tahun 2015 sahaja sejumlah RM1.3 juta telah diperuntukkan dalam bentuk pemberian bantuan kepada golongan nelayan berbentuk enjin, sampan dan juga peralatan menangkap ikan yang melibatkan seramai 144 penerima dan bermula pada tahun 2016 hasil daripada input yang diberikan oleh nelayan sendiri, dasar pemberian telah ditambah baik di mana bentuk bantuan hanyalah berbentuk peralatan menangkap ikan sahaja tidak lagi memberikan bantuan sampan dan enjin. Ini disebabkan dengan peruntukan yang ada ini lebih ramai lagi golongan nelayan yang akan dapat merasai bantuan yang disediakan dan dengan perubahan kaedah ini telah pun mendapat pujian ramai daripada nelayan-nelayan yang telah pun merasai bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2016, RM824,390.00 telah disediakan kepada golongan nelayan berbentuk peralatan menangkap ikan seperti GPS (*Global Positioning System*) dan jaring menangkap ikan seramai 730 nelayan telah memperolehi manfaat dari penukaran dasar ini dan ia nya tidak termasuk sejumlah RM607,780.00, 168 penerima yang diperuntukkan kepada usahawan akuakultur menjadikan jumlah keseluruhannya untuk tahun 2016, RM1,430,170.00. Bukit Melawati, saya kira saya ingin. Ada Bukit Melawati? Saya ingin mengambil petua Speaker semalam untuk tidak menjawab secara lisan dan kita boleh berkongsi jawapan ini secara bertulis dengan beliau. Begitu juga dengan saya kira Bukit Gasing ya berkenaan dengan peruntukan bagi mereka yang membazir air memang sudah adupun dalam peruntukan di bawah Seksyen 49, Akta Industri Perkhidmatan Air (WASIA) bahawa bekalan air mana-mana premis boleh dipotong sekiranya penghuni ataupun

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

pengguna didapati menyalah guna dan membazirkan air dibekalkan ke premis mereka. Berkaitan dengan penggantian paip air, saya kira banyak telah pun kita bincangkan dalam sesi pertanyaan dan jawapan mulut yang telah pun berlangsung di mana kerja penggantian paip air sepanjang 2.5m yang dibangkitkan oleh Meru saya kira begitu juga dengan rakan-rakan yang lain saya kira sekarang ini berkaitan dengan permit korekan, deposit oleh JKR, PBT dan sebagainya dalam proses diselia kan oleh pihak UPEN bersama dengan agensi-agensi yang terlibat dan *Insya-Allah* perkara ini dapat diselesaikan dengan baik tidak ada sebarang kelewatan ataupun *delay* dalam kita melunaskan tanggungjawab kita untuk membuat kerja-kerja penggantian paip ini. Berkaitan dengan Kota Damansara ada membangkitkan berkenaan dengan naik taraf Sungai Pelampas cuma Kota Damansara membangkitkan kenapa *flood wall* terlalu tinggi. Pertamanya projek ini teruskan menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan negeri Selangor di mana projek naik taraf Sungai Pelampas ini telah pun ditawarkan pada 2016 dengan skopnya struktur kawalan banjir menggunakan tembok penahan banjir *flood wall* akan dibina baru di kawasan yang tidak mempunyai *flood wall* khususnya kawasan penempatan dan struktur kawasan hakisan tebing sungai menggunakan *gabin wall* dan juga *L-shape chanel, flood wall* di kawasan sedia ada ditinggikan bagi menambah kapasiti kepada air Selangor, kepada air sungai dan projek menaik taraf Sungai Pelampas masih lagi dalam fasa pembinaan. Ketinggian *flood wall* yang dirisaukan oleh Kota Damansara itu dipasang pada masa ini pada ketinggian yang belum lagi selesai proses pemasangan, yang lain-lain seperti DUN Seri Serdang saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balakong, Selat Kelang, Seri Andalas dan Kuala Kubu Baharu berkenaan projek-projek yang telah pun dibangkitkan sebenarnya projek-projek tersebut telah pun siap dari sudut reka bentuk dan dokumen tender pun siap tunggu masa untuk di tender kan. Walau bagaimanapun, seperti mana yang diketahui ia nya berdasarkan kepada peruntukan caruman parit yang sekarang ini kita perlu melihat kepada kesediaan caruman parit tersebut dan kita akan pastikan bahawa projek-projek yang dimasukkan itu akan dapat dilaksanakan berdasarkan kepada kecukupan wang tabungan Cawangan Parit dan sekiranya kita berhalangan maka kita akan lihat akan dimasukkan dalam Bajet B13 untuk tahun-tahun yang akan datang. Sekinchan, Paya Jaras dan Kota Anggerik ada bangkitkan berkaitan dengan jalan-jalan di FT 5, FT 54 dan juga Lebuhraya Pulau Indah. Kesemua jalan-jalan ini adalah merupakan jalan-jalan Federal ataupun Persekutuan. Jadi saya kira saya juga tidak mahu mengambil masa untuk menjawab memberikan jawapan di sini saya akan.....saya ada semua maklum balas ataupun status jalan-jalan dan permasalahan yang dibangkitkan dan saya akan sisipkan kepada ADN-ADN Yang Berhormat yang bertanya.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Pohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada isu berkenaan dengan jalan Federal dan selalunya ada bermasalah apabila jika jawapan yang kita terima daripada JKR Selangor adalah satu sahaja. Tiada duit, peruntukan tidak diberikan oleh Kerajaan Persekutuan jadi bila-bila masa kita dapat kita *follow up* dapatkan jawapannya sama juga jadi apakah perancangan Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan satu perundingan khas ataupun mesyuarat khas dengan JKR Persekutuan untuk menyelesaikan perkara ini kerana ada banyak jalan sebenarnya dalam keadaan kritikal termasuk Jalan Kim Chuan di Pandamaran. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Pandamaran. Saya sebenarnya maklum dan faham kenapa pihak Yang Berhormat bangkitkan persoalan jalan-jalan di Federal ini di Sidang Dewan. Seperti mana yang disebutkan walaupun kita ketahui bahawa bukan bidang kuasa negeri untuk menyelesaikan permasalahan ini dan untuk pengetahuan Ahli Dewan semua segala permasalahan yang dibangkitkan baik dalam perbahasan seumpamanya telah pun dicatat oleh peringkat agensi dan memang selepas itu kita akan *escalate* panjangkan permasalahan-permasalahan ini ke pihak Persekutuan dan juga kita bangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan secara berkala bersama dengan agensi Federal. Terima kasih.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Ada satu soalan singkat. Boleh Kerajaan Negeri mempertimbangkan supaya meminta kebenaran Kerajaan Persekutuan supaya membenarkan ADN-ADN masing boleh gunakan MARRIS untuk memperbaiki sekiranya Kerajaan Persekutuan memang tidak ada duit untuk memperbaiki jalan untuk DUN yang ada baki MARRIS boleh digunakan, bolehkah kita mendapat kebenaran kerana saya pernah mencuba untuk memperbaiki tapi dia datang menghalang memang tak boleh dibenarkan walau kita gunakan duit sendiri jadi boleh ke tak kita dapatkan *blanket consent* daripada pihak Kerajaan Persekutuan untuk membenarkan DUN masing-masing mengikut *specification* yang disediakan oleh JKR Negeri untuk memperbaiki menggunakan peruntukan MARRIS. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Pandamaran. Tatacara penggunaan wang MARRIS dan kita ketahui bahawa kita dari sudut skop kerja kita untuk Kerajaan Negeri pun banyak lagi perkara-perkara yang perlu kita belanja menggunakan peruntukan MARRIS ini. Walau bagaimanapun saya kira apa juga yang dibangkitkan oleh Pandamaran itu kita akan berbincang secara lanjut untuk kita mengetahui apakah jalan keluar kepada permasalahan ini. Terima kasih sekali lagi kepada Pandamaran. Cadangan daripada Seri Andalas untuk kajian *road connectivity within* Selangor dengan izin, begitu juga dengan perbincangan jambatan PJ Puchong.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Semuanya itu akan diambil perhatian dan akan diteliti dalam perbincangan khususnya dalam STANDCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam. Silakan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tak ada saya ingat lebih tepat kalau EXCO boleh beritahu kepada kita dalam jangka masa yang akan datang ini kita telah bangkitkan beberapa perkara yang katakan di bawah pengendalian JKR Federal dan sebab apa mereka tak nak bekerjasama dengan kita ataupun tak nak bagi kelulusan untuk membuat demikian walaupun bagaimana rakan saya dari Pandamaran mengatakan kita akan menggunakan duit sendiri kita ataupun PBT sanggup untuk bayar untuk buat demikian lagi dia tak bagi kelulusan untuk berbuat demikian di kawasan-kawasan ini yang saya nak cuba EXCO minta mereka pasal apa saya nampak ini tidak bekerjasama , diberi kerjasama di antara Negeri Selangor dengan Agensi JKR. Apa masalahnya?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Andalas. Saya kira ini berbalik kepada tanggungjawab kepada amanah itu sendiri seperti mana kita yang ketahui setiap jalan-jalan ini ada peruntukan khususnya peruntukan MARRIS yang telah di *allocate* kan untuk diselenggarakan jalan-jalan tersebut jadi berbalik kepada tanggungjawab dan amanah yang sepatutnya dilunaskan oleh mereka. Bagi peringkat Kerajaan Negeri kita cukup prihatin ke atas aduan-aduan permasalahan Kerajaan Negeri begitu juga dengan PBT dan sebagainya jadi peringkat Federal ini pun sukar untuk saya memberikan jawapan kepada pihak mereka.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat jangan tanya perkara yang tuan-tuan tahu jawapan dia.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tak saya bangkitkan ini sebab kita ada beberapa perkara yang kita bawa sampai sekarang tidak boleh ada penyelesaiannya. *Simple* saja saya bagi satu contoh satu perkara. *Traffic light* di depan Kampung Sungai Kandis, kita sedia untuk buat PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam sanggup untuk membuat dengan bayaran sendiri dan sebagainya tapi kita tidak boleh mendapat kelulusan daripada JKR. Orang penduduk Sungai Kandis marah kepada kita. Tiap-tiap pagi dan petang dan sebagainya ada masalah besar dengan kenderaan yang masuk dalam dan keluar. Perkara-perkara yang macam inilah saya minta pihak EXCO untuk semak dan tengok macam mana cara untuk kita boleh selesaikan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Seri Andalas, saya kira *point* itu *be taken*. *Insya-Allah* dicatat dan semua orang pun telah dengar keluhan, permasalahan apa yang kita hadapi sekarang ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ada sedikit.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Ya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Timbalan Speaker, berhubung dengan jalan-jalan *federal road* Persekutuan 5 khususnya yang saya nak bincangkan ini. Isunya kerosakan dan berlubang-lubang itu sudah sampai kritikal misalnya di Batu 4, di Pekan Kapar, tidak bolehkah Kerajaan Negeri memperuntukkan sedikit peruntukan *emergency* untuk baiki dan kita bubuh tanda-tanda di situ papan tanda satu lagi Projek Kegagalan Barisan Nasional yang tidak bertanggungjawab untuk *repair* jalan boleh tak begitu?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan, itu cadangan yang sangat baik walaupun ianya tertakluk kepada tuan punya jalan kita nak tampal jalan orang ini sama ada dia nak bagi keizinan ataupun tidak jadi saya kita itulah Sekinchan dan Andalas jawapan yang saya boleh nyatakan dalam Sidang kali ini. Yang terakhir berkenaan dengan prestasi berbelanja peruntukan MARRIS. Alhamdulillah untuk pengetahuan Sidang Dewan sekalian, semua peruntukan MARRIS setiap agensi telah pun mencapai atau melebihi sasaran 85% yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Makna katanya prestasinya cukup memberangsangkan seperti mana saya kira saya telah pun nyatakan dalam jawapan soalan lisan iaitu JKR -100%, JPS -99%, Pejabat Daerah dan Tanah – 86%. 86% itu juga merupakan lebihan dan bukannya kurang dari sudut *percentage* itu adalah disebabkan perkara yang lain. Pihak Berkuasa Tempatan PBT -97% maka semuanya melepassi 85% seperti mana yang telah disasarkan. Dicelah oleh Permatang berkenaan dengan wang MARRIS yang tidak digunakan sepenuhnya. Saya kira ini berulang-ulang dalam setiap kali Sidang Dewan dan telah pun kita jawab secara berulang-ulang. Semenjak 2014 kita lihat bagaimana perbelanjaan wang MARRIS ini melebih 100%. Ini saya kira perlu ditekan berulang kali. melebihi 100% dan ini juga kadang ketika diulang balik ditanya balik kenapa perbelanjaan kita masih lagi berkurangan. 2014 - 120%, 2015 -159% dan 2016-134%. Berkaitan dengan...

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya tertarik dengan MARRIS ini. Tahun 2015 MBSA mendapat 84.983 juta, 2016 turun kepada 9 juta, 2017 turun kenapa *variance* itu jauh sangat.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik. Soalan itu *specific* saya ingat boleh diberikan jawapan kemudian.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya minta penjelasan daripada Y.B. EXCO.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya amat tertarik dengan perbelanjaan MARRIS juga. Adakah Kerajaan ada membuat lebih banyak untuk isikan lebih banyak jalan masuk ke dalam MARRIS sistem dan berapa yang telah kita *enter into* ke sistem dan adakah satu *effort* yang *coordinated* untuk menambahkan lagi supaya kita dapat lebih lagi peruntukan MARRIS tahun depan.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Damansara Utama. Memang setiap tahun berlaku peningkatan khususnya dalam tahun yang lepas secara mendadak jalan-jalan kampung kita yang telah didaftarkan dalam sistem MARRIS begitu juga dengan tahun-tahun sebelum daripada itu. Cuma Batang Kali ada bangkitkan berkaitan dengan kenapa berlaku penurunan. Cuma faktanya silap..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, jawapan EXCO setiap tahun beritahu tiap-tiap tahun ada peningkatan tapi MBSA menurun.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Peningkatan yang saya maksudkan peningkatan pendaftaran ataupun penerimaan wang MARRIS penerimaan wang MARRIS meningkat bukannya perbelanjaan ini bergantung pada jalan dan sebagainya yang untuk diselenggara dan sebagainya. Saya akan *detailkan* berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh MBSA dan seumpamanya. Yang saya maksudkan penerimaan wang MARRIS. Setiap tahun meningkat. Batang Kali dia menyebutkan tentang penurunan kira melanjutkan persoalan Permatang dan cuma maklumat itu silap yang kata ada penurunan penerimaan itu bukannya pada tahun 2015 berbanding 2016 tetapi sebenarnya berlaku sedikit pengurangan bandingan 2014 hingga 2015 iaitu pada 2014 -RM523,486,773.00 berbanding 2015 - RM468,774,527.00. Ada sedikit pengurangan kerana dari sudut pekeliling tatacara pendaftaran yang telah dikeluarkan pada 2013 iaitu menggunakan kaedah *coordinate*. Bila kita menggunakan kaedah *coordinate* makan sana sini ada sedikit *overlapping* tapi selepas daripada itu dia berlaku penambahan dan juga pertambahan setiap tahun.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker boleh nak celah tentang..

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Saya nak tanya Kerajaan Negeri tahniahlah telah berjaya perbelanjaan peruntukan MARRIS sentiasa bertambah khususnya kepada jalan-jalan yang di bawah MARRIS di kampung. Adakah KPI Kerajaan Negeri untuk memastikan jalan-jalan kampung ini apa dia agaknya KPI dia di dalam mungkin ikut daerah ataupun mungkin ikut PBT. Berapa KPI nak diletak atau pun dah ada ke belum KPI di mana jalan-jalan ini berapa yang kita nak daftarkan di bawah MARRIS ?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Saya sebenarnya kurang jelas tentang apa yang hendak ditaja.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** KPI pendaftaran jalan-jalan kampung di dalam Sistem MARRIS.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** KPI *target* kita?

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Yes.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Untuk tahun 2016 kita telah membuat cerapan jalan-jalan desa seluruh Selangor yang memungkinkan pertambahan sejumlah *kilometres* didaftarkan dan juga pertambahan wang MARRIS khususnya pada tahun 2017. 1,300 kilometer telah berjaya didaftarkan. Sebelum ini tidak mampu dikenal pasti tapi kita telah melantik syarikat luar *consultant* untuk membuat cerapan di seluruh Negeri Selangor. *Alhamdulillah* ada pertambahan 1,300 kilometer kurang lebih. Dan yang terakhir juga.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya dengar tadi EXCO kata prestasi meningkat tetapi adakah kajian dibuat oleh EXCO bahawa prestasi perlaksanaan kerja adakah dilakukan oleh pihak Kerajaan?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Damansara. Memang kita ada Jawatankuasa Khas khususnya di peringkat agensi pelaksana itu memantau secara dekat berkenaan dengan pelaksanaan kerja-kerja yang menggunakan peruntukan wang MARRIS ini mengikut agensi. Terakhir berkaitan dengan jalan ladang yang sebelum ini untuk tahun 2017 sebanyak RM2,000,000.00 diperuntukkan dan kita

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

mengambil berat berkaitan dengan maklum balas yang diterima khususnya oleh Yang Berhormat Sabak berkenaan dengan jalan-jalan pertanian ini, maka satu Jawatankuasa di bawah portfolio Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun membuat satu *task force* yang telah pun ditubuhkan yang melibatkan semua agensi-agensi termasuklah Perbadanan Negeri Selangor sendiri, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Kalau sebelum ini jalan pertanian kita hanya berkaitan dengan sawah bendang dan juga jalan-jalan yang menghubungkan kepada aset-aset JPS sahaja dan kita telah mengenal pasti kelompongan di mana mengikut takrifan itu jalan sebagai jalan yang menghubungkan kawasan pertanian dengan jalan raya utama negeri, jalan PBT, jalan kampung dan juga jaringan jalan dalam kawasan pertanian. Walau bagaimana sesuatu jalan itu tidak layak dikelaskan sedemikian sekiranya jalan tersebut hanya menuju ke satu lot pertanian sahaja.

Jadi dengan jawatankuasa ini yang perbincangan telah dibuat pada 6 Mac baru-baru ini antaranya ialah untuk menyemak dan melaksanakan pemutihan kepada senarai jalan pertanian sedia ada yang telah didaftarkan dalam sistem MARRIS *online*, mendaftarkan jalan-jalan baru terutamanya jalan pertanian di kawasan pekebun kecil dan penternak yang mendapat bantuan serta bimbingan daripada Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan menyemak status di tapak dan seterusnya mewujudkan satu inventori jalan pertanian yang perlu diselenggara bagi membolehkan kerajaan negeri mendapat gambaran secara menyeluruh jumlah peruntukan yang diperlukan pada setiap tahun.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Teratai minta mencalah. Silakan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan Yang Berhormat EXCO berkenaan Jalan Kuari dan Jalan Bunga Raya yang telah saya ketengahkan dalam sesi perbahasan sebelum ini. Saya tidak dengar ada sebarang jawab atau maklum balas daripada 2 jalan utama ini yang telah lama penduduk-penduduk Teratai menunggu. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Taman Templer. Sabak nak tanya apa tu. Kuari ke bukan?

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Bukan kuari. Saya ada nak tanya pada EXCO tentang jalan ladang ni, kita ada atau tidak satu yang *standard* untuk kita, jalan yang

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

standard. Bila kita sebut jalan ladang maknanya ialah jalan ini telah kita bubuh *crusher run* umpamanya. Itu paling minimum, jalan-jalan ladang. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih. Sudah pasti di sana ada spesifikasi semua ada *paver* atau *crusher run* dan menggunakan lebihan wang MARRIS kita untuk peringkat awal ini kita boleh menaik taraf jalan-jalan tersebut supaya mengikut spesifikasi dan seterusnya kita daftarkan di dalam sistem pendaftaran MARRIS secara *on line* dan selepas daripada itu setiap tahun kita akan dapat menumpukan mengikut kilometer jalan dan bolehlah kita menyenggara jalan-jalan pertanian yang dimaksudkan oleh Sabak.

Untuk yang dibangkitkan oleh Teratai saya saya akan lampirkan nanti jawapan-jawapan yang dua jalan yang disebutkan iaitu Jalan Kuari dan juga Jalan Bunga Raya kepada Teratai selepas dari Dewan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Taman Templer. Akhir saya silakan Yang Berhormat Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Timbalan Speaker. Tuan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan, Pelabuhan Klang, Sungai Burong dan Teratai yang telah pun menyentuh isu berkenaan dengan pelaburan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku.

Tuan Timbalan Speaker, pembangunan ekonomi melalui pelawaan pelaburan sama ada pelaburan asing ataupun tempatan dan pembangunan perindustrian dan perdagangan merupakan salah satu komponen penting dalam gagasan dan kerangka *Smart Selangor* yang direncanakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. KDNK Selangor bagi tahun 2014 menunjukkan bahawa kekuatan ekonomi Selangor adalah dalam sektor perkhidmatan di mana 59.4% daripada KDNK Selangor adalah dari sektor tersebut sementara 29.4% adalah daripada sektor perindustrian. Justeru itu pembangunan ekonomi Selangor harus direncanakan berdasarkan kekuatan yang sedia ada bagi memastikan daya saing Selangor dan mempertahankan kedudukan Selangor sebagai penyumbang utama KDNK Malaysia. Sehubungan itu Kerajaan Negeri berazam membangunkan Selangor sebagai Hab Perdagangan Dunia atau *Global Trading Hub* dengan memberikan penumpuan dan rangsangan untuk membangunkan kedua-dua sektor perkhidmatan dan industri pembuatan. Selangor mempunyai kekuatan yang terunggul di mana dengan kedudukan strategik Pelabuhan Kelang di tengah-tengah Selat Kelang, di tengah-tengah Selat Melaka yang merupakan laluan maritim utama dunia dan dengan pengalaman dalam sektor pengangkutan dan logistik yang beratusan tahun usaha untuk terus membangunkan Selangor sebagai hab

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

perdagangan antarabangsa telah, sedang dan akan dilipat gandakan. Oleh yang demikian, Selangor telah mengorak langkah menganjurkan *Selangor International Expo* pada tahun 2015. Setelah memperoleh pengalaman yang mencukupi pada tahun 2015 dan 2016, Selangor akan memperkembangkan ekspo 3 hari tersebut kepada 10 hari pada tahun ini mulai 7 – 17 September.

Kerajaan akan terus berusaha gigih untuk membangunkan *Selangor International Expo* dengan slogan dan matlamat menjadikan Selangor sebagai Pintu Masuk ASEAN atau dengan izin *Gate Way To ASEAN*. Sebagai matlamat pertama dan seterusnya menuju ke arah Hab Perdagangan Antarabangsa atau *Global Trading Hub*, Kerajaan yakin dalam masa yang terdekat Selangor akan berjaya melancarkan satu projek *iconic* yang menjadi pangkalan perdagangan antarabangsa yang sudah tentu akan merancakkan usaha Selangor menjadi Hab Perdagangan Antarabangsa. Dalam sektor pembuatan pula Kerajaan Negeri telah merangka dan menerima pakai Pelan Induk Perindustrian Selangor atau dengan izin *Selangor Industrial Master Plan*. Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada 5 sektor utama iaitu :-

- (i) Elektrik dan elektronik;
- (ii) Peralatan dan pengangkutan;
- (iii) Sains hayat;
- (iv) Makanan;
- (v) Kejuruteraan dan jentera.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri juga telah mengenal pasti dan mengusahakan 5 projek atau sub sektor spesifik bagi memastikan kejayaan dalam pembangunan ekonomi Selangor yang merangkumi kedua-dua sektor perkhidmatan dan perindustrian iaitu:-

- (i) E-dagangan atau e-commerce. Dengan penubuhan *Selangor Information Technology and E- Commerce Council*.
- (ii) Bio teknologi dengan projek *Selangor Bio Bay*
- (iii) Aeroangkasa dengan penubuhan *Selangor Aerospace Council*
- (iv) Industri halal dengan promosi *Halal International Selangor*
- (v) *Selangor International Expo* dengan sasaran menjadikan Selangor Hab Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Timbalan Speaker, industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada peniagaan secara e-dagang, sains dan teknologi bio serta aeroangkasa. Kerajaan Negeri melalui agensi penggalakan pelaburan, *Invest Selangor* akan

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

meneruskan usaha untuk menarik pelaburan ke Selangor dan menjadi negeri Selangor sebagai destinasi pilihan pelabur. Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* akan mempertingkatkan usaha-usaha mempromosikan Negeri Selangor melalui pelaksanaan program-program promosi serta isu penggalakan serta misi penggalakan pelaburan dalam dan luar negara. Mengenai pelaburan daripada negara Cina dan Saudi Arab atau Arab Saudi, Kerajaan Negeri secara dasarnya tiada halangan bagi projek-projek pelaburan dalam sektor perindustrian.

Menjawab spesifik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang saya ingin menyatakan Tuan Timbalan Speaker Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* telah menggalakkan pelabur tempatan mahupun asing yang akan atau yang telah beroperasi di Selangor untuk menggunakan teknologi automasi dalam proses pengeluaran mereka. *Invest Selangor* bukan sahaja menggalakkan industri *automation* malah usaha promosi yang dijalankan menumpukan kepada syarikat-syarikat berteknologi tinggi, *knowledge-based industry*, industri berimpak tinggi seperti aeroangkasa misalnya. Di samping itu berbagai-bagai usaha dilaksanakan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri tumpuan pemain-pemain teknologi bagi menguji atau memperkenalkan teknologi-teknologi baru atau teknologi masa depan dalam usaha menjadikan Selangor sebagai *Smart State*. Kesemua usaha yang dilakukan ini selari dengan hasrat kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam Industri 4.0 atau *Industrial 4.0* dan menerokai peluang pelaburan masuk ke negeri ini melalui penubuhan *Smart Factory* atau *Smart Manufacturing*. Kita semua tahu bahawa sanya Selangor sebuah negeri perindustrian di mana aktiviti utamanya ialah sektor perkilangan. Oleh itu amat penting untuk negeri Selangor bergerak ke atas rantai nilai atau dengan izin *value chain* yang lebih tinggi di dalam sektor ini dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan di dalam bidang *internet of things*, *artificial intelligence*, *machines learning* dan juga *robotic*. Sejajar dengan itu pihak Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan usaha dalam membina modal insan dalam bidang-bidang ini.

Menjawab spesifik kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong yang tidak hadir pada hari ini, jumlah pelaburan sebanyak RM207.9 bilion yang diterima di seluruh negara seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Burong sebenarnya meliputi keseluruhan sektor iaitu sektor perkilangan, sebanyak RM58.5 bilion iaitu 28% dari keseluruhan jumlah pelaburan. Sektor perkhidmatan sebanyak RM141.2 bilion, 68% dan sektor *primary* sebanyak RM8.2 bilion, 4%. Manakala jumlah pelaburan yang sebanyak RM7.88 bilion yang diterima oleh negeri Selangor hanya lah melibatkan sektor perkilangan sahaja yang dikira oleh Sungai Burong meliputi semua sektor sementara RM7.88 bilion yang diperolehi oleh Selangor hanya melibatkan sektor perkilangan sahaja. Oleh yang demikian kenyataan yang

## 03 APRIL 2017 (ISNIN)

menyatakan Malaysia menerima pelaburan 26 kali lebih tinggi berbanding dengan negeri Selangor adalah analisa yang tidak tepat sama sekali. Dia ambil semua kita cuma ambil satu. Jadi Sungai Burong ni senang *confuse*. Jadi saya nasihatkan Yang Berhormat Sungai Burong, tolong sampaikan ya, jangan hanya baca teks, kaji sendiri, baca sendiri.

Dan juga saya mengambil kesempatan mengatakan bahawa kalau mengikut perangkaan tahun 2016 sebenarnya pelaburan keseluruhan Malaysia merosot sebanyak 5%. Sementara di Selangor hanya 1%. Itu menunjukkan bahawa kita mempunyai daya saing yang lebih kuat lagi. Bagi sektor perkilangan negeri Selangor menerima pelaburan sebanyak RM7.88 bilion atau 13.47% dari jumlah pelaburan di sektor perkilangan yang diterima di seluruh negara yang berjumlah RM58.47 bilion. Negeri Selangor juga menerima pelaburan sebanyak RM1.1 bilion bagi sektor *Global Establishment* yang mana merangkumi *principle hub, regional office, representative office*, dan *treasury management center*. Sebagai makluman *global establishment* adalah sub sektor dari sektor perkhidmatan.

Bagi menangani isu penyelenggaraan di kawasan perindustrian di negeri Selangor Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut :-

- (i) Mewujudkan IMPC atau *Industrial Park Management Committee* sebagai medium pihak industri membincangkan permasalahan yang berbangkit di kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh agensi yang berkenaan.
- (ii) Membenarkan penggunaan peruntukan MARRIS digunakan untuk menyenggara jalan-jalan di kawasan perindustrian
- (iii) Kerajaan Negeri telah meluluskan cadangan penetapan kadar peratusan peruntukan penyelenggaraan kawasan industri di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor agar setiap Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan peruntukan khusus untuk penyelenggaraan kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada. Peruntukan ini adalah daripada hasil kutipan cukai taksiran daripada pihak industri sahaja.

Ingin saya kongsi kan peratusan yang telah pun ditetapkan oleh setiap PBT menggunakan hasil daripada perindustrian untuk digunakan semula ke dalam kerja-kerja penyelenggaraan kawasan industri bagi :- Bagi

PBT	Kadar Yang Ditetapkan (%)
MBPJ	20
MBSA	20
MPSJ	40
MPK	20
MPSp	20
MPAJ	100
MPKJ	25
MPS	40
MDHS	15
MDSB	25
MDKS	25
MDKL	15

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Minta penjelasan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, peratusan yang dijelaskan tadi adakah peratusan daripada jumlah kutipan cukai taksiran ataupun jumlah daripada cukai taksiran kawasan perindustrian sahaja.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya telah berkata tadi. Peratusan ini adalah daripada jumlah hasil cukai taksiran daripada kawasan industri dan gunakan kembali kepada kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan industri. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak, Morib dan Kinrara yang telah pun menyentuhkan isu pengangkutan awam dalam perbahasan tempoh hari. Tidak dapat dinafikan memang terdapat banyak permintaan supaya kerajaan negeri dapat menambah laluan perkhidmatan Bas *Smart* Selangor ke kawasan-kawasan yang dicadangkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang pada masa ini tidak termasuk di dalam laluan Bas *Smart* Selangor sedia ada dan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan pada tahun 2017 bagi tujuan memperluaskan lagi perkhidmatan bas dengan penambahan laluan-laluan baru yang akan diperkenalkan pada tahun ini. Dalam menyediakan laluan Bas *Smart* Selangor, cadangan laluan akan terlebih dahulu di bentang dan dinilai dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dengan penglibatan semua PBT yang berkaitan dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD yang mana akan diambil kira berdasarkan kajian keperluan laluan di samping mengambil kira kriteria-kriteria yang telah ditetapkan seperti berikut :

- 1) Menepati struktur *Bus Network Revenge* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

- 2) Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain.
- 3) Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen BRT, dan LRT dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan.
- 4) *Connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen BRT, LRT dan MRT.

Oleh itu penentuan laluan Bas Smart Selangor telah dijalankan dengan teliti bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Untuk maklumat Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelas PBT telah membentangkan cadangan laluan yang baru Bas Smart Selangor tahun 2017 semasa program *Retreat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor* yang diadakan pada 6 dan 7 Mac 2017. Bagi kawasan Sabak Bernam, laluan baru yang dicadangkan dan dipersetujui adalah laluan dari Pekan Sabak Bernam ke Sungai Air Tawar ke Sungai Lang ke Pekan Parit Baru sepanjang 40.6 kilometer. Laluan ini akan menghubungkan tiga pekan utama iaitu Pekan Sungai Air Tawar, Pekan Bagan Nakhoda Omar dan Pekan Parit Baru. (Dewan bertepuk).

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tepuk kuat sangat? Dan Pekan Parit Baru serta memudahkan pelajar-pelajar di sebelas buah sekolah yang terdapat di laluan tersebut. Manakala bagi laluan kedua Bas Smart Selangor Majlis Daerah Kuala Langat yang telah diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, pihak Majlis Daerah Kuala Langat telah membentangkan cadangan laluan dari Banting ke Majlis Daerah Kuala Langat ke Hospital Banting dan IPD atau Ibu Pejabat Daerah Polis Kuala Langat ke Taman Banting Baru ke Banting sebanyak 22 sepanjang 22.8 kilometer. Untuk makluman Yang Berhormat Kinrara, Bas Smart Selangor MPSJ laluan ketiga telah pun beroperasi sejak bulan November 2016, laluan ketiga ini melalui kawasan Kinrara iaitu LRT BK 5 SMK Bandar Kinrara, Pasar Pagi TK3, SMK Batu 8, SMK Bandar Puchong Jaya, Taman Park Siong, Kinrara Court, LRT BK 5. Laluan baru yang dicadangkan pada tahun 2017 di kawasan pentadbiran MPSJ adalah dari laluan KTM Serdang ke Bukit Serdang Seksyen 6, sepanjang 13.26 kilometer berdasarkan permintaan tinggi di kalangan penduduk menghubungkan kawasan perumahan ke kawasan komersial, mempunyai *connectivity* dengan perkhidmatan komuter di stesen KTM Serdang dan masih tidak mempunyai perkhidmatan bas. Jadi Kinrara kena tunggu lagi satu *round* sebelum balik. Jadi semua laluan ini dijangka akan memulakan operasi pada bulan Julai 2017. Sekian, terima kasih.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut “Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Kelima Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.” Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak katakan TIDAK.

**AHLI DEWAN:** YA.

**TUAN SPEAKER:** Usul di persetujui. Sebelum urusan disambung, Ahli Yang Berhormat sekalian oleh sebab urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan Tuan Speaker, saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut :-  
“Bahwasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan Sebelas dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung persidangan sehingga selesai semua urusan dewan.”

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahi Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tak bersetuju sila katakan TIDAK.

**AHLI DEWAN:** YA.

**TUAN SPEAKER:** Usul dipersetujui. Silakan SU Dewan.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya usul Nombor 1 Tahun 2017. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Kinrara.

**Y.B. PUAN NG SZE HAN:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “Bahwasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor. (*Special Select Comity on Water*

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

*Resources Management of The State of Selangor), JPKSAS.* Bagi Dewan Negeri Selangor, berhubung kualiti Post Mortem Pencemaran Air Di Sungai Semenyih yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan Tiga Tahun 2017. JPKSAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 14 Februari 2017. Saksi-saksi yang hadir ke pendengaran tersebut adalah Pengurus Jawatankuasa Tetap Pelancongan Alam Sekitar Teknologi Hijau Dan Hal Ehwal Pengguna Air Selangor, MPKJ, Jabatan Alam Sekitar dan juga LUAS. Saksi-saksi yang telah, yang hadir telah memberi penerangan yang terperinci. Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada penyata ini dan saya akan terus ke saranan Jawatankuasa. Terdapat lima saranan daripada Jawatankuasa, saranan yang utama adalah kerajaan negeri hendaklah membuat keputusan sama Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun LUAS yang akan bertanggung memeriksa kilang berlesen secara berkala bagi memastikan operasi kilang tersebut tidak mencemari alam sekitar. Kerana dengan sistem sekarang ada kemungkinan Jabatan Alam Sekitar anggapkan itu tanggungjawab PBT dan PBT anggapkan itu tanggungjawab LUAS dan LUAS anggapkan ini tanggungjawab jabatan lain lagi dan akhirnya tiada pemantauan langsung terhadap kilang-kilang tersebut. Dan seterusnya, kerajaan negeri hendaklah menggalakkan loji rawatan air yang lain, supaya dilengkapi dengan kolam-kolam simpan-simpanan air mentah, *Off River Storage* yang mempunyai kapasiti simpanan air mentah antara tiga hingga tujuh hari. Satu contoh yang baik adalah loji rawatan air Semenyih dua yang masih dalam pembinaan. *Off River Storage* untuk Semenyih dua mempunyai kapasiti simpanan air selama enam puluh hari. Dan saranan yang seterusnya pihak kerajaan negeri hendaklah menghentikan catuan air berdasarkan konsep pemulihan berjadual iaitu pembekalan air adalah berdasarkan pengagihan dua hari ada air dan dua hari tiada air. Proses pemulihan air hendaklah diuruskan supaya kawasan kritikal menerima bekalan air terdahulu. Jawatankuasa berpendapat catuan air mengelirukan penduduk dan melambatkan pemulihan air. Semasa catuan air diadakan bukan semua tempat dapat bekalan air mengikut jadual catuan. Khususnya tempat tinggi dan tempat yang berada di *till on end* di hujung sekali. Satu lagi masalah dengan catuan air adalah paip yang usang di sesetengah tempat berkemungkinan bocor kerana perubahan tekanan air. Dengan tiadanya catuan air tangki-tangki simpanan air akan dapat menyimpan air dan *build up the pressure* dalam masa yang lebih singkat dan proses pemulihan bekalan air sepenuhnya juga dapat disingkatkan. Dua lagi saranan Jawatankuasa *to trying straight for word*, saya rasa Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh baca dalam penyata ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ada penyokong.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Morib menyokong. Saya mempersilakan untuk perbahasan, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ringkas sahaja. Saya kira saya telah pun membaca penyata dan juga dengar kepada sebahagian daripada rakaman audio dan adalah menjadi objektif kepada Jawatankuasa ini untuk memastikan begitu juga kerajaan untuk memastikan kita ada satu rancangan yang sempurna untuk memastikan kualiti air terawat sentiasa mencukupi di Selangor dan perlindungan sumber air ini mempunyai makna strategik dari segi ketahanan negara. Kita lihat ada perang dalam sejarah manusia di mana air dijadikan sebagai satu alat di mana ia boleh diracun dan digunakan untuk mengalahkan musuh. Walaupun begitu Tuan Speaker, saya, Timbalan Speaker saya terus kepada pemerhatian saya, dan saya berharap persoalan ataupun isu yang dibangkitkan di sini boleh dijadikan sebagai, boleh dijawab sekiranya boleh ataupun dijadikan sebagai satu isu untuk siasatan selanjutnya iaitu pertama berdasarkan kepada perenggan 5.1.3(b)(5), kilang tersebut ialah sebuah kilang yang memproses minyak dan ianya bersangkut paut dengan satu lagi masalah pencemaran alam sekitar. Iaitu pemprosesan minyak-minyak masak terpakai. Jadi saya kira kerajaan perlu ada satu dasar yang lebih bukan sahaja jelas tapi tegas bagaimana kita dapat mengatasi masalah pengitaran semula minyak masak ini supaya ia tidak disalah gunakan seperti apa yang berlaku dalam kes kilang haram yang cemarkan minyak masak dan juga minyak enjin yang seperti yang di kita lihat dalam kes kilang haram yang mencemarkan Sungai Semenyih ini. Berdasarkan perenggan 5.1.9 dan terbukti bahawa bilangan *tanker* yang diperlukan jauh tidak mencukupi dan keperluan terhadap *tanker* ini saya kira agak mustahil untuk dipenuhi. Kalau kita lihat *tanker* yang kita dalam sekitar dua puluh lebih sahaja tapi bilangan yang sepatutnya diperlukan melebihi sembilan ratus. Maka pembahagian *tanker* air ini perlu dirancang dengan rapi dan teliti jadi saya ingin bertanya sama ada air Selangor ada menjalankan *drill* ataupun latihan-latihan secara tidak berjadual pada masa-masa yang akan datang untuk memastikan, semua *staff* yang terlibat dalam pengurusan *tanker* ini ia dilatih dengan secukup-cukupnya seperti dalam *fire drill* dan sebagainya. Dan berdasarkan kepada perenggan 5.1.17 ada saya juga bertanya adakah *tanker* ini dilengkapi dengan peralatan seperti GPS adakah pergerakannya dikawal oleh bilik kawalan, apakah setup dan peralatan di dalam bilik kawalan ataupun *control room* ini dirangkaikan dengan bilik-bilik kawalan di PBT dan juga PDRM. Seterusnya berdasarkan perenggan 5.2.1 lebih daripada separuh kilang di sepanjang Sungai Semenyih dan Sungai Langat ini adalah tidak berlesen. Empat kilang yang tiada had milik dan telah didirikan dan didirikan di rizab Sungai Semenyih telah pun di roboh. Bagaimana pula dengan sepuluh kilang haram yang didirikan di atas rizab Sungai Langat. Jadi adakah tindakan perobohan telah pun dilakukan.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Bagaimana dengan kilang-kilang haram di sungai-sungai yang lain seperti Sungai Klang, Sungai Selangor, Sungai Tengi dan lembangan-lembangan sungai-sungai tersebut. Jadi, saya memohon sekiranya boleh jawapan diberi dalam bentuk bertulis kerana masa yang tidak mengizinkan.

Berdasarkan kepada perenggan 5.3. Ini poin yang terakhir. Adakah pemantauan statik dan ujian pensampelan sekarang masih dijalankan di sepanjang Sungai Semenyih. Adakah ianya cuma dijalankan di Sungai Langat, adakah ianya dijalankan di sungai-sungai yang lain di Selangor. Bagaimana dengan cadangan pemasangan peralatan pensampelan jangka masa *rear time* di beberapa bahagian sungai sebelum ke Pusat Loji Rawatan Air. Saya kira cadangan ini pernah dikemukakan oleh jawatankuasa yang sama pada masa dahulu. Tetapi nampaknya belum ada apa-apa lagi *update*.

Dan seterusnya Ujian Makmal Air Sungai. Siapakah yang jalankan ujian ini. Adakah ia dijalankan oleh Jabatan Kimia dan berapa lamakan keputusan akan dapat diproses. Dan ini adalah penting kalau kita tidak mempunyai peralatan yang *rear time* dan kita perlu bergantung kepada ujian makmal dan sekiranya berlakunya kecemasan seperti apa yang berlaku pada tahun lepas, bolehkah kerajaan menjalankan ujian makmal ini dengan, oleh makmal swasta, adakah kosnya tinggi, adakah ianya lebih efektif daripada ujian yang dibuat oleh Jabatan Kimia. Jadi, itulah beberapa isu ataupun pemerhatian yang saya kira akan memanfaat sidang Dewan dan juga jawatankuasa bukan sahaja untuk pengetahuan Dewan tetapi juga untuk siasatan lanjutan yang bakal dijalankan oleh jawatankuasa ini. Jadi, Kampung Tunku mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat lain mahu berbahas. Tidak ada. Silakan pihak kerajaan jika mahu *respon*.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum cadangan, nasihat dan juga teguran daripada Jawatankuasa Pilihan Khas (JPKSAS) dan juga beberapa isu yang dibangkit oleh Kampung Tunku dan kerajaan akan memberi jawapan secara bertulis dan juga terperinci selepas sesi Dewan ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi:

“Bahawasanya menurut Peraturan-peraturan 765, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

(JPKSAS) bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Kualiti, Post-Mortem, Pencemaran Air di Sungai Semenyih yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Yang tidak bersetuju sila TIDAK. Usul dipersetujui.”

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul Nombor 2 Tahun 2017. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“ Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPBT) berhubung Polisi Bebas Plastik dan Polistirena di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2017”.

Tuan Timbalan Speaker, memandangkan penyata ini telah dikemukakan lebih awal dan saya tidak akan berbahas secara terperinci. Penemuan Jawatankuasa pada umumnya adalah mendapati Polisi Bebas Plastik Dan Polistirena di Negeri Selangor ini menghadapi masalah kesedaran di kalangan masyarakat. Jadi, Jawatankuasa menyarankan supaya kempen-kempen kesedaran awam dan kempen pendidikan awam harus dipertingkatkan dan dengan cara yang lebih kreatif supaya golongan kanak-kanak dapat menerima mesej ini dengan lebih jelas. Dan selain daripada itu kami juga mencadangkan Kerajaan Negeri Selangor memastikan setiap caj 20 sen yang dimasukkan ke dalam tabung di caj oleh peniaga dimasukkan ke dalam satu tabung khas untuk digunakan untuk program mesra alam sekitar. Jadi, saya rasa itu sahaja daripada saya. Saya mencadang. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada menyokong.

**Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Tuan, Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Meru menyokong. Saya buka untuk perbahasan. Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya lagi, tak panjang, satu muka surat lebih sahaja, tak apalah. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Sama juga dengan perbahasan usul sebelum ini. Ini adalah sedikit pemerhatian berkenaan dengan penyata ini, saya

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

mohon menyokong tetapi kita tidak boleh keliru iaitu isu yang kita bincang adalah bukannya sama ada baik atau buruknya dasar ini, tetapi pelaksanaannya yang pada permulaannya menghadapi masalah. Setakat sekarang kita sudah memasuki bulan yang ke-14. Pelaksanaan ini saya kira berdasarkan kepada pemerhatian di peringkat akar umbi dan juga jawapan yang dikemukakan oleh kerajaan semasa sidang Dewan, saya kira ada terdapat sedikit penambahbaikan. Dan kalau kita lihat soal siasat ataupun pendengaran ini sebenarnya diadakan bulan Januari. Cuma ada satu pemerhatian, ada dua pemerhatian iaitu berkenaan dengan pernyataan ini. Yang pertama adalah berkaitan dengan Isu Bebas Plastik ini. Pada masa sekarang kita menumpu kepada beg plastik dan saya memohon supaya Jawatankuasa dan Kerajaan untuk tidak terlepas pandang terhadap produk-produk plastik yang lain khususnya botol plastik, botol plastik ataupun termasuk juga cawan-cawan plastik yang digunakan untuk mengisi air mineral dalam bentuk cawan. Itu juga merupakan satu bahan pencemar yang sangat serius dan perlu kita tangani sama ada kita memberi insentif ataupun kita melarang, ataupun kita kena fikir cara-cara tertentu untuk mengurangkan penggunaannya.

Yang kedua adalah berkenaan dengan caj 20 sen itu tetapi sudah ataupun cadangan yang saya nak sampaikan di sini ialah memang kita perlu memastikan caj 20 sen itu di praktis dengan telus seperti apa yang berlaku di negara-negara lain. Kalau di negara UK apa yang kita kena bayar ialah *5 pound* ye *5 pound* setiap ianya hanya untuk pasar raya peruncit yang mengupah mengambil 250 orang pekerja dan ke atas. Kalau untuk pekedai-pekedai ataupun peruncit yang kecil maka tidak perlu bayar.

Kedua, adalah berkenaan dengan kalau kita banding dengan Pulau Pinang. Tuan Timbalan Speaker, Pulau Pinang mengadakan program ini secara berperingkat. Dia lebih berperingkat daripada Selangor. Selangor daripada satu sampai terus kepada tujuh hari seminggu. Pulau Pinang satu hari, ditambah ke 3 hari kemudian ditambah ke tujuh hari seminggu. Cuma daripada statistik, saya mohon kalau kiranya kerajaan boleh bekalkan ialah di Pulau Pinang di dapati penjualan beg plastik adalah terbanyak di kedai serbaneka atau *7 Eleven*. Dan kerana ramai pelancong yang tidak tahu bahawa negeri Pulau Pinang ini mengamalkan dasar bebas plastik, bebas plastik setiap hari dan mereka kena bayar. Jadi dari situ kita boleh tahu bilangan amaun 20 sen yang dikutip kita boleh tahu di mana datangnya plastik ini dijual. *We will know which other outlet that sells the most number of the plastic.* Dengan itu boleh merangka dasar-dasar kerajaan dengan lebih *smart*, dengan lebih bestari supaya kita boleh melancarkan program kita dan juga menjalankan program-program pendidikan kita dengan lebih tertumpu kedai-kedai tertentu ataupun corak-corak *consumer* tertentu. Jadi, itulah sedikit sebanyak apa yang saya ingin bangkitkan di dalam Dewan yang mulia selepas membaca laporan. Itu sahaja. Saya menyokong. Terima kasih.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Ada Yang Berhormat

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Dengkil

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam Penyata Jawatankuasa berkenaan dengan Polisi Bebas Plastik Dan Polistirena Negeri Selangor. Seperti mana kita maklum, bermula Januari 2017, Satu Januari Kerajaan Negeri telah mengumumkan pelaksanaan dasar baru yang mewajibkan pengguna di Selangor membayar 20 sen caj bagi setiap penggunaan beg plastik di setiap premis. Dasar baru ini antara adalah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik selaras dengan Kempen Kitar Semula dan Pemeliharaan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, dasar itu telah mendapat banyak reaksi negatif daripada pelbagai pihak khususnya rakyat Negeri Selangor kerana mereka terpaksa membeli ataupun membayar kos caj setiap kali membuat pembelian di mana-mana premis di dalam negeri ini. Caj tersebut merupakan satu bebanan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat khususnya bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Yang Berhormat EXCO dalam satu kenyataan juga mengatakan caj 20 sen tersebut dikira sebagai hasil jualan kepada para peniaga selain mengesyorkan mereka menggunakan hasil kutipan itu untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial CSR. Namun begitu, status sama ada para peniaga ini benar-benar menggunakan wang terkumpul daripada penjualan beg plastik tersebut untuk tujuan pemeliharaan alam sekitar masih lagi menjadi tanda tanya. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meminta atau mengarahkan pihak peniaga untuk menyalurkan kutipan caj 20 sen untuk tujuan CSR sama ada untuk rakyat mahupun pembangunan alam sekitar di dalam negeri ini. Tiada sebarang peruntukan undang-undang sama ada enakmen, peraturan dan syarat boleh mengarahkan para peniaga berbuat demikian. Para peniaga boleh memilih untuk melaksanakan CSR atau tidak walaupun telah mengenakan caj 20 sen ke atas pengguna. Maka dasar yang cuba dibuat oleh Kerajaan Negeri, ini jelas memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada para peniaga tanpa menghiraukan kebijakan pengguna. Mana tidaknya kos plastik hanyalah sekitar 0.03 sen sehelai dijual pada harga 20 sen. Jadi, saya mewakili daripada Barisan Nasional mencadangkan agar Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Harapan haruslah terlebih dahulu mempromosikan budaya tanpa plastik beg plastik ini kepada rakyat sebelum pelaksanaan secara drastik dilakukan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Jangka masa atau notis yang tertentu

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Haruslah diberikan bagi mendidik rakyat untuk berubah menggunakan pembungkus alternatif selain daripada beg plastik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya nak habis dah Kampung Tunku.

**TUAN TIAMBALAN SPEAKER:** Bagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** .Saya tak bagi. Mengenakan caj 20 sen tanpa hari-hari tertentu kepada pengguna adalah merupakan satu tindakan yang tidak munasabah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kempen yang seharusnya memberi berkesan Bebas Plastik telah menjadi Kempen Beli Plastik di Negeri Selangor ini. Oleh yang demikian, saya memohon Kerajaan Negeri dapat memperhalusi kembali dasar yang dibuat ini bagi memberi ruang kepada rakyat untuk belajar sesuatu perkara baru dan cuba menjadikan ianya budaya sebelum pelaksanaan drastik ini dibuat secara terburu-buru. Terima kasih, saya ucapkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya juga tertarik untuk perbahasan Usul Nombor 2 Tahun 2017, Penyata yang dibentangkan oleh berkenaan dengan plastik, bebas plastik oleh JPPBT dan di sini ingin saya nyatakan bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Dengkil mengatakan 20 sen ini satu bebanan kepada rakyat, saya rasa itu satu tuduhan yang tidak berasas kerana kerajaan tidak memaksa sama ada mesti bayar 20 sen, kalau dia tak ambil plastik dia tak perlu bayar. Jadi, 20 sen itu bukan, itu tujuan untuk mendidik. Dalam konteks ini dan Dengkil lupa bahawa di Melaka juga kempen-kempen yang sedemikian juga dilakukan. Tetapi dia tak nampak perkara ini, dia hanya tuduh di Negeri Selangor. Jadi, Dengkil, di Wilayah, Dengkil ini perlu lihat secara makro dan secara holistik, jangan pandang dalam sudut yang sempit. Jadi saya minta Dengkil pun tolonglah Kerajaan negeri sama-sama

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Mohon mencelah Y.B. Sekinchan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kinrara minta

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya ingin bertanya pandangan Y.B. Sekinchan. Sama ada kempen plastik 20 sen itu sekiranya dibandingkan dengan GST yang mana satu lebih membebankan rakyat?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Yang Berhormat Kinrara kerana memberi celahan. Ya, memang sudah ternyata terang lagi bersuluh. Yang 6% tiap-tiap hari menekan rakyat, Dengkil terlupa dan Dengkil pun tidak memperjuangkan, membisu seribu bahasa, angguk, enggeh, enggeh, enggeh dengan izin, ya, ya sahajalah, itu jawa enggeh, enggeh, enggeh. Jadi itulah sepatutnya diperjuangkan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** *We talking about GST ataupun beg plastik bukan*

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, saya kaitkan dengan cara hujahan Dengkil itu

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Dengkil cerita fasal beg plastik

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang mengelirukan Dewan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** GST tu dah isu lama dah

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dia tak boleh jawab, dia kata itu isu lama. Ini isu relevan. Tuan Timbalan Speaker, gaya melihat kita bagaimana Wakil Rakyat yang mewakilkan rakyat, memperjuangkan hak rakyat dengan cara yang profesional. Ini Dengkil cuba elak, lari daripada isu yang sebenar. Ini Dengkil. Dulu, kini dan selamanya UMNO kaki kencing. Ha, ini dia. Ini saya nak bagi tahu, ini terang. Jadi, saya bagi tahu Dengkil cukuplah. Memang dah terang, 20 sen ini, ya pelaksanaan permulaan memang ada protes, memang ada protes sebab belum biasa, belum biasa. Kita kena didik secara beransur dan kita minta kerajaan dalam konteks ini kena merangka, susun dengan apa dengan perancangan dengan lebih rapi supaya

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jangan ada kekecohan. Ha.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kampung Tunku petang ni dia *super active*.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, kerana ini kita bincang dengan fakta. Fakta ialah soalan saya ialah adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam 4 bulan selepas kita melancarkan program bebas plastik dan kita *band* penggunaan polistirena, Sungai Klang lebih bersih, lebih jernih sekarang. Sampah dia kurang. Adakah ini benar atau tidak?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih YB Kampung Tunku. Ya, ini mungkin antara faktorlah. Mungkin antara faktorlah ya. Saya tidak kenal pasti mungkin antara faktor kerana kalau kita kurangkan polistirena, sesungguhnya polistirena ini akan kurang ya. Maknanya didikan itu harus dilakukan dan juga dasar itu harus dilancarkan, harus dilaksanakan walaupun ada kritik. Ini sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita kena laksanakan. Tapi walau bagaimanapun, saya minta pihak kerajaan seperti apa yang Dengkil kata tadi 20 sen itu, kita tidak boleh dijadikan mereka (peniaga-peniaga) ada peluang untuk mereka mengaut keuntungan. Ini jangan dijadikan satu peluang.

Dan saya ada pengalaman. Saya pergi ke kedai Machines yang jual Iphone, jual aksesori Iphone, Ipad dan sebagainya. Apabila saya pergi dan saya minta plastik, mereka nak kenakan saya RM1. RM1 sebab plastik mereka lebih mahal, kualiti yang lebih baik. Minta RM1. Akhirnya saya gunalah sebab saya sanggup, saya ambil RM1. Masalahnya saya tanya pekerja/staf mereka, ini duit di kumpul ke mana? Dia kata akan masuk sistem. RM1 itu ya. Jadi saya akur. Tapi masalahnya di sini, persoalan di sini saya minta perkara ini harus diteliti ialah kita adakan satu tabung yang khusus dan ada akaun tiap-tiap tiga bulan ke, tiap-tiap bulan ke oleh seluruh kedai-kedai di yang melaksanakan kempen bebas plastik 20 sen (caj 20 sen) ini supaya ini ada satu dana yang besar dan ini boleh kita jadikan kerajaan negeri jadikan ini sebagai pilot projek untuk laksanakan CSR. Boleh kita tambah 100 lagi bilangan *fustem* di semua kawasan. Mungkin itu dijadikan duit sebab duit ini daripada CSR ataupun kita tanam pokok. Tanam pokok di Sekinchan, di Dengkil, di mana-mana tempat untuk kehijauan kelestarian alam. Ini yang boleh kita lakukan. Beli pokok dan sebagainya. Biar kita war-warkan berita ini supaya tahu ini akaun berapa kita kumpul dan kita tak ambil duit. Ada orang UMNO ni jahat. Dia tuduh kerajaan ambil duit. Ini kerajaan ambil 20 sen. Sebenarnya kerajaan tidak. Dan yang paling teruk Tanjong Karang (Ahli Parlimen dia), oh macam-macam dia tuduh. Seolah-olah dia juara padahal dia pun lebih teruk daripada itu.

Jadi saya bagi tau jangan gunakan isu ini untuk jadi juara tapi kita sama-sama dalam Dewan yang mulia ini kita didik rakyat kita supaya lebih mesra alam dan tahu tanggungjawab kita dan kita boleh jadikan kempen bebas plastik ini menjadi kempen

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

yang berjaya. Saya rasa begitulah selamanya. Saya menyokong usul ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya persila pihak kerajaan respon.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih kepada Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Ataupun JPBT dan juga YB Kampung Tunku, Dengkil dan Sekinchan yang mengambil bahagian dalam penyata ini (perbincangan penyata ini). Saya ingin memetik satu ayat yang selalu disebut oleh YAB Dato' Menteri Besar “belum ditanya sudah buat, belum dikuatkuasakan sudah siasat”.

Jadi, Jawatankuasa ini sangat prihatin, sangat efisien dan semua saranan, nasihat, cadangan yang berada dalam penyata ini dan juga beberapa cadangan daripada YB Kampung Tunku, Dengkil dan juga Sekinchan akan diteliti oleh kerajaan negeri dan jawapan bertulis dan secara perinci akan diberi kepada Dewan ini pada sesi yang akan datang. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Bukit Lanjan.

Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi “Bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan Berhubung Polisi Bebas Plastik dan Polistirena Di Negeri Selangor yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.4 Tahun 2017”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ‘YA’, yang tidak bersetuju sila katakan ‘TIDAK’. Usul dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Usul seterusnya Usul No.3 Tahun 2017, Usul di bawah Peraturan tetap 76(5) oleh YB Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut “bahawasanya menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Usul No.20 Tahun 2016 di bawah Peraturan Tetap 20(61-P) untuk merujuk

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

YB Dato' Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Adun Batang Kali) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan berdasarkan ucapan beliau di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil.5 Tahun 2017”.

Tuan Speaker, Suatu usul telah dibawa oleh YB Sungai Pinang dan diluluskan oleh Dewan pada Persidangan bertarikh 10 November 2016 yang lepas untuk merujuk YB Batang Kali ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Oleh itu, perkara ini hendaklah teliti dengan mendalam dan adil oleh pihak Jawatankuasa. Sewaktu YB Batang Kali dipanggil untuk menjelaskan dirinya, Jawatankuasa telah berulang kali bertanya kepada YB Batang Kali mengenai perbezaan antara raja berperlembagaan dan parlimen berperlembagaan. YB Batang Kali menjawab berkali-kali juga bahawa beliau tidak pasti dan enggan menjawab soalan-soalan berkenaan meskipun YB Batang Kali telah mengaku membaca dan meneliti kesemua 18 matlamat Perlembagaan Parti DAP ataupun Parti Demokratik (*Democratic Action Party*).

Tuan Speaker, Jawatankuasa merasa hairan dengan jawapan ini. Menurut kajian ringkas yang dilakukan oleh pihak Jawatankuasa, jawapan yang menjelaskan konsep parlimen berperlembagaan ini amat mudah didapati melalui carian *online*. Merujuk laporan Suruhanjaya *Reed* ataupun *Reed Commission* 1957, Bab 4 (parlimen dan eksekutif), artikel 57 dan 58(1), konsep parlimen berperlembagaan merangkumi institusi raja dan dua dewan dan kuasa institusi raja tersebut dihadkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini bermaksud apabila sesuatu individu atau parti politik menimbul bahawa mereka mendukung konsep parlimen berperlembagaan itu bermaksud parti politik tersebut mendukung institusi raja di Malaysia. Institusi raja ini ialah suatu cabang wajib yang ada dalam konsep parlimen berperlembagaan di Malaysia. Tiada institusi raja, tiada parlimen berperlembagaan.

Oleh sebab itu, jelas menunjukkan bahawa ucapan YB Batang Kali amat tidak wajar dan boleh dielakkan jika beliau membuat kajian ringkas sebelum mengutarakan soalan tersebut. Jawapan kepada soalan beliau bukan satu rahsia dan maklumat berkenaan boleh didapati dengan mudah melalui carian atas talian. Menyediakan kerana beliau ialah seorang Ahli Yang Berhormat dan perlulah menunjukkan kematangan dan kefahaman intelektual terhadap konsep-konsep asas demokrasi negara. Walaupun kenyataan YB Batang Kali berkenaan parti DAP tidak merujuk kepada mana-mana Ahli Dewan Negeri, namun ia amat jelas bahawa ucapan YB Batang Kali mempunyai unsur sangkaan jahat untuk mengelirukan rakyat dan mempunyai niat yang menaruh prasangka buruk terhadap parti DAP.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Selepas Jawatankuasa mendengar keterangan YB Batang Kali, Jawatankuasa membuat keputusan bahawa YB Batang Kali perlu dikenakan hukuman yang setimpal. Oleh itu bagi memastikan perkara sedemikian tidak berulang pada masa hadapan, Jawatankuasa mengesyorkan supaya satu hukuman berbentuk pencelaan ataupun *admonishment* dikenakan terhadap YB Batang Kali. Justeru, satu pencelaan ataupun *admonishment* perlu diberikan kepada YB Batang Kali supaya beliau lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam semua ucapan beliau dalam Dewan. Syor Jawatankuasa untuk mengenakan hukuman berbentuk pencelaan ataupun *admonishment* juga merupakan pengajaran kepada semua Ahli Dewan Negeri supaya tidak menaruh prasangka buruk sewenang-wenangnya. Tindakan YB Batang Kali telah membazirkan masa dan sumber tenaga Dewan Negeri Selangor kerana jawapan kepada persoalan beliau mudah didapati.

Akhir sekali, Jawatankuasa Hak dan Bebas berpendapat bahawa semua Ahli Dewan Negeri hendaklah lebih bertanggungjawab dan berhati-hati sebelum mengutarakan persoalan yang boleh mengelirukan rakyat. Saya mohon membawa usul ini untuk disokong dan diluluskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Seri Andalas. Ada penyokong?

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat menyokong. Perbahasan saya buka. Dipersilakan Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih YB Timbalan Speaker. Bagi saya ini jawapanlah ya kepada apa yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak bagi menjatuhkan hukuman pencelaan ke atas diri saya. Bagi saya, konsep yang diakui Malaysia diterima pakai seluasnya ialah raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen, bukan parlmen berperlembagaan. Istilah parlmen berperlembagaan ini terlalu asing. Di luar pengetahuan am, tidak wujud dalam mana-mana dokumen rasmi mahupun tidak rasmi selain dalam Perlembagaan DAP yang berbunyi “menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem parlmen berperlembagaan”. Bahkan tiada mana-mana fasal dalam Perlembagaan DAP yang menyebutkan sama ada istilah atau kedudukan institusi raja. Oleh itu sangat relevan timbulnya persoalan, adakah DAP menjunjung institusi raja. Malah dalam titah Tuanku sewaktu membuka Dewan yang dipersembahkan oleh YAB Dato' Menteri Besar jelas menyebut istilah prinsip raja berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap YB Batang Kali. Saya. Duduk sekejap. Saya terfikir apabila Jawatankuasa ini memanggil Yang Berhormat ke pendengaran tertutup, apakah fakta-fakta yang disebut seumpama tadi itu telah dikemukakan kepada Jawatankuasa tersebut. Melihat kepada kertas ini, saya boleh beranggapan dan berfikir bahawa sebahagiannya telah Yang Berhormat nyatakan dalam sesi pendengaran tersebut. Sekiranya Yang Berhormat mengulangi, mungkin tidak relevan tetapi saya membuka ruang kepada Yang Berhormat untuk berbahas bagi menumpukan kepada tajuk sama ada wajar atau tidak wajar pencelaan itu dibuat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya katakan bahwasanya hari ini pada masa saya disoal siasat saya lebih menekankan kepada kesalahan, apakah kesalahan-kesalahan saya. Pada hari ini ditimbulkan kembali bahwasanya interpretasi apakah taksiran nak dikatakan taksiran itu. Jadi hari ini saya bawa taksiran-taksiran yang dikehendaki. Kalau nak diikutkan saya tidak bersetuju sama sekali dengan hukuman pencelaan atas diri saya. Bagi saya tiada sebarang asas dalam peruntukan atau pun mana-mana perkara dalam peraturan dewan yang mensabitkan kes saya. Dan kalau ini keputusan dewan saya mohon Speaker dan dewan menentukan bahawa batang tubuh seorang wakil rakyat itu atau ahli dewan termasuk parti yang dianutnya kerana asas keputusan daripada dapatan jawatankuasa hak dan kebebasan ini menjurus kepada membela DAP daripada batang tubuh ahli dewan itu sendiri. Ini saya nak tekan kalau ini tafsiran dewan saya mohon ketetapan mulai dari hari ini sesiapa yang mensabitkan atau menggunakan nama parti-parti anutan seseorang batang tubuh ahli dewan itu dikira sebagai satu kesalahan. Saya sangat tidak faham kerana dewan mendahulukan hak DAP daripada ahli dewan seperti saya, itu sebabnya saya nak baca yang ini. Saya nak membela sikit apakah sebenarnya kesalahan saya. Saya bertanya kepada Menteri Besar jawab sahaja ia atau tidak. Membuang masa kita untuk bawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, nak buat apa. Kalau Menteri Besar pada hari itu bangun cakap tidak ada cerita. Tapi tidak ada seorang yang menjawab dalam penggulungan pun tidak ada nak jawab. Kenapa, kenapa mesti dibenarkan untuk dibawa ke Jawatankuasa Hak, siapa kita nak bela.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini nak saya beritahu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker sebenarnya saya telah membangkitkan bantahan apabila Yang Berhormat Batang Kali menyatakan tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali duduk dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tak bagi laluan pun.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat duduk dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tak bagi laluan, bagilah saya terang, saya nak cakap bahawasanya kenapa saya dicela.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tadi dia kata kenapa tidak bantah, sebenarnya saya yang bantah dan saya bangun dan bantah di sini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, ya

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya hendakkan jawapan daripada Menteri Besar ya atau tidak kerana saya ada keraguan. Kalau saya ada keraguan jawab macam yang dibuat oleh banyak ahli-ahli dewan hari ini. Semua menuduhkan UMNO, menuduh Barisan Nasional, pengkhianat, penyamun dan sebagainya. Adakah kami bawa ini sebagai satu celahan. Tak ada.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Peraturan tetap, Yang Berhormat duduk dulu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya tidak mahu mengganggu dan tidak mahu menjelaskan hak Yang Berhormat Batang Kali untuk membela diri. Cuma saya kira ini ada berkaitan dengan peraturan tetap iaitu 36(7) iaitu nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang Dipertuan Agung atau nama Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi dewan. Jadi saya kira dalam pembelaan tadi ada menyebut, saya kira patut ditarik balik supaya dia tidak dilihat sebagai menyalahi peraturan tetap 36(7) ini. Saya mohon ditarik balik.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini titah Tuanku sewaktu,,,

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap Yang Berhormat saya nak buat *ruling* sekejap. Yang Berhormat duduk dahulu. Perkara yang sedang kita bahaskan ialah mengenai satu perilaku seorang ahli Yang Berhormat. Dan perkara itu juga berkaitan dengan jenis ataupun tuduhan yang dikemukakan terhadap beliau dalam sidang yang lepas. Iaitu satu dakwaan terhadap satu pihak yang tidak menghormati Raja Berperlembagaan. Dia bukan bagi saya soal siapa dan parti mana tetapi isu Raja Berperlembagaan yang kita junjung tinggi di Selangor dan Malaysia dan saya juga menarik perhatian Yang Berhormat Sungai Pinang ketika menegur sebentar tadi ada menyebut tentang jangan menyebut Duli Yang Maha Mulia sebagai asas untuk berhujah. Saya melihat begini, kalau sekiranya Yang Berhormat menjadikan Duli Yang Maha Mulia atau Institusi Raja sebagai asas berhujah dia boleh. Cuma kalau sekiranya untuk menyatakan bahawa saya dituduh kerana dikatakan merendahkan Institusi Raja itu tidak boleh. Saya ulang balik kalau tidak jelas. Bila kita berhujah untuk menjadikan Raja Berperlembagaan sebagai asas berhujah tidak bolehlah. Sebab dia adalah Institusi yang telah dimaktub dan dimuliakan sebeginu rupa. Tapi sekiranya untuk membela diri bagi kodkan kalimah itu tidaklah menjadi kesalahan. Saya persilakan Batang Kali, sambung.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itu sebabnya saya nak terangkan tadi apa yang dikatakan oleh Seri Andalas. Ia juga merujuk kepada laporan Suruhanjaya Reid 1957. Yang menyatakan konsep Parlimen Berperlembagaan juga merangkumi Institusi Raja dan dua dewan dan kuasa Institusi Raja tersebut di hadkan oleh Perlembagaan Persekutuan adalah longgar. Bagi saya ini adalah juga betul istilah itu sama kenapa tiada mana-mana sarjana ataupun ahli sejarah mengakui perkara ini dan turut digunakan sebagai rujukan dalam kertas jawatankuasa. Adakah ianya hanya wujud dalam laporan Suruhanjaya Reid 1957 sahaja? Tidak disebutkan dua cabang di bawah kuasa iaitu cabang eksekutif ataupun kehakiman. Ini hanya bermakna konsep ini hanya tempang jika gandingan Raja Berperlembagaan ialah demokrasi berparlimen. Lalu apakah gandingan untuk parlimen berperlembagaan?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Minta pencelahan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tapi kami.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta mencelah, Batang Kali, Kota Anggerik minta bagi atau tidak bagi.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya habiskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi beliau habiskan dahulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dia ada peluang untuk berbahas, tak payah nak soal saya. Bahas lepas ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini saya nak bela diri saya nak membahas.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ada kecelaruan, minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak, saya nak baca ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali tidak bagi, duduk dulu.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya nak terang.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sedikit, teks itu boleh buat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak apa *you* bahas selepas ini, Yang Berhormat boleh bahas bagi kami prinsip Raja Berperlembagaan tidak sekali-kali sama dengan prinsip Parlimen Berperlembagaan. Raja Berperlembagaan bermaksud bahawa Institusi Raja masih kekal memayungi atau mengetuai sesbuah kerajaan tetapi kuasa dan fungsinya sudah di batasi oleh berperlembagaan yang ada aturan dan pecahan iaitu tiga cabang, kuasa eksekutif, kuasa legislatif dan kuasa *judiciary*. Misalnya di Negeri Selangor, kuasa mutlak Duli Yang Maha Mulia Sultan telah dibatasi oleh perlembagaan. Undang-Undang Tubuh Negeri dengan wujudnya tiga cabang, kuasa eksekutif yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kuasa legislatif iaitu Dewan Negeri dan kuasa *judiciary* oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Namun Duli Yang Maha Mulia Sultan masih mengekalkan kuasa sebagai Ketua Agama Islam Negeri. Demokrasi berparlimen bermaksud sebagai ahli-ahli yang menduduki kerusi parlimen dipilih melalui proses demokrasi yang diadakan melalui proses pilihan raya setiap lima tahun sekali. Adapun untuk istilah parlimen berperlembagaan kita cenderung untuk memahami bahawa ia bermaksud parlimen adalah institusi tertinggi dan bukannya institusi raja. Ahli-ahli parlimen pula.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dipilih dari

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Di kalangan rakyat dan biasanya tertinggi ialah berjawatan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dipanggil Presiden.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kampung Tunku minta penjelasan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Dan kuasanya oleh perlembagaan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Adakah Yang Berhormat faham makna cokmar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Duduk, I tidak bagi jalan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ada tak Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** / tidak bagi jalan, duduk.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali, saya minta persetujuan Yang Berhormat bagi atau tidak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** / tidak bagi jalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kampung Tunku duduk dahulu,tak bagi jalan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ada

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kampung Tunku duduk dulu .

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Duduk, *last* ini, *point last* lepas ini bahas, ada peluang nak bahas, bahas. Yang akhir sekali mungkin inilah konsep pelaksanaan bagi maksud parlimen berperlembagaan yang diperjuangkan oleh DAP misalnya yang dilaksanakan di negara Singapura yang diketuai oleh *People Action*

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

*Party.* Di mana Presiden dipilih dari kalangan rakyat biasa dan kuasa eksekutif. Perdana Menteri kekal mengetuai pentadbiran negara sementara kedudukan fungsi dan kuasa Institusi Raja telah dilenyapkan selama-lamanya. Inilah penerangan yang saya nak bawa pada hari ini untuk.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini yang saya katakan niat jahat, betul, betul jahat, ucapan yang diberikan ada niat jahat, betul jahat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Untuk perhatian, untuk pertimbangan daripada dewan sekalian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Batang Kali, saya bagi Pandamaran dulu.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, sebelum saya mulakan ucapan, saya berasa hairan atas dua perkara, pertama Batang Kali membela sendiri pun perlu baca teks, dia pun tidak tahu apa untuk dia bela sendiri, seolah-olah orang sedia, dia baca.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak payah nak pertikaikan benda itu, jawab kalau nak jawab, bahas apa nak bahas.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kalau nak bahas.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya tidak bagi laluan, duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bukan kalau awak nak duduk bagi Speakerlah.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Duduk.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker bagi saya duduk, saya duduklah.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Peraturan tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali duduk.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Baru saya boleh duduk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Yang kedua saya lihat Yang Berhormat Barisan Nasional tidak menghadiri secara sepenuhnya untuk menyokong. Jadi saya rasa itu kedudukan beliau yang dipanggil sendiri sebagai penyelaras perlu dikaji semula oleh Barisan Nasional. Macam mana semua ahli pun tidak datang untuk menyokong jadi seolah-olahnya mereka bersetuju jadi tidak ada apalah ingin berbahas.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itu prasangka jahat.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Itu bukan prasangka jahat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Jahat.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Duduk saya tidak bagi laluan, duduk....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Batang Kali, Yang Berhormat tidak beri laluan, sila Yang Berhormat Batang Kali duduk, duduk Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Peraturan tetap. Dia dah duduk tak apa saya dah boleh teruskan, dengar baik-baik, tak per nanti ada *change* untuk bahas seperti yang dinyatakan oleh Batang Kali tadi. Ok biar saya teruskan. Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker. Ok, saya sebenarnya ingin menyatakan bahawa Jawatankuasa ia telah gagal mengambil kira *seriousness* terhadap ucapan Yang Berhormat Batang Kali dengan sewajarnya. Tuan Timbalan Speaker, kita perlu mengiktiraf pada bila-bila masa bukan sahaja di dalam dewan yang mulia ini tetapi di mana-mana bahawa Kedaulatan Institusi Raja adalah atas politik kita perlu sentiasa diingati bahawa supaya jangan terlibat Institusi Raja dengan politik. Saya rasa kandungan ucapan Batang Kali sebenarnya perlu dipertimbangkan ataupun diambil berat apabila mempertimbangkan hukuman yang seharusnya dijatuhkan. Saya bagi contoh ya, Tuan Timbalan Speaker, Seksyen 503 iaitu berkenaan dengan ugutan jenayah di bawah Kanun Keseksaan, di bawah seksyen ini bukan kesemua ugutan akan menjadi jenayah tetapi hanya kandungan yang tertentu akan menjadi jenayah yang di bawah seksyen ini dia menyatakan bahawa hukuman *Whoever threatens another with any injury to his person, reputation or property, or to the person or reputation of any one in whom that person is interested who intent to cause alarm to that person.* Ini bermaksud kandungan satu ucapan adalah sangat penting, kalau tuduhan ataupun apa dakwaan yang dibuat terhadap satu barisan satu parti politik saya rasa itu sentiasa berlaku dalam dewan yang mulia ini seperti yang telah dinyatakan oleh Batang Kali tetapi *seriousness* ataupun kesungguhan dalam ucapan Batang Kali adalah beliau telah dengan tidak munasabah

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

melibatkan Institusi Raja di dalam dengan politik. Saya rasa itu, itulah sebab kenapa beliau seharusnya disabit salah dan dihukum dan saya berpendapat bahawa hukuman itu terlalu ringan terhadap beliau. Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin menyatakan bahawa dalam laporan yang telah disediakan ini Batang Kali telah tidak dapat menjawab perbezaan walaupun tadi dia bagi baca teks dia ada banyak penjelasan berkenaan definisi Raja Berperlembagaan dan juga Parlimen Berperlembagaan. Tapi saya ingin menarik perhatian satu istilah baru telah dikenali dalam Kanun Keseksaan ini. Kanun Keseksaan ini satu undang-undang yang lama tetapi ada beberapa seksyen adalah seksyen yang baru iaitu seksyen 124 B sehingga 124 G Kanun Keseksaan. Yang baru sahaja digubal di parlimen pada 31 Julai 2012. Dalam beberapa seksyen ini nampaknya Kerajaan Persekutuan berniat untuk mempertahankan demokrasi berparlimen. Ini satu istilah yang baru dan saya juga ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini bahawa istilah ini tidak didefinisikan dalam Kanun Keseksaan walaupun dia memasukkan ini merupakan satu jenayah yang amat serius di mana sekiranya disabit salah boleh dipenjarakan selama dua puluh tahun tetapi apa bermaksud berkenaan dengan Demokrasi Berparlimen tidak didefinisikan dalam Kanun Keseksaan. Kita tahu bahawa walaupun Undang-undang ini baru digubah tetapi banyak pihak telah disiasat di bawah itu termasuk Maria Chin Abdullah iaitu Pengurus Bersih. Saya rasa dia seorang wanita yang boleh disanjung tinggi oleh rakyat-rakyat Malaysia. Dan itulah kalau kita lihat Demokrasi Berparlimen, dia selaras dengan matlamat pertama DAP yang menyatakan konsep Demokrasi yang berlandasan nilai Demokrasi sosial di Malaysia menerusi sistem Berparlimen Perlembagaan itulah sama maksudnya dalam pandangan saya kerana dia tidak definisikan maka pihak-pihak masing-masing berhak untuk memberi maksudnya masing-masing. Walaupun Batang Kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI AHMAD DAHLAN:** Mencelah, bagi tafsiran masing-masing

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Duduk saya tak bagi laluan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI AHMAD DAHLAN:** Bagi tafsiran masing-masing

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Batang Kali duduk dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandamaran punya f/oor, duduk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Dengar, apabila Batang Kali sebut tak benarkan orang penjelasan yang minta penjelasan tapi ia apabila bagi, hujan saya, kenapa takut sangat. Tak perlu takut kalau tidak betul ada orang yang akan memberi pandangan di luar Dewan Yang Mulia ini. Okay

**Y.B. TUAN MAT NADZARI AHMAD DAHLAN:** Beri laluan.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Pandamaran beri laluan ke?

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Tidak, saya nak bagi satu, saya tidak akan beri laluan kepada Batang Kali sepanjang .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Biar, biar duduk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Timbalan Speaker, saya nak ingin memberitahu Batang Kali bahawa saya tidak akan memberi laluan kepada beliau sepanjang hujah saya, okay faham ? Okay, Tuan Timbalan Speaker perbuatan Batang Kali untuk melibatkan Institusi Raja dengan Politik adalah tindakan yang menghina Institusi Raja dan ucapan beliau tersebut saya merujuk kepada penyata. Hujah penyata tersebut bukan sahaja mendakwa DAP, bukan mendakwa terhadap DAP tapi dia juga terhadap seluruh Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor kerana DAP merupakan satu Parti komponen yang penting dalam Kerajaan negeri Selangor. Jadi ia merupakan satu tindakan yang boleh disiasat di bawah Seksyen 3(1)(c) Akta Hak Sultan 1948. Maka melanggar Seksyen 36 atau pun Peraturan 36(10b) Peraturan-peraturan Tetap. Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Sg Pinang yang diluluskan dalam Dewan Yang Mulia ini tidak menyatakan secara spesifik di bawah mana satu Peraturan Tetap di mana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dihadkan untuk menyiasat Batang Kali. Itu perlu di peringatkan kerana dia macam tak faham tadi dia nyatakan dia beri pembelaan untuk menyatakan bahawa beliau tidak melakukan apa-apa salah di bawah Peraturan Tetap 36(2) tetapi beliau kena faham bahawa siasatan itu tidak berhak kepada mana-mana satu Peraturan Tetap. Jadi saya berpendapat bahawa beliau juga melakukan satu kesalahan di bawah Akta Sultan tetapi saya akan terpulang kepada Dewan Yang Mulia ini sama ada untuk membuat satu laporan polis selepas Dewan Persidangan Dewan pada hari ini.

Selepas meneliti laporan penyata ini saya ada dua (2) pandangan yang saya ingin berhujah yang pertama itu, saya rasa alasan yang diberikan oleh Jawatankuasa adalah berdasarkan fakta yang tidak betul. Sebenarnya ucapan Batang Kali bukan dalam bentuk soalan, saya dah baca banyak kali, saya rasa jelas dakwaan itu terus kepada DAP atau pun terus terhadap Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor di mana DAP merupakan satu komponen Parti yang penting. Jadi tidak ada soalan kerana saya tengok sebahagian besar dalam Penyata ini dalam jawapan yang diberikan bahawa adalah ini merupakan pernyataan Batang Kali adalah dalam bentuk soalan. Jadi itu telah diambil dipertimbangkan apabila hukuman diberikan. Saya rasa itu berdasarkan fakta yang salah kerana itu ucapan Batang Kali telah di lampirkan dalam lampiran 1 penyata ini. Jelas menyatakan ianya satu dakwaan ....

Yang kedua saya ingin menyatakan bahawa *admounishment* atau pun pencelaan yang telah dicadangkan dalam penyata ini. Ianya tidak menyatakan cara untuk dilaksanakan.

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Adakah Tuan Speaker atau pun Tuan Timbalan Speaker selepas Usul ini akan memberi *admonishment* tersebut terhadap Batang Kali dalam Dewan Yang Mulia ini secara terbuka atau pun satu Usul yang asing perlu di bawa untuk membincangkan atau pun mencadangkan macam mana *admounishment* tersebut perlu diberikan dan apakah kandungan *admounishment* tersebut. Saya rasa itu juga tidak dinyatakan dalam Penyata ini dan saya rasa adalah perlu sebenarnya untuk memberi semua butir berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan. Jadi semua Ahli Dewan Yang Mulia ini dapat mempertimbangkan secara keseluruhannya sebelum membuat keputusan sama ada bersetuju dengan hukuman yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Pada akhirnya saya ingin menyatakan lebih walaupun saya mencadangkan saya sebenarnya rasa lebih baik sekiranya Jawatankuasa bersetuju untuk menarik balik penyata ini dengan kebebasan untuk membentangkan satu penyata yang baru supaya mengkaji semula hukuman yang dicadangkan untuk dijatuhkan tetapi walau bagaimanapun saya rasa sekiranya Jawatankuasa rasa sesuai untuk Usul ini diteruskan, saya menyokong dan pada akhir sekali saya dimaklumkan bahawa Batang Kali telah mewujud perkara ini iaitu *Findings of Facts* atau pun keputusan Jawatankuasa ke Mahkamah. Betul tak Batang Kali ? Ya, jadi saya rasa saya nak tanya Batang Kali sama ada Batang Kali tahu bahawa perbuatan tersebut telah melanggar terus Article 72 Perlembagaan Persekutuan dan juga para perenggan kedua Jadual kepada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959. Saya rasa tindakan itu seolah-olahnya menghina Perlembagaan, sekali lagi saya rasa itulah sikap Batang Kali bukan kali pertama, saya pun pernah ada membawa Usul untuk merujuk Batang Kali ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya rasa semua ini memanglah cukup untuk menyokong cadangan yang dibuat oleh Jawatankuasa untuk menjatuhkan mensabitkan salah dan menjatuhkan hukuman. Walau bagaimana saya rasa hukuman itu terlalu ringan tetapi saya menghormati keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa. Oleh yang demikian, saya menyokong Usul yang dibawa oleh Sri Andalas, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya juga ingin turut serta dalam perbahasan oleh Usul yang dibawa oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Negeri Selangor dan saya meneliti Usul yang dibawa ini dan sebanyak 5 kali, 5 kali Jawatankuasa telah bersidang untuk dirujuk Yang Berhormat Batang Kali tentang siasatan dan sebagainya dan saya ucapkan tahniah kerana telah bertungkus-lumus untuk menyiasat dengan adil. Cuma saya nampak dalam perkara kandungan dalam siasatan ini dan Usul yang dibawa saya nampak cara Jawatankuasa ini memutuskan bahawa ini adalah soalan seperti yang ditegaskan oleh Pandamaran itu saya juga berpandangan yang sama dengan Pandamaran. Ini bukan soalan seperti apa yang dinyatakan dalam Perbahasan untuk tidak mengiktiraf Raja Perlembagaan, ini satu perkara tuduhan yang sangat serius terhadap Parti Komponen yang mana dia

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

secara tidak langsung secara langsung ia menujukan kepada DAP. Jadi ini perkara yang saya rasa Dewan harus mengambil pendirian yang tegas kepada Batang Kali. Daripada pembelaan Batang Kali bahaskan tadi pun beliau masih, beliau masih sikapnya yang begitu sompong dan angkuh cuba memainkan politik dalam isu ini untuk menjadi kepentingan menuduh Parti DAP seperti di Singapura. Ini niat dia yang sebenar, jadi saya kata niat jahat, niat jahat yang sengaja dibuat. Beliau faham apa yang sebenar terkandung soal Demokrasi Berparlimen, Raja Perlembagaan, beliau faham, beliau sengaja untuk menjadi publisiti mencari keuntungan dalam politik. Ini yang kita nak menegaskan kejahatan ini yang ada pada Batang Kali. Sebab itunya Jawatankuasa kita ini teliti perkara ini sekadar Batang Kali kalau dah kira memang tak cukup kerana beliau tidak insaf dan bertaubat dalam perkara ini. Walau bagaimanapun Tuan Timbalan Speaker sebagai sebuah Kerajaan Negeri Selangor yang peduli rakyat impulsif sifat kita berjiwa besar mahu menggunakan ruangan ini untuk menghukum beliau, kononnya kita menghukum beliau, tidak dan ambil tindakan yang sewajarnya supaya kenapa Jawatankuasa ini serius perkara ini. Ah kalau kita nak hukum kita boleh hukum seperti di Parlimen hukum Ahli-ahli kita gantung sewenang-wenangnya tanpa, tanpa rujuk Jawatankuasa terus seperti Gobind Singh dan sebagainya, tapi kita tidak. Di Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Negeri Selangor lain daripada yang lain. Barisan Nasional memang jauh dari Kerajaan yang ada sekarang, kita terbuka, sederhana dan inklusif, adil saksama ini Selangor. Gagasan matlamat Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEKER:** Sila Tanjong Sepat.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Tanjung Sepat ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Sekinchan bahawa tengok kesimpulan dari syor atau penyata ini nyatakan bukan sahaja ia tumpukan kepada Yang Berhormat Batang Kali tetapi adalah sebagai pengajaran, pengajaran kepada semua Ahli Dewan sendiri. Jadi adakah YB Sekinchan setuju atau memfokuskan bahawa hukuman itu pada semua atau Batang Kali sahaja?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ya, secara amnya ini ada satu hukuman pengajaran kepada semua Ahli Dewan tetapi secara khususnya untuk Batang Kali. Kita nak bagi tahu jangan salah gunakan Hak Kebebasan yang ada dalam Dewan ini. Ini buat untuk timbulkan perkauman sempit, perasaan ketegangan politik sempit dan sebagainya. Ini bukan masanya dan apa yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Pandamaran bahawa Najib berpendapat kita hujung tinggi itu jangan dikaitkan dengan nak cari keuntungan politik di dalam Dewan yang ini sejak 2008 kita bersama Komponen Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor Kerajaan Pakatan kita menjunjung tinggi, Institusi Raja dan dibela jangan ada sebarang gangguan. Ini sikap yang ada pada DAP tetapi kita Batang Kali sengaja cari peluang cari ruang di dalam Dewan ini untuk tuduh DAP dan kemudian mereka akan keluar ke kampung-kampung di pelosok kampung-

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

kampung dia tuduh DAP tidak menghormati Raja dan sebagainya. Inilah saya tengok di kampung-kampung termasuk Sekinchan. Ah.... Dengkil...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mohon penjelasan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ah.... Dengkil boleh...

**Y.B. TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Dengkil...

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya nak bertanya kepada Sekinchan penjelasan supaya kita tidak perlu pun ada penglibatan perbahasan seperti ini. Adakah Sekinchan mempunyai *political will* untuk memaklumkan kepada pimpinan atasan DAP supaya menukar terus tak perlu ada Parlimen memberi kekeliruan menukar terus yang mendokong Institusi Demokrasi Raja Berperlembagaan Demokrasi Berparlimen. Jadi kita tak perlu berdebat berbahas isu ini jadi adakah Sekinchan mempunyai *Political Will* atau pun kekuatan untuk memberikan cadangan kepada pimpinan atasan DAP.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Y.B. Dengkil yang saya rasa Y.B. Dengkil apa yang persoalan beliau lontarkan di dalam Dewan kerana beliau walaupun kita pagi tadi kita nak angkat dia sebagai Ketua Pembangkang saya rasa belum sampai tahap itu. Jadi kita bagi didikan sedikit masa belum cukup dari pertanyaan soalan yang dia ajukan saya rasa belum cukup lagi kita perlu lagi masa untuk beliau rizab pandangan kita. Tuan Timbalan Speaker saya ingin kembali kepada perbahasan saya kita mulakan semua pelbagai pandangan tapi pokoknya kita kena hormati Dewan yang mulia ini. Jadi, apa yang dicadangkan, yang diusulkan oleh Jawatankuasa, walaupun pada, saya nampak hukuman yang dikenakan, saya nampak, memang ringan kalau dikirakan. Tapi oleh keranalah, saya tegaskan sekali lagi kita berjiwa besar. Jadi Batang Kali, saya nak bagi tau, ini satu amaran, amaran keras kepada Batang Kali, jangan ulangi perkara yang sama, dia cuba menjadi hero dalam konteks ini untuk mengelirukan rakyat dan mengelirukan Dewan ini. Ini amaran keras. Jadi saya sokong apa yang diusulkan oleh Dewan yang mulia ini. Saya menyokong Usul ini. Sekian, terima kasih.

**TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, kita menyanjung kebebasan yang ada dalam Dewan yang mulia ini. Dan kita lihat perbahasan dalam dewan ini, kita memberi ruang yang luas kepada anggota Dewan dan saya dapat Tuan Speaker tidak pun menghentikan mana-mana anggota Dewan yang membuat isu-isu sensitif. Ini bukan bermakna anggota Dewan bebas membahas perkara-perkara kita rasa tidak perlu bahaskan. Dan ucapan Batang Kali juga telah ditegur oleh Ahli Dewan lain. Contohnya Sri Muda, telah bangkit tanya soalan yang sama, tetapi walaupun Speaker tidak memberi teguran, tetapi sanggahan-sanggahan daripada anggota Dewan ini

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

sudah memberi makna dan memberi isyarat bahawa kenyataan tersebut tidak wajar dibawa di dalam Dewan ini. Dan kita juga tidak tahu bahawa, anggota-anggota Dewan, dia dilindungi oleh perkara 72 (1 – 5) Perlembagaan Persekutuan, iaitu hak dan kebebasan anggota Dewan, dan semua ucapan Dewan tidak boleh dibawa ke mahkamah. Dan ini, keistimewaan anggota Dewan. Tetapi apa yang dibuat Batang Kali ialah, cuba mengheret, menghina parti-parti politik yang seolah-olah menolak konsep raja berperlembagaan. Kalau kita lihat Undang Tubuh negeri Selangor, Undang Negeri Selangor itu, sudah ada terangkan soal berperlembagaan dan juga soal eksekutif. Sebab itulah saya nasihatkan diri saya dan juga semua anggota Dewan. Kita bebas berbahas dalam Dewan ini dan Dewan ini bebas berbahas sampai hari ini, hari yang keenam, tetapi tidak boleh kita mengheret institusi istana dalam perbahasan kita. Sebab itulah, saya menyokong Usul ini, walaupun pada saya ia agak ringan, tetapi kita rasa, itulah hukuman yang sesuai kita beri pada Batang Kali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya tidak mengizinkan Yang Berhormat Batang Kali meminta penjelasan juga, kerana tadi saya pun tidak diberi peluang, tapi tidak apa. Tadi sebenarnya saya nak bertanya satu soalan yang mudah, apakah makna kita ada cokmar di depan kita ini. Bukankah ia melambangkan kuasa Tuanku Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan Negeri Selangor yang mulia ini. Bukankah tuanku sebahagian daripada Dewan Negeri Selangor ini. Jadi saya lihat Yang Berhormat Batang Kali mempunyai kecenderungan untuk melibatkan kita dalam permainan perkataan khususnya permainan perkataan-perkataan politik. Dan saya rasa ia satu sikap yang tidak wajar. Tuan Timbalan Speaker,dalam pendengaran tertutup pada 6 Februari 2017, Ahli Yang Berhormat Dari Batang Kali telah hadir. Dan beliau menafikan bahawa kenyataan beliau itu merujuk kepada mana-mana Ahli Dewan Negeri Selangor. Dan saya rujuk Perenggan 7(a) dan (b). Batang Kali juga menafikan bahawa beliau membuat kenyataan atau andaian tetapi hanya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sama ada terdapat sebahagian daripada komponen kerajaannya sekarang yang tidak mengiktiraf institusi diraja.

Dan saya merujuk kepada perenggan 7(d). Tapi Tuan Timbalan Speaker, dalam *posting facebook* Batang Kali, tidak lama sebelum 1 November 2016, iaitu yang bertarikh 26 September 2016, Yang Berhormat Batang Kali telah meletakkan satu gambar menunjukkan sebahagian isi kandungan perlembagaan Parti DAP Malaysia. Dan menulis kenyataan ini. Dan saya petik, “*baca baik-baik, di mana letak agama Islam didalam perlembagaan Parti DAP, dan apakah teras perjuangan mereka*”. Memang DAP perlu di gambarkan sebagai sebuah parti yang anti Islam, anti Melayu dan anti

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Raja Melayu. Itu adalah agenda politik UMNO selama ini. Jadi, kalau kita lihat dari sudut undang-undang jenayah, Tuan Timbalan Speaker, adalah jelas bahawa beliau mempunyai maksud *mens rea*. Ataupun motif, ataupun persiapan mental untuk melakukan satu tuduhan bahawa parti DAP Malaysia ini tidak mengiktiraf institusi agama atau raja. Dan oleh sebab itu, penafian Batang Kali pada pendapat saya, seperti apa yang ditulis dalam perenggan 7(a), (b) dan (d) adalah tidak benar dan tidak jujur kerana elemen *mens rea* dan *actus reus* Batang Kali telah terbukti melalui *posting facebook* beliau dan kenyataan-kenyataannya semasa Dewan bersidang pada 1 November 2016. Batang Kali telah melemparkan sangkaan jahat terhadap parti Malaysia, DAP Malaysia. Dan dia berkata bahawa dia tidak merujuk kepada mana-mana Ahli Dewan Negeri Selangor. Tapi soalan itu ialah siapakah DAP Malaysia, siapakah DAP Malaysia, kalau bukan kerana Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangornya di dalam Dewan yang mulia ini. Siapa DAP Malaysia. Kalau bukan kerana ada ADN nya di sini. Siapa parti Keadilan Rakyat, kalau bukan kerana ada ADN nya di sini. Siapakah UMNO, kalau bukan kerana ada ADN di sebelah sana. Jadi kita menang, dalam pilihan raya atas tiket parti masing-masing. Sekiranya apa yang dituduh oleh Batang Kali itu benar, maka mana-mana hujah yang dilafazkan oleh ADN DAP Malaysia di Dewan Negeri Selangor ini yang mewakili ahli DAP, termasuk Tuan Speaker, seperti yang diterangkan dalam perkara 72(5) Perlembagaan Persekutuan. Apa yang kita kata, sekiranya apa yang dikatakan, ataupun dituduh oleh Batang Kali itu benar, maka ia boleh dianggap disifatkan sebagai berniat untuk menganjurkan penghapusan kedudukan raja itu sebagai Raja Berperlembagaan negeri itu, sama ada secara tersurat atau tersirat. So if you speak something that is, that can be conceived, as menganjurkan penghapusan kedudukan raja. Ia dikatakan telah melanggar perlembagaan. Dan imuniti yang dikatakan dalam Perkara 72(1) Perlembagaan Persekutuan tidak terpakai. Jadi isu ini isu besar. Yang Berhormat Batang Kali kena bezakan. Kalau kita menuduh UMNO itu perompak, rasuah dan sebagainya, itu tidak melibatkan asas penubuhan negara kita. Tapi apabila kita menyebut tentang Institusi Raja Berperlembagaan, Institusi Raja Berperlembagaan ini, kita menyebut tentang asas penubuhan negara kita. *Foundation Of The Country*, dan (bahasa mandarin). Siapa yang hendak menganjur penghapusan raja berperlembagaan. Di Malaysia tidak ada. Kecuali satu sahaja, parti komunis. Yang Berhormat adakah bermaksud Yang Berhormat parti DAP ini parti komunis. Saya rasa tidak. Kerana kalau mana-mana parti ataupun individu menganjur idea seperti ini, pastinya parti itu akan diharamkan seperti apa yang berlaku kepada parti komunis. Jadi saya rasa itu adalah satu isu yang serius. Itu juga merupakan perbezaan antara tuduhan yang dilontarkan oleh Yang Berhormat dengan tuduhan-tuduhan yang lain yang selalu kita buat terhadap parti-parti politik.

Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan hukuman, jadi hukuman adalah dalam bentuk pencelaan seperti yang dicadangkan dalam penyata. Terdapat juga hukuman-

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

hukuman yang lain seperti penggantungan, *suspension*, ataupun penahanan gaji dan elaun. Di mana saya kira, jawatankuasa sudah pasti telah pun menimbangkan ke semua *option* yang ada di sini. Sungguhpun saya akur dan saya menyokong cadangan Penyata ini. Tapi kalau kita melihat keseriusan tuduhan liar yang dibuat oleh batang kali, kita akan mencapai satu kesimpulan bahawa hukuman yang setimpal ialah penggantungan dikuti dengan penahanan gaji atau elaun. Tetapi kita akur juga dengan keputusan mahkamah persekutuan dalam kes Yang Dipertua Dewan Rakyat lawan Gobind Singh Deo. Dan kita tidak dapat menahan, kita tidak boleh menyekat pembayaran gaji dan elaun kepada seseorang Ahli Dewan kerana keputusan Mahkamah Persekutuan ialah dalam masa sekarang, seseorang Wakil Rakyat itu memerlukan elaun ini untuk memastikan dia boleh berkhidmat untuk rakyat. Jadi itu adalah hujah daripada mahkamah persekutuan. Cuma saya rasa, mungkin pada masa yang akan datang dan memandangkan ini adalah kali pertama, Yang Berhormat Batang Kali diheret ataupun dikenakan tindakan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Kalau sekiranya pada waktu depan, waktu masa depan, ada lagi kes yang sama, kita mungkin boleh mengenakan denda dalam amaun yang tertentu di mana ia tidak bercanggahan dengan semangat keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Gobind Singh Deo. Jadi kita tidak perlu gantung terlalu lama, kita tidak perlu menyekat pembayaran gaji terlalu lama tetapi juga perlu dibayar satu amaun denda yang tertentu sebagai tanda hukuman. Jadi itulah apa yang saya hendak melafazkan di sini dan saya amat berharap perkara-perkara ini tidak akan berulang pada masa depan. Kampung Tunku mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ada dua lagi pembahasan lagi, saya minta diringkaskan. Saya beri KKB dulu. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya amat simpati dengan Yang Berhormat Batang Kali. Dia juga merupakan jiran sayalah di Hulu Selangor. Tetapi sampai saat ini, dia masih lagi tidak faham apakah kesalahan yang dilakukan. Jadi saya rasalah, saya rasa ini mungkin dia tidak tahu, perjuangan DAP dalam negara Malaysia ini. Saya ada satu cadangan kepada beliaulah. Bacalah buku ini, mengenai DAP. Kalau tak ada saya boleh bagikan. Supaya dia faham lagi berkenaan dengan perjuangan dan tidak melakukan kesalahan seperti itu lagi. Sekian saja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Akhir sekali Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Pendek sahaja. Saya hanya nak berkata bahawa sebagai satu ADUN DAP. Saya nak menggunakan satu minit sahaja untuk berkata sikit tentang apa yang dikatakan oleh YB Batang Kali. Ada satu peribahasa, *action speaks louder*

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

*than word*, dengan izin. Dalam 51 tahun kewujudan DAP, tidak pernah di DAP, DAP pernah memperjuangkan banyak perkara. Kita memperjuangkan pilihan raya yang bersih, kerajaan yang tidak sihat, tidak rahsia, rasuah. Kita memperjuangkan pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab, kita memperjuangkan hak rakyat untuk bersuara dan berhimpun. Kita memperjuangkan kesinambungan alam sekitar. Kami pernah membuat banyak cabaran. Mencabar banyak perkara yang berlaku di negara kita. Kita mencabar kerajaan yang rasuah. Kita mencabar kerajaan yang zalim. Kita mencabar kerajaan yang mengambil *personal donation*. Tetapi DAP dalam 51 tahun kita tidak pernah mencabar institusi diraja. Tidak pernah di manifesto DAP ada kita berkata sedemikian. Tidak pernah kita buat apa-apa yang dikatakan oleh Batang Kali. Apa yang Batang Kali katakan. Dia kata kita berdebat tentang apa definisi, Raja Berperlembagaan, definisi apa yang dalam perlembagaan DAP. Tetapi *action speaks louder than word*. Tidak pernah wakil rakyat DAP, mencabar institusi diraja. Oleh itu, apa yang dikatakan oleh Batang Kali saya berasa bahawa adalah satu tuduhan yang sangat serius. *It is an insult to everyone in the DAP. Not only in this house*, dengan izin. Dan saya berasa bahawa Batang Kali perlu *gentleman* sikit, hanya minta maaf dan tarik balik apa yang dikatakan. Dan dengan ini Damansara Utama ingin menyokong Usul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Damansara Utama. Saya beri laluan kepada pihak Kerajaan jika ada respon sikit. Tidak ada.

Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini, ialah satu Usul yang berbunyi, bahawanya, menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Usul no. 20 Tahun 2016, di bawah Peraturan Tetap 26(1)(P) untuk merujuk Yang Berhormat Dato' Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan, ADUN Batang Kali, ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan, berdasarkan ucapan beliau, di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2016. Yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini sebagai kertas Mesyuarat Bilangan 5, Tahun 2017.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata YA. Yang tidak bersetuju, sila kata TIDAK. Usul DIPERSETUJUI.

Yang Berhormat Batang Kali, sila berdiri.

**Pencelaan (*Admounishment*) kepada Ahli Dewan Negeri Batang Kali, Yang Berhormat Datuk Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan**

Yang Berhormat Batang Kali,

### **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Dewan telah meluluskan pernyataan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dewan memutuskan bahawa Yang Berhormat Batang Kali ternyata dengan cuba menaruh prasangka buruk di dalam Dewan melalui petikan ucapan Yang Berhormat pada 1 November 2016.

Dalam pernyataan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini, Dewan diingatkan mengenai tuntutan berfikir dan mengkaji sebelum memberi ucapan. Yang Berhormat juga diingatkan agar jangan berprasangka buruk apatah lagi apabila ianya melibatkan institusi beraja. Pejabat Speaker juga telah menyediakan unit penyelidik yang boleh membantu semua Ahli Dewan Negeri untuk membuat kajian berkenaan hal ehwal perbahasan Dewan Negeri. Amat aneh dan mengecewakan Yang Berhormat memilih untuk tidak membuat kajian komprehensif mahupun menggunakan kemudahan yang telah disediakan ini.

Yang Berhormat telah dipilih oleh rakyat di kawasan Yang Berhormat untuk menjadi pejuang kepada isu-isu rakyat yang mendasar ke dalam Dewan, bukannya mengamalkan prejedis dan prasangka buruk tanpa asas di dalam Dewan. Dan Yang Berhormat sendiri harus sedar, Speaker dan Timbalan Speaker selalu bertindak adil dalam memberi ruang dan memperkuat peranan pembangkang, yakni peranan Yang Berhormat sendiri, dalam pentadbiran Dewan Negeri Selangor. Yang Berhormat seharusnya menggunakan hak tersebut dengan jalan yang baik, bukannya dengan cara sebegini.

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah menjalankan tugas dalam menguruskan isu Yang Berhormat Batang Kali ini mengikut peraturan dan kuasa yang telah menaungi Jawatankuasa. Ini bukan isu politik partisan, atau ada apa-apa niat oleh Jawatankuasa untuk membuat satu penindasan terhadap Yang Berhormat. Apa yang telah Yang Berhormat lakukan (dengan membawa perkara ini ke Mahkamah) amatlah mengecewakan.

Yang Berhormat juga perlu betul-betul faham akan konsep asas negara dan negeri demokrasi yang mendukung pemisahan kuasa cabang pentadbiran atau *separation of powers*. Hal ini bermakna, apa-apa yang berlaku di dalam Dewan yang Mulia (termasuklah dalam Jawatankuasa Pilihan Dewan) tidak patut dicabar dalam mahkamah seperti Yang Berhormat telah lakukan. Selain itu, Yang Berhormat perlu diingatkan bahawa tafsiran Peraturan tetap ini tertakluk dan diputuskan oleh Speaker atau Timbalan Speaker, dan bukannya mahkamah. Apa yang telah Yang Berhormat lakukan yakni mencabar Dewan di mahkamah ini menunjukkan seolah-olah Yang Berhormat tidak memahami konsep asas demokrasi negeri ini. Saya harap perlakuan tersebut janganlah diulang lagi oleh sesiapa pun di Dewan ini.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Dengan ini, Dewan dengan rasminya mencela tindakan Yang Berhormat terhadap Dewan ini.

Dan saya perintahkan pencelaan ini direkodkan dalam *Hansard*. Sekian, terima kasih.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Peraturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan dewan.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Tuan Speaker,

Syukur Alhamdulillah, persidangan kali ini telah sampai ke penghujungnya. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan DYMM Sultan Selangor bersempena Pembukaan Persidangan Penggal Kelima, Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Tahun 2017.

Saya menyambut baik saranan dan pandangan bernes YB Ahli-Ahli Dewan Negeri demi merealisasikan gagasan Membangun Bangsa dan Memakmur Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian telah menghayati dan responsif kepada titah DYMM Tuanku yang menyeru kepada perpaduan dan mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat mengatasi politik partisan yang sempit.

DYMM Tuanku juga mengungkapkan falsafah politik yang jitu, iaitu politik bukanlah memburu kekuasaan tetapi politik dalam pengertian sebenar adalah usaha bagi mencapai urus tadbir yang cemerlang demi membangunkan negeri.

Kuasa adalah satu tanggungjawab bukan satu keistimewaan. Suasana politik hari ini menuntut kita bersatu untuk mengajak rakyat membuat pilihan sama ada menyuburkan demokrasi atau melindungi kleptokrasi. Kita tidak boleh bersubahat dan condong kepada kleptokrat.

Marilah kita bermula di sini untuk membudayakan amalan politik luhur yang berteraskan prinsip dan nilai. Titah Tuanku amat bertepatan dengan masanya. Jika kita menjunjung titah murni ini, "segala yang kusut dapat dirungkai, yang seteru dapat berdamai dan akhirnya negeri ini bertambah permai."

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Dewan Negeri Selangor merupakan institusi demokrasi. Kita berada di sini kerana dipilih oleh rakyat dan kita membawa mandat rakyat Negeri Selangor untuk bekerja. Maka, menjadi tanggungjawab Ahli-Ahli Dewan sekalian untuk memelihara mandat rakyat dan menyantuni aspirasi rakyat Negeri Selangor.

Tatkala saya menggulung perbahasan pada hari Jumaat lalu, 31 Mac 2017, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan pampasan sejumlah RM 8.5 juta kepada 8,953 pesawah yang menjadi mangsa serangan *bacterial leaf blight* (BLB). Pengumuman ini akan disusuli dengan program menyantuni pesawah-pesawah ini dalam masa terdekat untuk menyampaikan terus sumbangan Kerajaan Negeri yang peduli rakyat.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 2 juta untuk meneruskan penajaan anak-anak Selangor yang sedang melanjutkan pengajian di Jordan dan Mesir. Sekali lagi, pengumuman ini akan disusuli dengan tindakan di mana saya akan menyantuni pelajar-pelajar di Jordan dan Mesir pada hujung bulan ini.

Kerajaan Negeri senantiasa komited untuk menjamin kepentingan negeri dan rakyat. Sebagai sebuah negeri maju yang menyumbang RM 240 bilion setahun kepada Putrajaya, Kerajaan Negeri mendesak supaya Putrajaya menghormati dan mempertahankan prinsip dan semangat *federalisme*. Pada hari ini, Putrajaya menyumbang hanya 1.75% kepada Kerajaan Negeri Selangor – tidak adil kepada rakyat Selangor yang bekerja kuat untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

Saya mahu Selangor terus menyediakan kepimpinan (*leadership*) dan menjadi model kestabilan dan penyatuan dalam pentadbiran, cekal dan berpandangan jauh serta melaksanakan dasar dan program yang mengutamakan rakyat. Dengan izin, “*We must have moral leadership and the courage of convictions.*” Sekiranya Selangor dapat mengekalkan momentum kekuatan ini seperti yang dipersetujui oleh MIER, rakyat bukan sahaja di Negeri Selangor tetapi seluruh Malaysia akan yakin untuk meletakkan kita di Putrajaya dalam bulan September 2017 untuk menyelamatkan negara dan membina Malaysia baru yang gagah.

YB Tuan Speaker,

Sempena dengan Istiadat Pertabalan Sultan Muhammad V sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke-15 yang akan dizahirkan pada 24 April 2017 (Isnin) di Istana Negara, saya serta pimpinan Kerajaan Negeri, seluruh penjawat awam dan rakyat Negeri Selangor ingin merakamkan ucapan tahniah serta menjunjung kasih

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V atas pelantikan dan pertabalan Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke 15.

Selaras dengan kenyataan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada pagi ini, 3 April 2017 (Isnin) yang memaklumkan bahawa Kerajaan mengisyiharkan tarikh 24 April 2017 (Isnin) sebagai cuti umum iaitu Hari Kelepasan Am Tambahan, maka Kerajaan Negeri Selangor menyambut baik pengisytiharan ini. Kerajaan Negeri akan menyediakan kertas hebahan bagi memaklumkan perkara ini kepada seluruh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Pengisytiharan ini adalah selaras dengan Seksyen 8 Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai yang telah membantu menyediakan fakta dan keterangan untuk Kerajaan Negeri memberikan maklum balas dan jawapan kepada pertanyaan dan perbahasan Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Dewan dan pegawai-pegawai dan pelapor-pelapor yang telah membuat persiapan yang rapi dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang untuk menjamin mesyuarat berjalan dengan lancar dan mengikut peraturan mesyuarat. Terima kasih.

**Y.B DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan persidangan kali ini saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kerajaan di atas kerjasama yang diberikan melicinkan perjalanan mesyuarat kali ini. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, urus setia, pelapor-pelapor dan semua petugas yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan dengan lancar. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, sila semak draf Penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula pentadbiran Dewan sekiranya terdapat pembetulan agar Penyata Rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

## **03 APRIL 2017 (ISNIN)**

Semua soalan mulut yang belum dijawab akan dihantar secara jawapan bertulis kepada semua Ahli Yang Berhormat. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini akan ditetapkan kelak. Dewan Ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)**